

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 26 Selasa 17 Jun 2014

## KANDUNGAN

<b>USUL MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62</b>	(Halaman	1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014	(Halaman	32)
<b>USUL-USUL:</b>		
- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	25)
- Penangguhan Mesyuarat di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman	113)
<b>UCAPAN PENANGGUHAN:</b>		
■ Kekurangan Rumah Mampu Milik - <i>Y. B. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)</i>	(Halaman	113)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA  
Selasa, 17 Jun 2014**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**USUL**

**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA  
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M.62**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014 seperti yang tertera di No. 4 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke Mesyuarat akan datang.”

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 14(1)(f), rayuan-rayuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Apa dia Yang Berhormat?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Peraturan Mesyuarat 14(1)(f).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Selepas pertanyaan-pertanyaan lisan. Seperti lazimnya Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Okey, terima kasih. Saya hanya refer kepada peraturan mesyuarat. Terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya.

1. **Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan berikutnya tragedi kapal terbang MAS MH370 hilang, apakah kesan terhadap sektor pelancongan negara, khususnya kemasukan pelancong dari negara China.

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, izinkan saya menjawab soalan ini bersama beberapa soalan Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu Yang Berhormat Seremban pada 17 Jun, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dan Yang Berhormat Nibong Tebal pada 18 Jun serta Yang Berhormat Bukit Bintang pada 19 Jun 2014 kerana ia menyentuh perkara impak kepada sektor pelancongan berikutan insiden MH370.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, insiden kehilangan pesawat MH370 sememangnya telah memberi kesan kepada industri pelancongan negara terutamanya kedatangan pelancong dari negara China. Sehingga bulan April, tempahan yang dibatalkan atau ditangguhkan dilaporkan telah mencatat sebanyak 30,000 tempahan di mana seramai 8,913 tempahan merupakan kehilangan muatan penumpang akibat pembatalan 76 penerbangan berjadual dan sewa khas dari China seperti berikut:

- (i) Pembatalan penerbangan berjadual Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak 10 penerbangan oleh syarikat penerbangan MAS;
- (ii) pembatalan penerbangan berjadual Shenzhen ke Kota Kinabalu sebanyak 22 penerbangan oleh China Southern Airlines; dan
- (iii) pembatalan penerbangan sewa khas Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak 44 penerbangan oleh syarikat penerbangan tambang murah Spring Airlines.

Tuan Yang di-Pertua, ketibaan pelancong secara umumnya dan juga pelancong dari China bagi tempoh tiga bulan yang pertama tahun 2014 dan dibandingkan dengan ketibaan bagi tempoh yang sama bagi tahun 2013 adalah seperti berikut. Jumlah pelancongan keseluruhan yang datang ke Malaysia Januari hingga Mac 2013, kita mencatat 6,449,398 orang. Bagi Januari hingga Mac 2014, tahun ini, kita telah mencatat kedatangan pelancong sebanyak 7,091,433 orang iaitu pertambahan 10%. Itu jumlah pelancong keseluruhan.

Bagi jumlah pelancong dari negara China bagi tempoh Januari hingga Mac 2013 ialah 493,249 orang. Bagi Januari hingga Mac tahun ini, tahun 2014, ialah 520,466 orang iaitu kenaikan sebanyak 5.5%. Ketibaan pelancong dari China bagi bulan Mac sahaja tahun 2014 dan dibandingkan dengan tempoh yang sama bagi tahun 2013 adalah seperti berikut. Pada Mac 2013, seramai 168,118 orang, manakala pada Mac 2014, seramai 168,001 orang. Jadi kekurangan 0.1%. Itu untuk Mac kerana MH370 itu bulan Mac telah berlaku insiden itu.

Kadar pertumbuhan negatif bagi bulan Mac adalah kesan impak kehilangan MH370. Berdasarkan maklumat pihak industri pelancongan, mulai April sehingga tahun 2015, jumlah kedatangan pelancong yang dicatatkan mungkin akan berkurangan disebabkan oleh insiden ini

terutamanya dari kawasan Beijing di mana lebih daripada 30,000 bakal pelancong China yang membatalkan atau menangguhkan lawatan mereka ke Malaysia.

■1010

Bagi Yang Berhormat yang bertanyakan statistik jumlah pelancong dari negara China enam bulan sebelum insiden MH370 akan saya jawab secara bertulis kerana ada pertanyaan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tetap komited dalam usaha mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan negara dengan melaksanakan beberapa pendekatan strategik bagi memastikan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 tidak terjejas akibat daripada insiden ini. Bagi mengimbangi kejatuhan kedatangan pelancong dari pasaran Republik rakyat China, sebagai strategi jangka pendek, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia telah mempertingkatkan promosi di pasaran jarak sederhana seperti berikut:-

- (i) Pasaran ASEAN terutamanya Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina dan Brunei;
- (ii) Pasaran Asia Selatan - India, Bangladesh dan Sri Lanka;
- (iii) Pasaran Oceania - Australia, New Zealand; dan
- (iv) Pasaran Asia Barat iaitu Arab Saudi, Kuwait, Oman, Qatar, Emiriah Arab Bersatu dan Bahrain.

Selain daripada itu, Jawatankuasa Pengurusan Krisis yang dikendalikan oleh pejabat-pejabat Tourism Malaysia di pasaran China telah diwujudkan. Fungsi utama jawatankuasa ini adalah untuk berinteraksi secara aktif dengan para pengusaha pelancongan di pasaran China untuk mengembalikan keyakinan pelancong China mengunjungi Malaysia pada masa akan datang. Tourism Malaysia juga telah mengadakan perjumpaan dengan para pengusaha pelancongan serta wakil-wakil kanan pihak kerajaan negara China, Hong Kong dan Taiwan bagi melahirkan rasa simpati keprihatinan, perhatian dan doa seluruh rakyat Malaysia terhadap keluarga mangsa yang terlibat dalam insiden berkenaan.

Bagi menghormati sensitiviti keluarga mangsa MH370, kempen pengiklanan menerusi TV global seperti di siaran *CNN*, *BBC*, *Sky News*, *National Geographic Channel*, *Discovery Channel*, *AXN Asia* dan lain-lain TV Satelit dan juga pengiklanan dan publisiti di pasaran China telah ditangguhkan buat sementara waktu sebaik insiden itu berlaku. Namun kempen pengiklanan dan publisiti medium lain tetap diteruskan seperti mana yang dirancang di dalam Pelan Perancangan Media untuk tahun 2014. Walau bagaimanapun kempen yang ditangguhkan ini telah diteruskan semula mulai pertengahan bulan Mei 2014.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai insiden penculikan pelancong di Sabah. Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar telah mempengerusikan satu Mesyuarat Pengurusan Krisis pada 4 April 2014 sebagai langkah menangani impak dari insiden penculikan

tersebut. Pada 4 April 2014, Lembaga Pelancongan Sabah telah mengeluarkan nasihat perjalanan bahawa Sabah adalah selamat dikunjungi dan dipaparkan dalam laman web LPS dalam pelbagai bahasa. Dia yang mungkin tidak selamat itu di sebelah Timurlah. Jadi bukan seluruh Sabah yang terlibat. Membantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Yang Berhormat Datuk Pang Yuk Ming telah bertemu dengan duta negara China ke Malaysia iaitu *His Excellency* Tuan Terutama Huang Huikang di Kuala Lumpur pada 5 April 2014 untuk memaklumkan bahawa aktiviti pelancongan di Sabah berjalan seperti biasa.

Di samping itu, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ke China sempena sambutan ulang tahun ke-40 persahabatan antara Malaysia dan China telah turut meyakinkan pelancong China bahawa Malaysia terutamanya Sabah selamat dikunjungi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan sebentar tadi. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa Yang Amat Perdana Menteri telah membuat lawatan ke China untuk mengukuhkan persahabatan di antara kedua negara. Lanjutan daripada itu sudah tentu ianya akan memberi impak yang positif seperti mana yang diberitahu oleh Menteri tadi. Jadi soalan saya, apakah dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini akan dapat mengembalikan keyakinan masyarakat China untuk datang ke Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka seperti mana yang kita lihat tadi hampir lebih 500,000 atau setengah juta pelancong China datang ke Malaysia. Di samping itu apakah kehadiran pelancong China ini yang terjejas hanya kepada badan-badan tertentu ataupun keseluruhan negara China? Ini kerana kita difahamkan bahawa negara China ini ialah sebuah negara yang besar dengan jumlah penduduk sebanyak 1.4 bilion. Jadi saya memohon jawapan dari Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara China pada 27 sehingga 31 Mei 2014 telah membuka ruang bagi Kementerian Pelancongan meningkatkan usaha-usaha promosi di pasaran China. Saya telah difahamkan iaitu pertama, dalam perjumpaan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Tuan Terutama Perdana Menteri China. Perdana Menteri China telah memberikan jaminan bahawa bagi pihak mereka, kerajaan negara China akan memberikan jaminan iaitu bahawa apa juga yang berlaku pada insiden MH370 ini, mereka akan berusaha untuk memastikan supaya kedatangan pelancong China ke negara kita itu yang terjejas akan dapat dipulihkan semula.

Kemudian juga dengan kedatangan dua panda yang dipinjamkan oleh kerajaan China juga memberikan keyakinan yang tinggi bahawa Malaysia ikhlas dan berusaha di dalam membaiki sektor pelancongan yang terjejas akibat publisiti negatif yang diterima rentetan daripada insiden MH370. Kita semua faham iaitu bahawa panda ini merupakan satu binatang yang hanya boleh didapati di negara China sahaja dan sebagai satu simbol kerjasama dan

kepercayaan di antara satu sama lain, panda merupakan satu perkara simbolik untuk menunjukkan bahawa hubungan di antara negara China dengan negara berkenaan yang menerima pinjaman panda ini adalah di atas di tahap yang baik dan ada saling percaya mempercayai di antara satu sama lain.

Jadi panda ini menjadi simbolik, apabila diberi bermakna itu secara tidak langsung dia memberi keyakinan kepada rakyat China bahawa Malaysia ini ikhlas ya. Tidak ada apa-apa agenda yang lain yang boleh dikatakan mungkin menjelaskan hubungan antara kita dengan mereka. Jadi panda ini satu perkara cukup penting, dia memberikan keyakinan kepada rakyat China bahawa kita ikhlas untuk mengatasi apa juga masalah yang kita hadapi. Akhir-akhir ini juga kita lihat iaitu bahawa berita-berita negatif dalam media-media sosial telah pun berkurangan dan di media-media perdana tidak lagi melaporkan berita-berita mengenai kejadian tersebut.

Yang Berhormat bangkit tentang apakah perkara ini hanya berlaku di bandar raya berkenaan sahaja. Saya rasa itu betul seperti jawapan saya sebentar tadi. Memang di Beijing jelas nampak terjejas ya, di Beijing. Namun di dalam jawapan saya juga di bandar-bandar lain Shenzhen sebagai contoh juga dibatalkan dia punya penerbangan tetapi *insya-Allah* saya lihat dengan lawatan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi meraikan hubungan 40 tahun di antara Malaysia dengan negara China ini sudah tentu membuka ruang iaitu akan mengurangkan lagi ketegangan di antara rakyat negara kita dengan rakyat negara China rentetan daripada berlakunya insiden MH370 ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak.

■1020

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri telah memberikan penjelasan yang agak panjang lebar berhubung kadar pertumbuhan yang negatif ke atas industri pelancongan ekoran tragedi kehilangan MH370 termasuk beberapa fakta dan statistik yang telah dibentangkan sebentar tadi. Sebagai contoh, jumlah penerbangan berjadual yang dibatalkan dan juga jumlah penempahan tempat penginapan dan hotel yang terpaksa dibatalkan dan jumlah serta statistik pelancong asing yang datang ke Malaysia di antara Mac 2013 dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun 2014. Namun persoalan saya ialah ada yang berpandangan bahawa isu penculikan dan keselamatan di negeri Sabah itu sebenarnya memberikan impak yang lebih parah jika dibandingkan dengan tragedi MH370.

Walaupun Yang Berhormat Menteri telah memberikan sedikit penjelasan bahawa Tourism Malaysia di Sabah telah mengeluarkan nasihat perjalanan tetapi boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri membantu memberikan statistik sebaik sahaja tragedi penculikan berlaku di negeri Sabah dan semalam berulang sekali lagi. Apakah kesan ke atas industri pelancongan dalam konteks statistik yang sebenarnya? Maknanya jumlah pelancong yang datang ke Sabah,

jumlah jadual penerbangan berjadual yang mungkin dibatalkan oleh kerana isu keselamatan jika dibandingkan dengan tragedi MH370. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak itu adalah betul kerana jawapan saya iaitu berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat bahawa kes Sabah itu lebih teruk lagi daripada MH370. Itu adalah betul kerana seperti mana yang saya telah beri jawapan sebentar tadi pembatalan penerbangan berjadual Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak 10 penerbangan oleh syarikat penerbangan MAS. Kedua pembatalan penerbangan berjadual Shenzhen ke Kota Kinabalu, sebanyak 22 penerbangan oleh *China Southern Airlines*. Ketiga, pembatalan penerbangan sewa khas Shanghai ke Kota Kinabalu. Sebanyak 44 penerbangan oleh syarikat tambang murah Spring Airlines.

Jadi, pandangan Yang Berhormat itu betul kerana semua pembatalan itu dibuat ke Kota Kinabalu. Oleh sebab itu, apa yang dilakukan oleh kita ialah untuk memastikan kerja yang lebih harus dilakukan untuk meyakinkan kepada pelancong-pelancong negara China untuk memberitahu kepada mereka iaitu bahawa di Sabah selamat tetapi ini luar daripada keupayaan dan kebolehan kementerian saya untuk memberi jaminan ini. Sudah tentu Kerajaan Negeri Sabah, mereka berusaha lebih selain daripada memberikan jaminan iaitu bahawa Sabah itu adalah selamat. Kita memaklumkan kepada pelancong-pelancong iaitu Sabah itu selamat, Sabah bukan sahaja *East Coast* ya. Sabah juga adalah *West Coast* iaitu Kota Kinabalu dan di sebelah Pantai-pantai Barat ini.

Jadi, saya percaya Kerajaan Negeri Sabah sudah tentu mengambil tindakan yang lebih untuk memberikan jaminan dan sudah tentu juga Kementerian Dalam Negeri mesti lakukan yang lebih, bukan sahaja memberi keyakinan tetapi kena juga *walk the talk* supaya jangan lagi berlaku perkara-perkara yang tidak diingini berlaku di Sabah. Walaupun ia berlaku di Pantai Timur tetapi ia memberi kesan kepada seluruh negeri Sabah kerana bagi pelancong-pelancong dia tidak dapat membezakan di antara *East Coast* dengan *West Coast*. Malah bukan sahaja negara China Yang Berhormat, *travel advisory* telah pun dikeluarkan oleh Amerika Syarikat, Germany dan Britain yang mengatakan bahawa tidak mahu warga mereka untuk pergi ke Sabah.

Perkara ini berbangkit waktu saya berada di luar negara. Mereka menyuruh saya untuk pergi berjumpa dengan kedutaan-kedutaan Amerika, UK dan juga German untuk meminta supaya *travel advisory* ini ditarik balik. Akan tetapi agak sukar untuk saya berbuat demikian kalau sekiranya keadaan sebenar tidak sebegitu. Jadi, banyaklah yang harus kita lakukan. Apa Yang Berhormat cakap itu betul, impak yang lebih teruk ialah keselamatan seperti apa yang telah berlaku di Sabah daripada MH370 itu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Boleh satu lagi Tuan Yang di-Pertua? Boleh satu lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Pendek boleh Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pendek, ya pendek.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Soalan pendek boleh Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya dengan Yang Berhormat Menteri, kalau tidak tanya tidak sah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok Menteri ini sangat *confident*. Tenang, tenang menghadapi krisis tidak macam Menteri Kewangan. Datang bentang, tarik balik, hulur tarik, hulur tarik. Apa Parlimen ini tempat main sorong dan tarikkah? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Terus soalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Menteri sangat hebat menghadapi suasana krisis. Daripada pembentangan tadi itu nampak tidak ada pengurang yang begitu ketara. Tidak sampai 1%. Pengurangannya cuma sepatutnya lebih lagi penambahan pelancongan ke Malaysia tidak boleh hanya bergantung kepada panda dua ekor. Panda itu tidak ada krisis, sebelum krisis lagi kita sudah putus untuk beli panda, hendak menyusu panda di Malaysia. Akan tetapi kita pula tidak hantar pula apa yang kita hendak sewa ke China? China yang hendak sewa kepada kita, kita tidak hantar apa-apa dari Malaysia. Jadi, sepatutnya kalau boleh hantar Ahli Parlimen Barisan Nasional suruh China bela, kita sewa bagi pada mereka.

Jadi, saya hendak tanya apa peranan syarikat-syarikat pelancongan, hotel dan juga syarikat-syarikat penerbangan Malaysia ini turut membantu dalam *content* untuk membina kembali imej atau memberikan keyakinan kepada pelancong-pelancong luar khususnya di negara China dalam menangani ataupun berhadapan dengan krisis MH370? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pemain-pemain industri pelancongan yang lain seperti hotel, *travel agent*, sudah tentu mereka juga merasai impak negatif hasil daripada *incident* MH370. Saya difahamkan bahawa *travel agent* ini dan juga hotel-hotel, mereka telah pun mengambil tindakan untuk memberikan pakej-pakej yang lebih menarik supaya dapat menarik perhatian mereka dari Negara China ini. Selain daripada itu, usaha-usaha promosi telah dijalankan untuk *second tier* dan *third tier city* selepas penangguhan promosi pelancongan tersebut. Kita pergi dengan mereka, kita bersama-sama dengan pemain-pemain industri ini merancang untuk pergi ke bandar-bandar *second tier* dan *third tier* untuk mengadakan seminar di Taiwan, Hohot, Harbin, Shenyang dan Xi'an.

Jadi, ini semua kita buat supaya kita dapat menarik perhatian pelancong-pelancong China bukan dari *first tier city* ya, daripada *second tier and third tier* yang mungkin dia punya

pandangan terhadap *incident* MH370 ini berbeza sedikit. Jadi usaha ini dilakukan bersama antara kementerian saya dengan pemain-pemain industri seperti hotel dan juga *travel agent*.

**[Soalan No.2 – Y.B. Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu) tidak hadir]**

■1030

3. **Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah perancangan untuk menganjurkan kursus-kursus melalui badan-badan tertentu kerajaan yang diperlukan untuk bekerja di pelantar minyak (*off-shore*) seperti kursus keselamatan (*safety*) kepada belia-belia di kawasan pedalaman, seperti di Hulu Rajang, yang amat berminat untuk menceburi bidang pekerjaan *off-shore*.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:**  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Hulu Rajang. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada pelawat-pelawat kita di dalam Dewan yang mulia ini. Tidak silap saya daripada Jerantut ataupun Kuala Krau dan lain-lain. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Hulu Rajang di atas keprihatinan tentang masa depan anak-anak muda khususnya di kawasan beliau. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Sumber Manusia memainkan peranan yang cukup besar di samping kementerian-kementerian lain dalam mengadakan pelbagai latihan kemahiran kepada pekerja dan juga belia-belia di negara kita ini. Kita mempunyai sebanyak 1,171 pusat bertauliahan di negara kita. Sebanyak 395 adalah kerajaan dan 776 adalah swasta. Bagi kementerian, kita mempunyai 23 Institut Latihan Perindustrian. Ini termasuklah melatih pekerja-pekerja dan anak-anak muda dalam bidang *oil and gas*.

Tuan Yang di-Pertua, bekerja di pelantar minyak (*off-shore*) adalah berisiko tinggi dan memerlukan pekerja mahir dan terlatih. Di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 tidak dinyatakan secara spesifik mengenai kursus-kursus bekerja di pelantar minyak (*off-shore*) ini. Kursus-kursus yang mengenai keselamatan akan ditentukan oleh industri gas dan minyak. Di antara kursus-kursus asas yang diperlukan bagi pekerja yang ingin bekerja dia pelantar adalah seperti Oil and Gas Safety Passport dan Basic Offshore Safety Induction and Emergency Training (BOSIET), dengan izin. Di bawah Kementerian Sumber Manusia latihan melalui keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah di bawah fungsi agensi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Hulu Rajang, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) adalah merupakan salah satu agensi penyedia latihan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di bawah Kementerian Sumber Manusia.

NIOSH menyediakan kursus-kursus di tempat kerja yang berisiko tinggi termasuk yang bekerja di pelantar minyak (*off-shore*) ini. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- (i) Kursus Ruang Terkurung;
- (ii) Kursus Pelan Tindakan dan Penyediaan Persediaan Kecemasan; dan
- (iii) Kursus Induksi Keselamatan.

Pada masa ini NIOSH menjalankan kursus-kursus tersebut di pejabat-pejabat wilayah seperti berikut:-

- (i) NIOSH Sarawak di Bintulu dan Miri;
- (ii) NIOSH Sabah di Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan;
- (iii) NIOSH di Kemaman, Terengganu;
- (iv) NIOSH Johor Bahru dan Melaka; dan
- (v) NIOSH Bangi dan juga satu lagi di Pulau Pinang.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan saya tadi. Tuan Yang di-Pertua, suku kaum Dayak iaitu Iban, Orang Ulu dan Bidayuh khususnya amat sinonim dengan budaya ‘bejalai’ atau merantau untuk mencari pengalaman dari segi di merata tempat di dunia ini. Budaya ini masih lagi kami amalkan dan ramai daripada suku kaum Iban dan Orang Ulu yang bekerja jauh dari keluarga sendiri kerana dalam kerja untuk mencari *oil and gas industry*, dengan izin. Malah adik saya sendiri contohnya sekarang ditugaskan bekerja di pelantar minyak di Iraq.

Jadi implikasinya Tuan Yang di-Pertua, yang jelas adakah para belia yang bekerja di *off-shore* ini, dengan izin mereka ini dapat menyumbang, membantu dan menaik taraf keluarga mereka yang terdiri dalam kehidupan sukar. Ingin saya kemukakan di sini isu mengenai kursus *safety course* dan *sea survival course* yang diwajib oleh mana-mana individu yang ingin bekerja di pelantar minyak. Buat masa ini kursus ini ditawarkan oleh syarikat swasta yang mengenakan bayaran yang amat tinggi hingga mencecah RM2,000 hingga RM3,000. Lantas menjadi penghalang Tuan Yang di-Pertua, kepada anak-anak muda dari kawasan luar bandar yang berminat untuk bekerja di industri *oil and gas*. Soalan saya, adakah terdapat rancangan oleh pihak kementerian untuk mengambil alih tugas penyediaan kursus keselamatan yang bakal pekerja pelantar minyak bagi mengurangkan kos yang mereka terpaksa tanggung. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Tadi saya sudah sebutkan bahawa di institut-institut latihan perindustrian kita, kita memberikan asas kursus untuk sebahagianya daripada *oil and gas*. Dalam masa yang sama kita ada juga menjalankan dengan industri ataupun majikan-majikan melalui PSMB ialah kursus-kursus untuk *rescaling and up scaling* pekerja-pekerja ini.

Saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Hulu Rajang kerana keprihatinan beliau tentang perkara ini dan kita akui bahawa kursus dalam industri *oil and gas* ini

memanglah memerlukan kepakaran yang cukup tinggi. Jadi inilah yang sentiasa kita galakkan kepada belia-belia kita kerana lazimnya belia-belia kita mungkin ingin melihat dan mencebur kursus-kursus yang tidak mencabar lagi. Sebagai contoh, bekerja sebagai *underwater welder* ini yang *mengwelding pipe* minyak di bawah air ini, gajinya berpuluhan-puluhan ribu dan ini memerlukan kepakaran yang cukup besar.

Jadi suka saya memaklumkan bahawa sebenarnya banyak dalam kursus-kursus yang telah pun kita adakan, saya rasa beritahu kepada Yang Berhormat untuk saya bacakan sedikit. Berdasarkan statistik dari tahun 2009 hingga 2013, NIOSH juga telah melatih seramai 514,863 pekerja di dalam bidang program dan latihan kesihatan termasuk *oil and gas* ini. Banyaklah ruang-ruang lain yang telah pun kita lakukan bagi kita melatih pekerja-pekerja ini.

Saya akui Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang tadi. Namun Kementerian Sumber Manusia melalui NIOSH dan di dalam proses membangunkan program-program kursus untuk pekerja-pekerja pelantar minyak ini. Hari ini memang sebahagian mereka kena bayar bahkan pelatih yang melatih di NIOSH juga kita ada kenakan bayaran sedikit tetapi adalah lebih minimum.

Inisiatif yang telah dilaksanakan adalah Kementerian Sumber Manusia sedang membina kemudahan latihan di Kertih bernilai RM5 juta dan dijangka siap Julai 2015. Saya ingat Yang Berhormat, kalau pusat latihan ini siap nanti *insya-Allah* kita boleh memberikan latihan dengan kos yang mungkin lebih rendah lagi daripada apa yang mereka lalui. Dengan siapnya kemudahan tersebut Kementerian Sumber Manusia akan menyediakan kemudahan latihan khusus bagi pelantar minyak sebagai contoh *Program Basic Offshore Safety Induction and Emergency Training*, dengan izin BOSIET. Keperluan ini akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang bernilai sebanyak RM10 juta.

Dengan adanya kemudahan ini Kementerian Sumber Manusia dapat menyediakan kemudahan bersama-sama dengan penyedia latihan lain dan ini akan dapat membantu mengurangkan kos bagi mengikuti kursus dan latihan yang akan dibiayai oleh anak-anak kita daripada negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kanowit.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan pendek sahaja. Soalan saya adalah saya ingin tahu berapakah *enrollment* pelatih-pelatih di tempat latihan NIOSH di Sarawak dalam beberapa tahun yang lalu ataupun *the annual intake?* Dan berapakah kos bagi menghadiri kursus-kursus tersebut? Adakah ia mampu dibayar oleh mereka yang mungkin tidak dapat membayar, mereka yang tidak bekerja, mereka yang baru lepasan sekolah SPM dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Kanowit. Sebenarnya kita ada senarai kos yang terlibat yang perlu ditanggung oleh peserta kursus yang terdapat di NIOSH ini.

**■1040**

Cuma di Kanowit ini saya kena tengok balik. Sebagai contoh, saya ambilkan keperluan perundangan untuk bahan kimia berbahaya RM1,200. Ini senarai kos yang terlibat bagi setiap program yang NIOSH jalankan ini. Kemudian banyak lagi. Doktor kesihatan pekerjaan. Maknanya kita ada doktor yang kita ambil daripada Kementerian Kesihatan dan kita latih mereka di pusat kita yang berkaitan dengan keselamatan kesihatan pekerjaan. Ia berbeza sedikit. Orang sakit biasa Tuan Yang di-Pertua, dengan pesakit di industri dan sebagainya berbeza. Oleh sebab itulah kita perlu latih mereka ini dan kosnya lebih kurang RM3,000. Jadi banyak lagilah.

Penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukan bagi ruang terkurung. Maknanya hendak uji gas dan sebelum dimasukkan pada terowong dalam itu, dia mesti tahu berapa kapasiti gas, berapa kekuatan gas dan sebagainya dan ini kita kenakan kos lebih kurang RM1,000 sahaja. Maknanya kalau kita lihat kos sekarang ini masih lagi rendah berbanding dengan nilai keselamatan yang perlu ditanggung oleh pekerja kita kalau mereka masuk bekerja di *oil and gas* ini. Yang Berhormat Kanowit, mungkin *details* saya berikan kemudian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. **Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pelajar yang berjaya diterima masuk ke Matrikulasi untuk tahun 2014 dengan berikan jumlah pelajar mengikut kaum; dan
- (b) apakah kriteria untuk meluluskan permohonan tersebut dan bilangan permohonan yang ditolak.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat, program matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia ini pada asasnya diwujudkan lebih sedekad yang lalu, sebenarnya sejak tahun 1998. Ini mukadimah sebagai persediaan bagi pelajar bumiputera lulusan Sijil Pelajaran Malaysia untuk bersaing bagi melayakkan mereka mengikuti kursus peringkat ijazah dalam bidang sains, teknologi dan sastera ikhtisas di institut pengajian tinggi awam dan juga institut pengajian tinggi swasta.

Sejak awal penubuhan hingga sesi 2002/2003, kerajaan memutuskan pengambilan pelajar ke program ini 100% adalah pelajar bumiputera sahaja. Namun pada 29 Mei 2002, kerajaan telah bersetuju supaya 10% daripada tempat dalam program matrikulasi ini dibuka kepada pelajar bukan bumiputera. Langkah yang dilakukan ini bertujuan untuk memberi peluang serta mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan penuntut bumiputera dan bukan bumiputera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program berbentuk *fast track* ini kian menjadi rebutan dalam kalangan pelajar lepasan SPM setiap tahun. Pada sesi 2014/2015, seramai 109,150 pelajar lulusan SPM telah memohon untuk mengikuti program ini dalam jurusan sains

dan jurusan perakaunan. Daripada jumlah 109,150 pelajar tersebut Yang Berhormat, seramai 86,684 pelajar adalah pelajar-pelajar bumiputera yang merangkumi Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak. Manakala selebihnya, 22,456 adalah pelajar bukan bumiputera. Sebagai pecahan ialah 15,180 pelajar kaum Cina, 6,136 pelajar kaum India dan 1,150 pelajar lain-lain kaum.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, hanya 28,000 tempat sahaja yang disediakan dengan agihan 10% kepada pelajar bukan bumiputera dan selebihnya 90% diperuntukkan kepada pelajar bumiputera yang telah mendaftar di 15 buah kolej matrikulasi mulai 19 Mei 2014 bagi ambilan pertama dan 12 Jun 2014 bagi ambilan kedua. Maklumat terkini buat masa ini belum ada lagi untuk 2014 memandangkan pengambilan kedua ini baru selesai minggu lalu. Minggu ini kita akan mendapat maklumat tetapi untuk makluman Yang Berhormat, pengambilan 2013 saya bagi contoh, jumlah pelajar bumiputera yang masuk ke 15 kolej matrikulasi pada tahun lalu ialah 21,814, pelajar India 1,142, pelajar cina 1,212 dan pelajar lain-lain 81. Ini pengambilan tahun lalu. Tahun ini kita belum ada maklumat terkini kerana minggu lalu sahaja kita habis tempoh pengambilannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun terdapat peningkatan pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam SPM. Justeru, wujud persaingan yang sangat tinggi dalam kalangan pelajar cemerlang SPM ke program matrikulasi. Peningkatan sedemikian sangat sihat bagi negara. Walau bagaimanapun, bagi segelintir ibu bapa melihatnya sebagai sekatan kepada anak mereka untuk melanjutkan pengajian. Hal yang demikian telah menyebabkan syak wasangka dalam kalangan ibu bapa kepada pemilihan pelajar ke program matrikulasi sejak tahun 2006. Kementerian telah mendasarkan kriteria-kriteria berikut dalam pemilihan pelajar-pelajar ke program ini:

- (i) Hanya calon yang memohon dan melepassi syarat kelayakan minimum layak dipertimbangkan ke program matrikulasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila kita katakan hanya calon yang memohon kerana terdapat 78,000 calon yang mempunyai kelayakan yang cukup syarat tetapi tidak memohon, 78,000;
- (ii) Pemilihan pelajar adalah melalui sistem meritokrasi iaitu gabungan 90% akademik dan 10% kokurikulum. Akademik hanya empat mata pelajaran sahaja diambil kira dan kokurikulum purata markah dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima;
- (iii) Gred empat mata pelajaran tersebut diberi nilai dan kemudiannya dijumlahkan dengan markah kokurikulum. Gabungan markah ini dinilai merit pelajar yang kemudiannya disusun mengikut ranking. Berdasarkan ranking dan permohonan, pelajar ditawarkan ke jurusan sains dan jurusan perakaunan berdasarkan tempat yang disediakan

yang mana kadarnya 70% ke jurusan sains, 30% ke jurusan perakaunan.

Pengambilan hanya dibuat sebanyak dua kali sahaja. Sekiranya jumlah pelajar yang mendaftar pada ambilan pertama kurang, maka tawaran kedua dibuat berdasarkan kekosongan tempat dan jurusan. Program ini merupakan program *fast track* yang tertakluk sepenuhnya kepada prinsip dan pelaksanaan sistem pengajian semeter. Justeru, tiada pengambilan yang ketiga dibuat dan semua pelajar ditempatkan secara merata berdasarkan keseimbangan kaum dan negeri di semua kolej matrikulasi atau konsep Gagasan 1Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat seramai 7,083 pelajar yang mempunyai keputusan SPM cemerlang tetapi tidak diterima kerana mempunyai markah kokurikulum yang sangat rendah. Justeru, pemilihan pelajar ke program matrikulasi bukan hanya terletak kepada kecemerlangan keputusan SPM, tetapi juga kecemerlangan pelajar dalam kokurikulum seawal tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, adakah ini pandangan dari orang awam iaitu standard matrikulasi jika dibandingkan dengan standard STPM ada banyak beza. Adakah program matrikulasi ini telah menjelaskan standard pendidikan keseluruhan negara kita?

Saya juga ingin tanya mengenai sijil matrikulasi dan sijil STPM, bagaimana dengan penerima di universiti-universiti antarabangsa? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Soalan yang baik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada *comparison* ataupun *there's no difference* dengan izin. Matrikulasi dan STPM adalah setara yang mana proses penyamarataan kelayakan matrikulasi dan STPM telah dilaksanakan secara bersepadu oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Majlis Peperiksaan Malaysia, Bahagian Matrikulasi dan IPTA melalui Jawatankuasa Pembangunan Akademik JPA yang dianggotai oleh Timbalan-timbalan Naib Canselor IPTA.

#### ■1050

Justeru, penyamarataan diguna pakai sebagai kelayakan masuk kepada calon untuk mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama di IPTA. So, kita ada kawalan yang kita buat di sana.

Untuk soalan yang kedua, sama ada pengiktirafan matrikulasi dan juga STPM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelayakan kolej matrikulasi buat masa ini diterima oleh beberapa universiti di luar negara, luar daripada Malaysia. Contoh, di *The Russel Group* di United Kingdom, terdapat 10 buah universiti United Kingdom. Di antara universiti yang menerima kelulusan matrikulasi ialah contoh, daripada 10 buah universiti, University of Manchester, King's College of London, ternama ya. Maksudnya kualiti matrikulasi ini diterima pakai oleh universiti-universiti tersebut, malah di Australia, contohnya, University of Sydney, di New Zealand ,

University of Auckland, di Indonesia seperti Universiti Pandamaran, Sumatera Utara, Universitas Andalas. Buat masa ini terdapat lebih kurang 227 pelajar yang sedang belajar di universiti-universiti di luar negara.

Manakala STPM pula Yang Berhormat diiktiraf oleh banyak universiti di peringkat antarabangsa terutamanya di negara-negara Komanwel dan juga Amerika Syarikat dan juga Ireland. Kebanyakan universiti menganggap keputusan STPM ini sama taraf dengan A-Level. Malah, STPM ini juga dipantau oleh wakil daripada taksiran Cambridge untuk mengekalkan kualiti dan piawaiannya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama pada pagi ini. Saya juga sekali lagi ingin mengalu-alukan kehadiran rombongan veteran UMNO Bahagian Jerantut ke Dewan ini pada pagi ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, tahniah atas kejayaan program matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah atau alternatif pilihan yang ada kepada kementerian yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang telah mengikuti program matrikulasi ini tetapi mereka mendapat kelulusan yang kurang memuaskan ataupun yang gagal dalam program ini? Berapakah jumlah statistik yang menggambarkan jumlah pelajar-pelajar yang gagal sehingga kini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Maklumat terperinci mengenai jumlah pelajar yang gagal ini buat masa ini tidak ada pada saya. Saya boleh kongsi maklumat. Akan tetapi rata-rata pelajar-pelajar yang mengambil tawaran masuk ke matrikulasi ini mempunyai *track record* cemerlang pencapaian mereka, kebanyakannya daripada mereka.

Kalau tidak semua, kebanyakannya daripada mereka berjaya melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti tempatan, swasta dan juga luar negara seperti mana yang saya katakan tadi. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, penerimaan kelayakan matrikulasi ini dalam universiti-universiti yang ternama di United Kingdom, contoh, King's College dan University of Manchester dan ada 10 buah lagi menunjukkan kehebatan sistem pendidikan Malaysia ini. Ini menunjukkan contoh pengiktirafan kolej universiti-universiti yang ternama dan kita akan terus mengekalkannya.

Kita hendak terus mengekalkannya dan oleh sebab itulah sampai ke hari ini peperiksaan STPM kita juga dipantau oleh wakil taksiran Cambridge kerana kita dapat mengekalkan kualitinya Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih atas peluang untuk saya tanyakan soalan tambahan. Yang Berhormat, saya hendak tanyakan tentang nasib 1,595 orang graduan bagi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan yang mana mereka ini adalah merupakan

calon simpanan bagi untuk ditempatkan *posting* kerana mereka meminta supaya dapat ditempatkan di mana-mana sekolah. Kalau tak dapat sekolah menengah, sekolah rendah pun jadilah. Kasihan kerana mereka ini adalah graduan yang telah lama, sudah setahun dah menunggu. Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Jauh soalannya daripada soalan pokok. Akan tetapi walau bagaimanapun, saya cuba menjawab soalan berdasarkan maklumat yang ada kerana saya sendiri malah Yang Berhormat Tawau, Yang Berhormat Besut, Yang Berhormat Pagoh semua dalam kementerian cuba mencari penyelesaian dengan juga KSU-KSU kita di kementerian dan semua pegawai di kementerian mencari penyelesaian.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, 1,519 calon ini telah diperakukan sebagai calon simpanan kerana buat masa ini kita tidak ada opsyen dan kita akan menempatkan mereka bila guru-guru yang sedang memberi perkhidmatan bersara secara berkala dan ikut ranking. Kita telah pun menempatkan lebih kurang 2,000 orang guru-guru dan mereka akan dilantik. Malah 2,733 orang guru akan ditempatkan pada 1 Julai 2014.

Baki 1,519 orang bukan kita mengatakan kita tidak akan menempatkan mereka, tidak sama sekali. Kita akan menempatkan mereka tetapi kita perlu tunggukan unjuran kerana opsyen-opsyen kita tidak mahu. Kita tidak boleh katakan, tak apalah, walaupun guru ini opsyennya bahasa Inggeris, kita suruh dia mengajar opsyen matematik, tak boleh, tak boleh. Kita tidak boleh, kita harus beri anak-anak kita di sekolah sekumpulan guru yang cemerlang dalam bidang-bidang pengkhususan mereka.

Maka saya berharap, guru-guru ini dapat bersabar kerana sebagai seorang guru kita harus banyak bersabar. Saya sentiasa mengatakan kesabaran ini separuh daripada iman. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**5. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) statistik terkini rakyat Malaysia yang berada di bawah program e-Kasih mengikut negeri dan apakah usaha berterusan Kementerian untuk mendaftarkan rakyat daripada golongan miskin untuk menyertai program eKasih; dan
- (b) apakah usaha-usaha berterusan Kementerian dalam membasmi kemiskinan tegar terutama kepada penduduk di kawasan pedalaman dan luar bandar.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat empat kategori maklumat kemiskinan di dalam sistem eKasih iaitu miskin tegar, miskin, mudah miskin dan terkeluar yang ditentukan berdasarkan pendapatan garis

kemiskinan PJK semasa. Mereka boleh mendaftar secara berterusan melalui pejabat daerah dan pejabat pembangunan negeri. Sehingga 31 Mei 2014, bilangan isi rumah miskin yang direkodkan dalam eKasih mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Isi Rumah Miskin
Johor	19,343
Kedah	23,364
Kelantan	67,780
Melaka	11,499
Negeri Sembilan	15,240
Pahang	17,540
Perak	37,287
Perlis	11,883
Pulau Pinang	21,222
Sabah	66,013
Sarawak	101,213
Selangor	26,887
Terengganu	46,210
Wilayah Persekutuan	13,662
Wilayah Persekutuan Labuan	3,053
Wilayah Persekutuan Putrajaya	232
<b>JUMLAH</b>	<b>482,428</b>

Mereka yang telah terkeluar daripada e-Kasih setelah diberi tumpuan bertalu-talu sebanyak 230,749. Dengan demikian, jumlah miskin tegar tinggal 66,148, miskin - 128,601 dan mudah miskin - 56,930. Contoh untuk membolehkan kita membuat perbandingan.

Negeri	Miskin Tegar	Miskin	Mudah Miskin	Yang Sudah Terkeluar
Johor	405	3,651	325	14,962
Kelantan	5,780	31,812	11,386	18,802
Sabah	26,503	21,136	5,589	12,785
Wilayah Persekutuan	2	9	10	211

### ■1100

Bagi negeri yang mempunyai jumlah peserta eKasih yang ramai, pelaksanaan program-program seperti yang disebutkan tadi telah dilipat gandakan. Hasilnya, mereka telah dapat dikeluarkan daripada paras kemiskinan semasa.

Keduanya, soalan (b), usaha-usaha berterusan kementerian dalam membasmi kemiskinan tegar terutama kepada penduduk di kawasan pedalaman dan luar bandar adalah melalui Program 1Azam di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) peningkatan pendapatan isi rumah berpendapatan rendah yang diselaraskan oleh Kementerian

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi membantu golongan tersebut berdikari dan seterusnya keluar daripada belenggu kemiskinan.

Program 1Azam yang berteraskan kebajikan produktif ataupun *productive welfare* membantu golongan yang berpendapatan rendah dengan menyediakan peluang menjana pendapatan dalam bidang Azam Tani dan perkhidmatan, Azam Khidmat, yang diterajui oleh KPWKM dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM); bidang pertanian, Azam Tani yang diterajui oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; dan pekerjaan, Azam Kerja yang diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia.

Bermula dari tahun 2010 hingga 31 Disember 2013, Program 1Azam yang berkonsepkan kebajikan produktif telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 140,296 orang. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ambil kesempatan pagi ini hendak ucapkan selamat hari lahir kepada Yang Berhormat Arau. Yang ke berapa tidak tahu lah.

**Seorang Ahli:** Tiga puluh tiga.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Tiga puluh tiga. Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan di dalam melaksanakan pelbagai usaha dan pendekatan ke arah program pembasmian kemiskinan melalui banyak agensi di bawah beberapa kementerian. Program eKasih adalah merupakan bank data kemiskinan nasional yang mana kebanyakan bantuan yang disalurkan oleh agensi-agensi di bawah kerajaan ini akan berpandukan kepada pendaftaran eKasih ataupun nama-nama yang terdapat di dalam eKasih.

Sekarang ini ramai yang tergolong dalam golongan kategori miskin tegar dan miskin melarat yang kita dapatkan tidak tersenarai, masih belum tersenarai di dalam Program eKasih kerana barangkali mereka ini tidak tahu di manakah tempat untuk mendaftar diri mereka sendiri sebagai masyarakat ataupun individu dan keluarga yang tergolong di dalam golongan miskin dan juga miskin tegar.

Jadi persoalannya, memandangkan terlalu ramai yang tidak tersenarai di dalam pendaftaran eKasih ini, apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan gerakan yang bersepadu di dalam usaha membuat bincian golongan miskin dan juga miskin melarat, miskin tegar ini? Kalauolah kita mendapati rungutan terdapat kekurangan kakitangan, tidakkah juga kerajaan bercadang untuk melantik pegawai-pegawai kontrak kerana ramai graduan yang belum mendapat kerja ini boleh dilantik secara sementara untuk kita lakukan satu gerakan yang menyeluruh kerana bagi pandangan saya, bank data kemiskinan ini yang ada dengan kerajaan ini adalah tidak tepat memandangkan masih terlalu ramai golongan miskin ini tidak tersenarai di dalam eKasih ini. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali terima kasih di atas ucapan dan keletihan bermula walaupun *Germany* menang 4-0 semalam.

Tuan Yang di-Pertua, eKasih ini ialah program pendaftaran sepanjang masa. Pada masa sekarang, Pejabat Daerah ataupun Pejabat Kemajuan Negeri masih mampu untuk mendaftar eKasih. Jadinya, kepada Yang Berhormat, kepada semua rakyat Malaysia yang dikasihi sekalian, supaya bawa orang yang bernama eKasih ini untuk daftar di Pejabat Daerah. Sehingga kini, Pejabat Daerah dan juga Pejabat Pembangunan Negeri mampu untuk mendaftar senarai eKasih.

Macam di Kelantan Yang Berhormat, mereka yang telah mendaftar ialah sebanyak 67,780. Miskin tegar hanya sebanyak 5,780; miskin sebanyak 31,018; mudah miskin sebanyak 11,386; dan mereka yang telah terkeluar setelah tumpuan diberi habis-habisan kepada Kelantan, sebanyak 8,802. Akan tetapi maklumat Yang Berhormat berikan tadi menunjukkan bahawa masih ada yang tidak didaftarkan, kita akan daftar. Tidak ada masalah. Bawa sahaja. Ini biarlah menjadi tugas utama wakil-wakil rakyat atau sesiapa sahaja ke Pejabat Daerah atau Pejabat Kemajuan Negeri, daftarkan mereka, kita akan temu ramah. Kalau mereka layak, mereka akan dikategorikan seperti yang disebutkan iaitu miskin tegar, miskin dan mudah miskin.

Buat masa sekarang ini, pegawai yang ada mencukupi tetapi kalau memang sebenarnya terdapat sesuatu yang luar biasa berlaku sehingga memerlukan kita tambah pegawai, kita boleh berbuat demikian. Akan tetapi buat masa sekarang, pegawai-pegawai di Pejabat Daerah dan Pejabat Kemajuan Negeri, *insya-Allah* mencukupi.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah soalan yang lebih fundamental ya, Yang Berhormat Menteri. Kita bercakap tentang eKasih dan kita bercakap tentang data bank eKasih yang mungkin tidak tepat dan sebagainya.

Persoalan saya ialah berkenaan dengan definisi kemiskinan dan miskin tegar itu sendiri. Definisi ataupun kayu ukur kemiskinan itu di Malaysia *is very out dated* dengan izin, Yang Berhormat Menteri. Perkara ini telah pun saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini enam tahun yang lepas dan Menteri pada ketika itu berjanji untuk *review* definisi miskin. Ini kerana dalam negara kita, miskin itu ialah pendapatan RM700, isi rumah lima orang. Sedangkan kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain di sekitar Asia sekalipun, definisi kemiskinan itu termasuk *quality of life* dengan izin, termasuk juga pendidikan, persekitaran dan sebagainya.

Jadi, soalan saya, dasar tidak cukup kalau kita bercakap tentang berapa orang telah didaftarkan, eKasih ada belas ribu dekat sini, ada yang sudah keluar daripada kemiskinan, sedangkan definisi kemiskinan dan miskin tegar itu sendiri harus kita persoalkan kerana sebenarnya kayu ukur kita terlalu rendah. Mereka itu bukanlah miskin. Mereka itu papa sudah Yang Berhormat Menteri, sudah tidak makan dah. Jadi, pohon Yang Berhormat Menteri beri penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, pemikiran dan juga ucapan retorik memang boleh kita cakap. Akan tetapi Yang Berhormat tampilkan mereka Yang Berhormat maksudkan tersebut supaya kita boleh nampak bahawa apa Yang Berhormat cakapkan itu benar.

Kita ini, gelandangan itu bukan orang sini pun, bukan orang tempatan pun. Orang yang tidak reti cakap Melayu pun. Dia cakap orang putih. Yalah, budak-budak kita pergi tolong. Sampai itu kita buat.

Jadi, orang luar pun yang datang sini asalkan mereka menjekakkan kaki di Malaysia kita bagi bantuan, apalah pula orang-orang tempatan. Sudah pasti wakil-wakil rakyat yang ada ini tidak akan membiarkan rakyatnya sampai ke tahap demikian rupa. Malah, surat khabar pun kita lihat dia akan keluar satu demi satu. TV pun akan keluar satu demi satu. Akan tetapi dia tidak keluarkan dalam satu kerangka ratusan ribu yang miskin tegar. Dia keluar sebiji rumah yang teruk, selepas itu esok kita lihat ramai rakyat Malaysia yang prihatin telah menghantar bantuan bertubi-tubi. Sampai tuan rumah sendiri pernah berkata pakcik tidak larat dah ini sebab terlampau banyak bantuan dan rumahnya tidak mampu menerima bantuan lagi.

#### ■1110

Demikianlah prihatinnya rakyat Malaysia dan saya percaya apa yang telah kita buat itu setelah dikaji oleh pemikir-pemikir yang hebat, anggota-anggota kerajaan, maka *we come out with* definisi kemiskinan tadi. Definisi ini telah pun kita *review* pada tahun 2012 iaitu dua tahun yang lepas dan kerajaan akan meneruskan apa yang telah kita buat dan saya percaya sekarang ini usaha besar kita ialah memberi tumpuan kepada mereka yang bernama miskin tegar, miskin dan juga mudah miskin. Saya percaya program yang kita buat mencukupi, Yang Berhormat.

6. **Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan apakah tindakan yang diambil ke atas ejen pelancongan yang tidak berhemah dan apakah langkah-langkah untuk mengelak kes penipuan ejen-ejen tersebut.

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk menjawab soalan ini secara bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Kuala Nerus pada 18 Jun 2014 dan Yang Berhormat Sekijang pada 18 Jun 2014 yang menyentuh isu-isu berkaitan yang sedang hangat diperkatakan oleh masyarakat kita iaitu isu penipuan pakej pelancongan umrah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembalaan yang menjalankan perniagaan secara tidak berhemah seperti kes tidak memberi perkhidmatan mengikut terma dan syarat yang dipersetujui atau penipuan boleh dikenakan tindakan membayar balik wang yang dibayar, membayar pampasan, tindakan kompaun atau pembatalan lesen atau didakwa di mahkamah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya. Manakala bagi syarikat atau individu yang menjalankan operasi secara tidak sah, kementerian akan mengambil tindakan pendakwaan kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen bagi memastikan syarikat atau individu

yang menjalankan aktiviti penipuan menerima hukuman yang lebih berat. Kementerian telah merujukkan kes penipuan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk dikenakan tindakan di bawah Kanun Keseksaan.

Tambahan kepada itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) meningkatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya ke atas syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembalaan berlesen dan juga syarikat atau individu yang mengendalikan pakej tanpa lesen;
- (ii) membuat semakan semula ke atas kadar denda mahkamah yang dikenakan ke atas pesalah di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya;
- (iii) melaksanakan kempen kesedaran mengenai penipuan umrah secara berterusan kepada golongan sasaran terutama wakil jawatankuasa masjid, surau, pemimpin masyarakat dan orang ramai supaya mengetahui ciri-ciri dan modus operandi syarikat umrah palsu serta kepenggunaan dari segi pemilihan pakej umrah yang sah oleh syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembalaan yang berlesen dengan kementerian;
- (iv) kementerian telah mengadakan kerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk membantu menyampaikan maklumat dan kesedaran awam mengenai penipuan pakej umrah melalui khutbah Jumaat; dan
- (v) kementerian juga akan memperluaskan hebahan mengenai langkah-langkah bagi mengelakkan penipuan pakej pelancongan khususnya melalui media elektronik dan media sosial.

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 2009 hingga Mei 2014, sebanyak sembilan kes penipuan umrah telah direkodkan oleh kementerian ini membabitkan lapan buah syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembalaan yang berlesen dan sebuah syarikat pengendalian pelancongan yang tidak berlesen. Kesemua kes melibatkan seramai 3,611 mangsa dengan anggaran kerugian sebanyak RM14.1 juta.

Saya ingat sebagai usaha untuk kita menghebahkan, saya sebutlah nama syarikat yang kena ini.

TAHUN	NAMA SYARIKAT	TINDAKAN
2009	Warith NY Travel dan Tours	Pembatalan lesen
2009	Hijaraton Nur Travel and Tours	Pembatalan lesen
2009	Qaisar Travel and Tours	Pembatalan lesen
2010	Permata El Nur Travel and Tours Sdn. Bhd.	Pembatalan lesen

	(Purim El Nur Holiday Sdn. Bhd.)	
2010	Hijjaz Legend Travel and Tours	Pembatalan lesen
2012	J & J Mesra Travel and Tours	Pembatalan lesen
2013	7 Seas Travel and Tours, Kuala Lumpur	Pembatalan lesen
2013	Arlief Juara Kembara (syarikat tidak berlesen)	Rujuk kepada PDRM untuk pendakwaan dan perbicaraan ke atas kes sedang berjalan
2014	Yadh Travel and Tours	Pembatalan lesen

Jadi ini jumlah syarikat yang terlibat dalam penipuan yang telah kita batalkan. Terima kasih.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Sememangnya kes-kes penipuan oleh agensi-agensi pelancongan yang tidak bertanggungjawab ini sudah menjadi satu kebimbangan umum apabila ramai antara rakyat Malaysia yang kerugian Malaysia khususnya mereka yang membeli pakej umrah, pakej pelancongan dan sebagainya. Pada pendapat saya, dalam kerangka yang sedia ada, adalah terlalu mudah bagi pihak agensi-agensi pelancongan ini untuk mengambil kesempatan ke atas mangsa-mangsa mereka. Sering kali kita lihat agensi walaupun sudah dibatalkan lesen dan sudah diambil tindakan, masih lagi meneruskan penipuan mereka biasanya dengan menggunakan nama yang lain ataupun syarikat yang lain. Paling teruk sekali biasanya mangsa juga walaupun tindakan diambil, mangsa tidak mendapat kembali wang mereka yang telah pun dilabur.

Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian mengkaji kaedah baru yang mungkin boleh melindungi pengguna dan pembeli. Contohnya satu skim insurans yang wajib bagi semua pakej pelancongan di mana sesiapa yang membeli pakej pelancongan umrah atau pelancongan lain harus membayar sedikit premium bagi mendapat pelindungan insurans sekiranya apa-apa terjadi di mana syarikat agensi tidak dapat menunaikan tanggungjawab dan sebagainya. Kaedah ini juga dapat memaksa syarikat insurans untuk memantau dan mengawasi syarikat-syarikat agensi pelancongan sebagai satu *self-regulating mechanism*, dengan izin. Mungkin skim insurans ini juga boleh diikat kepada insurans perjalanan, *travel insurance* yang sedia ada dan sebagainya.

Jadi saya minta kalau boleh pandangan Yang Berhormat Menteri sama ada skim ini boleh dipertimbangkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, apa yang ada ialah di bawah seksyen 16(3) Akta Industri Pelancongan 1992 di mana undang-undang dan peraturan yang menetapkan supaya syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembalaan berlesen yang mengendalikan pakej ke luar negara termasuk pakej umrah untuk membeli insurans atau jaminan bank dengan nilai RM100,000. Ini kita peruntukkan di bawah Akta Industri Pelancongan. Apa yang mungkin kita boleh lakukan ialah untuk kita menaikkan lagi

skim insurans ini. Kalau ia RM100,000 kita mungkin naik lebih tinggi supaya kita akan dapat memberi perlindungan kepada mana-mana pembeli-pembeli yang mahu melakukan umrah di sana. Akan tetapi agak sukar kalau sekiranya kita hendak mengadakan satu skim untuk melindungi penipuan sebab saya percaya tidak ada syarikat insurans yang mahu mengadakan skim di mana mereka memberi perlindungan di atas kes-kes yang berlaku penipuan.

■1120

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, saya rasa kita sama-sama merasa sedih di atas apa yang berlaku kerana niat di kalangan orang-orang ini ialah untuk melakukan umrah. Kalau Yang Berhormat ada apa-apa cara Yang Berhormat fikirkan iaitu boleh kita lakukan, pihak kementerian saya sentiasa membuka ruang untuk kita berunding tentang perkara ini. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali tahniahlah Yang Berhormat Menteri sebab sehingga bulan Februari 2014 ini telah berjaya membawa lebih 25 juta pelancong ke negara kita. Jadi, ini bermakna menjelang masa akan datang ini akan mungkin mencapai ke 100 juta. Soalan tambahan Yang Berhormat Menteri iaitu usaha kerajaan ataupun kementerian untuk melantik ejen-ejen pelancong, ejen-ejen mengendalikan agensi pelancongan ini iaitu bermakna mereka tahu peraturan sebelum diberi lesen dan sebagainya. Akan tetapi mereka telah melakukan satu kesalahan dengan membuat penipuan. Jadi persoalannya, bagaimana pula cara kementerian mengendali mereka-mereka yang telah tertipu?

Tadi Yang Berhormat bercerita yang menipu, yang tertipu ini, adakah wang mereka dipulangkan ataupun adakah cara lain mereka boleh contohnya pakej umrah, mereka akan terus pergi umrah ataupun mereka tergendala, tersadai? Jadi, dalam masa yang sama, apakah langkah-langkah yang diambil kementerian sebab saya sedar Yang Berhormat pun sibuk, seorang sahaja Menteri, tidak ada Timbalan Menteri, melancong sana sini, membawa pelancong masuk, bukan sengaja makan angin ya. Jadi, usaha-usaha konkret yang dilakukan oleh agensi ini untuk mempertingkatkan pelancong datang ke negara kita? Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bolehlah lantik Yang Berhormat Kinabatangan sebagai Timbalan Menteri nanti.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya dengan tangan terbukalah kalau Yang Berhormat jadi timbalan saya. *[Ketawa][Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya kalau syarikat yang tidak berlesen itu yang melakukan penipuan, sukar untuk kita mengambil tindakan melainkan kita membuat laporan dan merujuk syarikat itu kepada pihak polis supaya tindakan di bawah Akta Kanun Kesejahteraan boleh diambil. Akan tetapi bagi syarikat-syarikat yang dilesenkan oleh kita, sememangnya kita melakukan satu pemeriksaan yang begitu rapi untuk memastikan bahawa mereka yang boleh dipercayai sahaja yang boleh diberikan lesen kerana mereka juga melibatkan pengutipan wang daripada

pelancong-pelancong yang ingin pergi ke luar negara. Namun, umrah ini masalah sedikit kerana untuk pergi ke Mekah memerlukan kepada visa umrah dan Kerajaan Arab Saudi hanya memberikan kepada 38 sahaja *travel agent* yang diberikan kuasa untuk berurusan tentang visa umrah ini.

Jadi, apa yang kita lakukan untuk melindungi mereka yang berhajat untuk pergi ke umrah, kita minta supaya dia terus pergi kepada *website* kementerian kita dan lihat di dalam *website* itu nama 38 syarikat yang dibenarkan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk berurusan visa umrah. Kalau ada syarikat yang mengiklankan bahawa mereka boleh bawa umrah, boleh menguruskan pelancongan umrah ke Mekah, kalau nama syarikat yang mengiklankan itu, nama dia tidak ada dalam senarai 38 itu, janganlah beli. Maknanya jangan beli pakejnya sebab hanya tiga puluh lapan sahaja.

Kemudian, selalunya umrah ini dalam lingkungan RM4,500, kalau kita hendak buat umrah. Kalau ada syarikat menawarkan RM3,000, itu menipulah. Memang tidak cukup untuk membiayai perjalanan dan duduk di Mekah sana. Jadi sebab itu, saya harap supaya semua yang berhajat untuk pergi ke Mekah melakukan umrah, buka kita punya *website* Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, gambar saya ada. Buka dan lihat, tengok gambar dulu, ada 38 syarikat sahaja. *[Disampuk]* Itu yang mahal itu.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kemudian, bagi mereka yang menjadi mangsa, mangsa boleh membuat tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) untuk menuntut balik wang yang telah diambil oleh syarikat berkenaan. Itu pun kalau adalah, kalau tidak ada, tidak boleh buat apa dah.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan sedikit ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sesi soal jawab tiada penjelasan.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Hendak buat pertanyaan sedikit pada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Dr. Mansor bin Abd Rahman.

7. **Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan bagi mengelak krisis sumber makanan berulang di negara kita, apakah peranan atau inisiatif yang diguna pakai oleh pihak kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan dalam menjamin bekalan makanan asas rakyat dapat dipenuhi jika fenomena El Nino yang dijangka melanda negara kita.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ramai ini. Tuan Yang di-Pertua, terdapat empat Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan yang lebih kurang sama iaitu daripada Yang Berhormat Lenggong juga, Yang Berhormat Parit dan juga Yang Berhormat Setiawangsa. Memandangkan masa yang sudah kesuntukan, saya ingin memberikan jawapan dengan ringkas iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kerajaan kita mengambil serius berhubung dengan persiapan untuk menghadapi kemungkinan berlakunya fenomena El Nino ini. Saya bertanya pada pegawai apa maksud El Nino. Dia kata budak kecil. Kalau kecil tidaklah takut sangat. Ini bahasa Latin, El Nino, Latin maknanya kecil tetapi kecil pun kita buat persiapan jugalah.

Jadi, bagi memastikan tidak adanya masalah atau krisis bahan makanan terutama dari segi beras umpamanya, tanaman padi kita sediakan dengan penjadualan semula. Dari segi pengairan dan juga setengah tempat kalau perlu *tube well*, kita adakan *tube well*. Kita lakukan tindakan yang sebegini supaya ia tidak menjaskan pengairan di kawasan-kawasan padi yang berkenaan. Semoga pengeluaran hasil beras dan padi tidak terjejas. Kalau terjejas pun, kita pada waktu ini ada *stockpile* dan *stockpile* kita boleh ditingkatkan. Pada masa ini ada lebih kurang 45 hari *stockpile* tetapi boleh ditingkatkan kepada empat bulan atau enam bulan. *It's depend on the quantity.*

Jadi, itu langkah yang perlu diambil sekiranya keadaan begitu serius dari segi bekalan beras negara. Berkenaan dengan buah-buahan, ya buah-buahan bahan makanan juga, vitamin C tetapi kalau berkurangan hasilnya, kita tidak ada masalah sangat. Saya tidak kata tidak usah makan buah, nanti kena marah saya. Jadi, kita boleh atasi dengan *importation* buah-buahan kalau perlu. Mengenai sayur-sayuran, ia juga ditanam di tanah tinggi, jadi bekalan air tidak terjejas disebabkan kemarau El Nino sebab di kawasan tanah tinggi ini, ada banyak air dalam tanah. Kalau kemarau pun maknanya tanaman sayur-sayuran tidak terjejas seperti di Cameron Highlands atau di Lojing, bekalan itu tidak menjadi masalah.

### ■1130

Lagi satu ialah bahan makanan kita ialah bahan daging. Daging ayam tidak ada masalah. Kita mengeluarkan daging ayam lebih daripada keperluan kita pada hari ini. Kalau ingin tahu umpamanya kita mengeluarkan 1.7 juta dan kadang-kadang sampai 2 juta ekor ayam dalam musim perayaan setiap hari. Telur pun kita ada pengeluaran yang cukup, *no problem*. Ringkas

sahaja. Sudah cukup pun masa. Jadi lain-lain itu saya ingat saya jawab bertulis Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 12(1), saya jemput Yang Berhormat Menteri.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]*

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**11.34 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan (DR7/2014) Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014 dan sehingga selesai Ucapan-ucapan Penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 18 Jun 2014”.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu peraturan mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 36(12), “*Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan dan boleh disifatkan menghina Majlis dan Ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu*”.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Khamis yang lalu saya menerima Jawapan Pertanyaan Lisan yang secara bertulis daripada Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mengatakan seperti di bawah.

*“Berhubungan dengan persoalan sama ada Malaysia adalah negara sekular atau Islam adalah ditegaskan bahawa Malaysia adalah bukan negara sekular. Ini berdasarkan kepada fakta sejarah yang menunjukkan bahawa Malaysia telah ditubuhkan berdasarkan Kerajaan Islam*

*Kesultanan Melayu dan Raja-raja Melayu merupakan Ketua Agama Islam bagi negeri masing-masing”.*

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan di atas adalah salah dan ia mengelirukan Dewan dan faktanya tidak selaras dengan penubuhan Malaysia. Kenyataan begitu hanya betul dalam penubuhan Persekutuan Malaya pada 1957, bukan penubuhan Persekutuan Malaysia pada 1963, di mana ketiga-tiga negeri lain yang bersama-sama menubuhkan Malaysia iaitu negara Singapura, negeri Sarawak dan negeri Sabah tidak berlatar belakang Kerajaan Islam Kesultanan Melayu dan tidak mempunyai agama negeri masing-masing.

Dalam *18 or 20 points agreement* yang disertakan dalam Perjanjian Malaysia tidak dinyatakan dengan jelas iaitu, “*While there was no objection to Islam being the national religion of Malaysia, there should be no State religion in North Borneo and Sarawak, and the provisions relating to Islam in the present Constitution of Malaya should not apply to North Borneo and Sarawak*”.

Jadi saya mahu Menteri di Jabatan Perdana Menteri Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum menarik balik jawapan beliau dan memberi jawapan yang betul iaitu Malaysia merupakan negara sekular yang berasaskan Perjanjian Malaysia 1963. *[Menyampuk]* Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36(12) merupakan satu peraturan mesyuarat yang serius, yang sudah sering kali dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua tentang kriteria dan keperluan untuk merujuk seseorang melalui Perkara 36(12) ini.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, kita akan minta penjelasan daripada pihak-pihak yang tertentu seperti yang dibangkitkan tadi, sama ada kenyataan ini benar-benar waran atau diperlukan dirujuk ke Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** *On what matter?*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *[Bangun]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Kita memandang ini satu perkara yang serius dan bercanggah dengan Malaysia Agreement. Perjanjian— surat perjanjian lama pembentukan Malaysia. Boleh kita diberitahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh kita diberitahu bilakah penjelasan itu akan diberi? Takkam kita menunggu selamanya dan selepas tiga hari lagi tidak ada sidang lagi. Jawapan ini akan menjadi satu *Hansard record*. Kita tidak boleh benarkan perkara...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak perlu *raise your voice* Yang Berhormat. *I can hear you.* Okey.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yes, ya okey. *I will not raise my voice.*  
**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** *If you patuh kepada peraturan mesyuarat...*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *I would like to emphasize that this is a serious matter, don't take it lightly.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** *If you patuh kepada peraturan mesyuarat yang di bawah tadi itu, first tidak perlu sokongan. Apa yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat Sibu tadi itu telah pun saya katakan bahawa kita akan rujuk dahulu kepada pihak yang berkenaan dan minta penjelasan. You don't have to bangun dan minta saya tentukan bila.*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan bila itu boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak perlulah Yang Berhormat. *Why do that?* Tidak perlu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Kenapa tidak perlu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Kita balik ini kita akan rujuk kepada Menteri seperti lazimnya dan kita akan buat keputusan nanti.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Hari ini Menteri tidak datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak perlulah Yang Berhormat. Ya.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 19.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat rayuan di bawah Peraturan Mesyuarat 19 yang dibawakan oleh Yang Berhormat telah pun diperjelaskan melalui surat oleh Tuan Yang di-Pertua dan...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat untuk menghina Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Apabila keputusan Tuan Yang di-Pertua dibuat, saya tidak ada kapasiti pada peringkat ini, pada ketika ini untuk mengkaji semula keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat untuk menghina Dewan tetapi alasan-alasan yang diberikan di dalam surat jawapan ini cukup tidak munasabah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 43, jika Yang Berhormat tidak berpuas hati dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ya saya tahu tetapi ini adalah rayuan daripada rakyat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat boleh kemukakan dalam bentuk usul. Itu sahaja yang boleh saya perjelaskan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah rayuan daripada rakyat. Takkanlah Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, memihak kepada kerajaan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ini adalah Dewan Rakyat Tuan Yang di-Pertua. Dewan Rakyat harus mendengar rayuan daripada rakyat. Takkanlah Dewan Rakyat ini memberi alasan bahawa kerajaan sudah pun menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tahu.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** ...Dan Dewan Rakyat tidak harus memihak kepada kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Tambahan pula alasan-alasan yang diberi yang lain adalah alasan-alasan teknikal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak payah buat tuduhan macam itu Yang Berhormat, tidak payah.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ini bukan tuduhan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada jawapan dari Pejabat Tuan Yang di-Pertua yang mengatakan bahawa penjelasan yang diberikan oleh kerajaan. Seharusnya Tuan Yang di-Pertua dengar dahulu apa yang ingin dikatakan oleh rakyat. Tidak seharusnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengaruhi Mesyuarat]*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua ada di sini dan boleh saya terus sampaikan pandangan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Dengar sini baik-baik Ahli-ahli Yang Berhormat. Tadi saya ada dengar daripada seorang Ahli Yang Berhormat membawa Peraturan Mesyuarat di bawah 36(12) mengenai dengan kenyataan seorang Menteri.

#### ■1140

Menurut pendapat Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, yang disokong oleh Yang Berhormat Bandar Kuching bahawa negara ini bukan sekular. Yang Berhormat Menteri kata berbeza. Apabila seorang Yang Berhormat berdiri begitu *insisting that your interpretation is right* pun peraturan mesyuarat, *a question will arise. Who do you think you are? [Tepuk]* Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, *please. Are you saying that your interpretation are only do one is right? I am keeping reminding you.*

Dalam perbahasan, tidak ada siapa yang *absolutely right*, yang cuma *right* adalah Speaker *inspite of what do you think*. Ini kerana peraturan mesyuarat mengatakan bahawa keputusan Speaker adalah muktamad. Kalau juga dipertikaikan, tengok lagi peraturan mesyuarat yang lain iaitu bawa usul bersendirian, sama ada usul itu akan dibahas atau tidak, *that is*

*irrelevant because dalam peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat ini adalah dibuat di bawah Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan Malaysia waktu digubal adalah on the spirit of democracy kerana dia ada separation of power.*

Akan tetapi kalau Ahli Yang Berhormat *continuously saying that the democracy is not hard to compare to some other nations, the first thing to do is you must behave like that and be of that other nation before this is amended melalui perlembagaan. You continuously attack the position of the Speaker in Parliament. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang selepas usul mereka ditolak, buat kenyataan di luar, attack the position of the Speaker and Parliament. What you are doing is you are attacking your institution which is been established by this, spirit of democracy, that we have. Inspite of what you think, this is our democracy now.* Okey, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa *interpretation of the Speaker is wrong or not, that is the reason why there is a peraturan mesyuarat kerana kalau juga dibiarkan semua membebek, tidak kita habis bermesyuarat.*

*Now to reply to Yang Berhormat Kuantan. You are insisting daripada beberapa tahun mengenai dengan Lynas tetapi dalam spirit demokrasi, the government of the day, whatever you think of it, it is on election majority. It has the obligation to mix policies. Jadi kalau dia buat polisi kerana dia diletakkan oleh rakyat, sama ada Yang Berhormat against the patience of it or not, do not insist kerana saya terpaksa buat ruling. Ruling yang saya buat adalah sama seperti yang saya hantar kepada Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tidak juga satisfy dengan ruling saya, baca lagi peraturan mesyuarat lain mengatakan bahawa bawa usul tersendiri. Itu sebab saya jemput Yang Berhormat Padang Serai dalam jawatankuasa mengubah ini kerana untuk meneruskan perjalanan ke demokrasi matang seperti Europe, ia juga mengambil masa. Ingat tidak? Presiden Amerika sekarang kulit hitam. Mahu berapa ratus tahun berjalan ke arah itu.*

Kalau Yang Berhormat Padang Serai membandingkan institusi Parlimen dan kedudukan Speaker Parlimen, dia harus tanya dulu diri dia, *your mind, is he behaving like a Member of Parliament of Great Britain, or Canada or Australia for that matter? In that is my peace.* Ini Yang Berhormat yang berdiri untuk lagi *dispute* itu, *I will not hesitate to use Peraturan Mesyuarat 44.*

**Tuan N. Surendren a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendren a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua ada mengeluarkan beberapa perkataan terhadap saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendren a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Saya ingin tahu apa dia klasifikasi. *What it is about? You must tell me.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendren a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** You have raised allegation against me. You are talking about me. You must inform. You must clarify.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendren a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** No, please clarify. Tuan Yang di-Pertua I'm asking you nicely, clarify. You raised point of view, please clarify.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat, are you denying that you made press statement outside Parliament?

**Tuan N. Surendren a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** No.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti dulu Yang Berhormat, duduk. Are you denying that? Banyak precedent di Parlimen ini yang Yang Berhormat tidak tahu. During the reign of Tun Zahir for the past 22 years, dual action were taken against the MPs, the same what you did. This is no change in the procedure. Kalau perkara dulu yang dibuat oleh Ahli Parlimen lain boleh diambil tindakan kerana there is a precedent. I can use that the same precedent but I have been tolerating this for such a long time. Akan tetapi kalau saya tidak ambil tindakan, that it is a mockery of our own Parliament. Now let me ask you, all those statement that you made that we have also recording the press statement you made within this perimeter of Parliament, are you denying that, you didn't do that?

**Tuan N. Surendren a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** No.

**Tuan Yang di-Pertua:** You are not denying it?

**Tuan N. Surendren a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Absolutely did not.

**Tuan Yang di-Pertua:** So therefore, why you are asking me now when you know the answer why I'm referring to you?

Yang Berhormat Kuantan, sudah saya buat keputusan. Kalau Yang Berhormat tidak lagi bersetuju dengan keputusan itu, bawa usul. Tolong jangan Yang Berhormat bertengkar dengan saya kerana ada Ahli-ahli yang mengundi Yang Berhormat dari Kuantan berada dalam Dewan ini. Kalau Yang Berhormat juga masih insist dan berdiri, saya akan tidak teragak-agak menggunakan Peraturan Mesyuarat 44.

**Tuan N. Surendren a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya jawab kepada...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Pohon penjelasan sikit saja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat. Bentara...

**Tuan N. Surendren a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Saya hanya hendak menyatakan bahawa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat. Bentara sila jalankan tugas. Yang Berhormat Padang Serai dan Yang Berhormat Kuantan tolong keluar daripada Dewan sebelum saya mulakan mesyuarat.

[*Tepuk*]

**Tuan N. Surendren a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** You should calm down Tuan Yang di-Pertua, you should calm down. We are very agitated this morning.

[*Dewan riuh*]

**Tuan N. Surendren a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Why? Tidak ada sebab Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Ahli Yang Berhormat keluar daripada Dewan sebelum saya menjalankan mesyuarat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Dia tanya soalan saja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya sudah bagi penjelasan saya Yang Berhormat Permatang Pauh kecuali juga Yang Berhormat Permatang Pauh mahu ikut sama.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, *the spirit of the constitution, the spirit of the perlombagaan.*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Padang Serai tanya soalan, tadi Tuan Yang di-Pertua jawab, sudahlah. Cukuplah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi Yang Berhormat masih lagi dia berdiri. Kenapa tidak ikut arahan saya Yang Berhormat? Fasal apa?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada lagi Yang Berhormat. Sudah saya kata tidak ada lagi penjelasan mengenai dengan isu seperti begini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, bukan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang, tolong Yang Berhormat duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Isu lain. Isu lain boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak. Saya tidak mahu lagi mendengar peraturan seperti begini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Sila dua Yang Berhormat saya namakan tadi keluar daripada Dewan mesyuarat sebelum saya jalankan mesyuarat lagi.

**Tuan N. Surendren a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Bila saya boleh masuk balik Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya akan tentukan masa bila Yang Berhormat masuk. Kalau saya tidak tentukan masa, seolah-olah Yang Berhormat ini tahu semua prosedur, Yang Berhormat tahu sendiri. Sila Yang Berhormat keluar. Jangan lagi habiskan masa. Sila.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PINDAAN) 2014**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan atau bersampingan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hurai dulu Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** *Assalammualaikum Warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, fenomena perubahan harga yang berlaku di Malaysia di antara lain disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi seperti permintaan dan penawaran serta peningkatan dalam kos pengeluaran.

##### **■1150**

Walau bagaimanapun, terdapat juga tindakan sesetengah peniaga yang mengambil kesempatan memanipulasi pasaran untuk mendapat keuntungan secara berlebihan. Hal ini telah membebankan pengguna dan perkara ini perlu ditangani dengan segera melalui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Sebagai kementerian yang prihatin dan juga yang bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan pengguna adalah menjadi tanggungjawab kerajaan terutamanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk mengkaji dan meneliti setiap pandangan dan aduan yang diutarakan oleh orang ramai atau pengguna.

Seterusnya jika sekiranya aduan tersebut terbukti benarnya, suatu tindakan tegas perlu diambil oleh KPDKKK. Sehubungan dengan ini bagi menjamin kepentingan pengguna, kerajaan telah memutuskan untuk meminda Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 selaras dengan keperluan dan kehendak semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dalam ucapan bajet 2014 telah mencadangkan cukai jualan dan cukai perkhidmatan atau *sales tax* dan *service tax* dimansuhkan dan diganti dengan satu cukai sahaja

yang dikenali sebagai cukai barang dan perkhidmatan atau *goods and services tax* iaitu GST yang akan berkuat kuasa pada 1 April 2015 nanti.

Selaras dengan pelaksanaan GST, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan telah diberikan tanggungjawab untuk meningkatkan usaha penguatkuasaan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 agar tiada peniaga mengambil keuntungan yang tidak munasabah dengan menggunakan GST sebagai alasan. Sekiranya ini berlaku GST akan dilihat sebagai membebankan rakyat dari segi kenaikan harga barang dan caj perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pertumbuhan yang seiring dengan kestabilan harga adalah penting dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat. Kawalan bagi menstabilkan harga barang makanan keperluan harian adalah perlu kerana kenaikan harga barang memberi sumbangsan yang besar kepada peningkatan kadar inflasi dalam negara. Sehubungan dengan itu, usaha perlu terus dipergiatkan untuk memastikan harga adalah setiap stabil supaya kadar inflasi dapat dikawal. Antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan termasuk memantau pergerakan harga dan mencegah kenaikan harga yang melampau dan amalan jualan yang tadi sihat. Keadaan ini mengukuhkan lagi kepentingan pelaksanaan kaedah dan *instrument* yang boleh membantu melindungi kepentingan pengguna di Malaysia.

Pada 1 April 2011, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 iaitu Akta 723 telah dikuatkuasakan di Malaysia yang menggantikan Akta Kawalan Harga 1946. Dalam usaha untuk memastikan pengguna dilindungi daripada peniaga yang mengenakan harga barang atau caj perkhidmatan yang tidak munasabah, Akta 723 telah dikaji semula bagi meminda peruntukan sedia ada dan memasukkan peruntukan-peruntukan baru bersesuaian dengan keperluan dan perkembangan semasa. Seterusnya memastikan kawalan harga dan anti pencatutan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 4 Jun 2014 telah bersetuju agar Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan 2014) dipinda dengan memasukan beberapa peruntukan baru. Izinkan saya seterusnya memaklumkan beberapa ciri utama rang undang-undang ini iaitu:

- (i) pindaan kepada takrifan dan pelantikan;
- (ii) penambahbaikan berkaitan penentuan harga dan caj;
- (iii) peruntukan berkaitan dengan pencatutan;
- (iv) penambahan mengenai kewajipan untuk menyimpan rekod; dan
- (v) peruntukan mewujudkan kuasa untuk meminda jadual.

Tuan Yang di-Pertua, dan ahli-ahli Yang Berhormat kepada pindaan kepada takrifan dan pelantikan di bawah seksyen 2 pindaan kepada takrif pegawai yang diberi kuasa dipinda ekoran daripada pindaan kepada seksyen 3 yang dicadangkan yang bertujuan untuk membolehkan

pegawai pihak berkuasa tempatan diberi kuasa untuk menjalankan kuasa di bawah Akta 723. Manakala di bawah seksyen 3(6) Menteri boleh memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam untuk menjalankan semua atau mana-mana kuasa di bawah akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta ini. Seksyen 3 Akta 723 dipinda dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen baru yang menyatakan bahawa menteri boleh memberi kuasa mana-mana pegawai awam atau pegawai pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan semua atau mana-mana kuasa di bawah akta ini.

Di bawah peruntukan subseksyen (6) Akta 723 sedia ada, Menteri tidak boleh memberi kuasa kepada seseorang pegawai pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan semua atau mana-mana kuasa di bawah Akta 723. Dalam pindaan ini, pegawai yang berkhidmat dengan pihak berkuasa tempatan boleh dilantik untuk melaksanakan semua atau mana-mana kuasa di bawah akta ini. Dengan memperluaskan kuasa kepada pegawai pihak berkuasa tempatan secara amnya, penguatkuasaan Akta 723 dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di seluruh negara melalui Strategi Lautan Biru supaya rakyat dapat menikmati kestabilan harga dan seterusnya menikmati kualiti hidup.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai dengan penambahbaikan berkaitan penentuan harga dan *charge*. Sebelum ini sistem pencukaian semasa tidak mempunyai peruntukan untuk menuntut balik atau kredit cukai input terhadap cukai output selaras dengan pengenalan sistem pencukaian baru GST yang membekalkan orang kena cukai untuk menuntut balik atau kredit cukai input terhadap cukai output seksyen baru 10A iaitu harga atau caj yang dikenakan tidak boleh termasuk butiran tertentu diwujudkan.

Pada masa yang sama GST juga ada peruntukan bagi kelayakan pembayaran balik khas bersamaan dengan amaun cukai jualan berkenaan dengan barang yang ada dalam pegangan. Sehubungan dengan itu Akta 723 dipinda dengan memasukkan seksyen baru iaitu 10A untuk memastikan mana-mana orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekal apa-apa barang atau perkhidmatan tidak boleh memasukkan apa-apa butiran yang dinyatakan dalam jadual yang termasuk cukai sebagai sebahagian daripada harga bagi barang ataupun *charge* bagi perkhidmatan itu.

Di bawah jadual cukai yang tidak boleh dikenakan ke atas harga atau *charge* ialah apa-apa kredit bagi cukai input terhadap cukai output di bawah seksyen 38 atau Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan apa-apa pembayaran balik khas cukai jualan di bawah seksyen 190, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Kegagalan mana-mana orang yang tidak mematuhi peruntukan tersebut adalah satu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan penalti seperti berikut:

- (i) Jika orang itu satu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi RM500,000 dan sebagai kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM1 juta;

**■1200**

- (ii) Jika orang itu bukan satu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai dengan peruntukan berkenaan dengan pencatutan. Subseksyen 15(1), Akta 723 memperuntukkan bahawa Menteri hendaklah menetapkan mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah dan jenis mekanisme yang berlainan boleh ditetapkan untuk memenuhi keadaan dan hal keadaan yang berlainan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

Pindaan telah dicadangkan untuk memasukkan subseksyen baru iaitu (1A) yang bertujuan untuk membolehkan Menteri menentukan suatu tempoh tertentu yang tidak boleh ada kenaikan margin keuntungan bersih bagi apa-apa barang atau perkhidmatan sebagai salah satu mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah.

Subseksyen (2) turut dipinda selepas memasukkan perenggan (2)(b) perenggan baru iaitu perenggan (bb) untuk membenarkan Menteri mempertimbangkan apa-apa kos yang ditanggung dalam perjalanan atau penerusan perniagaan dalam merumuskan mekanisme. Pindaan-pindaan ini bertujuan untuk memperjelaskan punca kuasa Menteri dalam merumuskan mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai dengan pertambahan mengenai kewajipan untuk menyimpan rekod dalam memastikan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan terutamanya dalam menjalankan siasatan, seksyen baru 53A ditambah dengan meletakkan tanggungjawab ke atas mana-mana orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa barang atau perkhidmatan untuk menyimpan dan menyenggarakan rekod yang wajar termasuk rekod jualan, rekod pembelian dan lain-lain dokumen berhubung dengan kendalian perniagaan.

Rekod yang dimaksudkan juga perlu dipelihara, tersedia untuk pemeriksaan serta dikemaskinikan dalam keadaan teratur dan baik bagi tempoh tujuh tahun daripada tarikh terakhir yang berhubungan dengan rekod itu. Kegagalan mana-mana yang tidak mematuhi peruntukan di atas adalah satu kesalahan. Keperluan menyimpan rekod ini adalah penting bagi tujuan pembuktian dalam pelaksanaan penguatkuasaan terutamanya dalam penyiasatan pencatutan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai dengan peruntukan mewujudkan kuasa untuk meminda Jadual selaras dengan cadangan pindaan yang memasukkan seksyen baru 10A yang melibatkan Jadual, adalah dicadangkan supaya seksyen baru 60A dimasukkan untuk memberi Menteri kuasa meminda jadual melalui perintah yang disiarkan dalam warta dari semasa ke semasa tertakluk kepada keperluan dan kewajaran.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, demikianlah ciri-ciri utama Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Kinabatangan.

#### **12.05 tgh.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut membahas Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang dibentang sebentar tadi. Sememangnya kita melihat bahawa akta ini memang ada keperluannya di mana hari ini rata-rata rakyat negara Malaysia merasakan mereka diancam. Apabila ada peniaga, maka adalah peluang-peluang yang mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang yang tidak menentu dan sebagainya.

Di pihak penguat kuasa pula, kita tidak boleh kuatkuaskan sebab kita alasan yang selalu saya dengar iaitu KPDNKK kekurangan penguatkuasaan. Ini selalu menjadi masalah besar di mana rakyat mengeluh harga barang meningkat tidak tentu pasal sedangkan kerajaan mengawal beberapa jenis barang.

Saya juga ingin menyentuh bahawa kementerian harus fokus untuk melihat bagaimana sebetulnya akta yang bagus ini dapat direalisasikan. Tujuan kita, matlamat kita mewujudkan akta ini untuk mengawal harga barang untuk mengenakan sistem percukaian yang satu iaitu melalui GST. Akhir-akhirnya kita akan diukur dari segi pencapaian kita, KPI kita.

Pencapaiannya, satu yang dapat saya lihat, bagaimana kegagalan kerajaan dan kementerian mengawal harga petrol dan diesel sedangkan barang ini bersubsidi. Subsidi yang berbilion-bilion ringgit dan ramai yang sudah ditangkap tetapi apabila diproses di mahkamah, akhirnya mereka terlepas sebab kita tidak ada satu sistem di mana diesel subsidi harus diletakkan dengan *additivenya*, dengan *markemya*. Jadi apabila diproses di mahkamah, tidak ada bezanya diesel subsidi dengan diesel yang bukan subsidi. Jadi bagaimana hendak mendakwa seseorang dia menjual diesel di bawah paras harga.

Saya sudah suarakan dua tahun yang lalu kepada kementerian supaya melantik agensi-agensi yang melaksanakan *marker*. Sistem *marker* ini perlu sekiranya kerajaan masih lagi meneruskan subsidi diesel dan petrol. Kalau tidak, akhirnya diesel kita kalau di Sabah, ia akan ke Filipina, ia akan ke Indonesia. Kalau di Semenanjung, ia akan ke Thailand dan ke mana-mana.

Itu yang berlaku. Minyak masak kita pun begitu, semua. Pokoknya, apa yang kita subsidi akan dimanfaatkan oleh orang lain.

Sebagai contoh, minggu lalu saya telah sentuh bahawa kereta satu orang jutawan dari luar negara menaiki kereta *Bentley* di Malaysia ke petrol stesen kita, dia boleh pam minyak subsidi. Jadi sasaran sudah tidak tepat. Niat itu baik, niat itu ikhlas untuk membantu rakyat tetapi pelaksanaannya tidak baik. Jadi apakah langkah-langkah yang lebih komprehensif akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan niat murni yang baik itu dilaksanakan dengan baik, dengan murni?

Bagaimana pula langkah-langkah untuk mencegah kenaikan harga barang? Ini kerana saya tahu, gula kita ada *controlnya*, tepung ada kawalannya tetapi peniaga dia membeli tepung, apabila tepung itu sudah di *downstreamkan*, dibuat kuih-muih, dia sudah tidak ada kawalan. Dia buat suka-sukalah. Roti canai dahulu 50 sen jadi 80 sen. Naik harga gula sedikit pergi RM1.50. Suka-suka, tidak ada kawalan sebab tidak ada akta. Yang dikawal tepung, bukan roti canai. Itu sudah jelas.

Macam juga gulalah. Yang dikawal gula tetapi apabila gula dibuat teh tarik, dia tidak ada kawalan sudah. Suka-sukalah. Jadi macam mana cara pendekatan sedangkan kita orang kampung ini suka duduk di gerai-gerai, lepak-lepak. Ini tradisilah orang kita Malaysia ini. Akan tetapi dia sudah ada kesukaran untuk lepak sebab harga minuman dia dahulu dia boleh lepak dua jam, tiga jam, dua tiga gelas, sekarang tinggal satu gelas. Lebih-lebih lagi sekarang *World Cup fever* orang bilang, demam bola sepak Piala Dunia.

#### ■ 1210

Saya tidak tahulah Yang Berhormat Pokok Sena sama ada dia ikut demam atau tidak tapi Yang Berhormat Pokok Sena dia kalau kempen pilihan raya dia memang lepak di gerai-gerai, saya tahu. Dia ini macam saya juga orang kampung. Itu sebab dia susah kalah. [Ketawa]

Jadi bagaimana kerajaan mengawal benda-benda sebegini sebab apabila kita dengar di mana-mana saya berjumpa dengan orang kampung dia kata: "Yang Berhormat macam mana hendak mempermudahkan hidup rakyat sebab rakyat kita sekarang dibebani dengan sara hidup"? Sara hidup ini bermakna kenaikan gaji tidak meningkat tetapi beban yang dipikul meningkat. Jadi saya mengesyorkan kepada kementerian memandangkan kita kekurangan penguat kuasa gunalah pendekatan-pendekatan seperti melantik JKK, ketua kampung, pemaju masyarakat, pengurus-pengurus kelab beliakah, NGOKah, guru-gurukah sebagai agen penguat kuasa di kementerian. Kalau terlalu susah inilah yang saya cadangkan. Kalau ini juga tidak diterima oleh kementerian tutuplah kementerian ini.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya Yang Berhormat Kalabakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tadi kita katakan bahawa Akta Kawalan Harga ini memang baik. Bererti dari dahulu memang kita tidak ada akta kawalan, penguatkuasaan tidak ada. Jadi dengan adanya akta ini boleh kita mengawal harga-harga yang ada. Tetapi persoalannya sebab saya sudah beberapa kali kemukakan di Dewan yang mulia ini penguatkuasaan sama sekali dari Kementerian tidak cukup kerana di kawasan pantai timur Sabah beras subsidi, lain-lain yang bersubsidi ini berjuta-juta ringgit diseludup ke Indonesia. Nampak terang.

Kalau kita pergi ke Tawau sana di batu kita nampak terang bertan-tan beras itu walhal dijual digerai-gerai pun beras bersubsidi ini tetapi tidak ada kawalan. Kalau kita kata akta ini baik, tidak ada kawalan, tidak ada erti sama sekali juga. Jadi kalau boleh Yang Berhormat Kinabatangan dicadangkan akta baik penguatkuasaan mesti ada. Banyak perkara yang sudah kita lapor misalannya di *supermarket*. Ini tugas kementerian kawalan harga dan juga tarikh luput (*expiry date*) barang-barang dalam tin. Pada tin itu ada tetapi kita nampak tahun 2013 masih lagi dijual tidak ada juga penguatkuasaan. Siapa punya kementerian yang mahu jaga ini? Saya pun tidak tahu.

Jadi mungkin kementerian ini dengan akta yang baik kita pun mahu kawalan yang baik, banyakkan penguatkuasaan. Kalau dapat laporan ambil tindakan. Pegawai-pegawai bila kita buat laporan, kita suarakan dalam akhbar masuk telinga kanan keluar telinga kiri. Tidak ada tindakan. Mungkin ada penyebabnya. Ada penyebabnya kita tidak tahu. Mungkin rasuah kerana pegawai rasuah dia biarkan sahaja. Dia nampak pun dia biarkan sebab kocek dia penuh. Jadi kita minta kalau boleh Yang Berhormat Kinabatangan bersetujukah penguatkuasaan ini mesti ketat dan pegawai-pegawainya mesti amanah. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, saya suka Yang Berhormat Kalabakan. Saya bagi dia peluang dia betul-betul ambil peluang itu. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Kalabakan memang jelas saya katakan tadi kalau kementerian kekurangan anggota penguatkuasaan alasan mungkin tidak ada peruntukan gunakanlah anggota-anggota tersebut. Guru-guru kita boleh lantik, pengurus-pengurus JKK, ketua-ketua kampung, pegawai-pegawai masyarakat, penghulu-penghulu, pengurus-pengurus kelab belia dan sebagainya. Mereka ini boleh membantu. Saya sudah jumpa mereka ini. Inilah perlunya *engagement*. Kebijaksanaan. Kebijaksanaan itu perlu. Akta yang hebat kita tidak bijaksana akhirnya kita tidak hebat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini lagi hebat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kinabatangan, saya bimbang ini puasa sudah hampir. Nanti mahu raya lagi.

Tentu kenaikan harga barang akan berlaku. Yang paling membimbangkan saya apabila kerajaan sebut bahawa harga barang tidak naik, harga barang dikawal. Jadi, kita wakil rakyat pun turun ke bawah jangan bimbang rakyat, barang tidak naik, harga dikawal tetapi berlaku juga di bawah. Saya setuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi ia berpunca daripada penguatkuasaan dan saya faham masalah yang dihadapi oleh kementerian pegawai kurang, pegawai tidak ramai. Apabila pegawai tidak ramai dia susah hendak kawal kalau ada orang jual minyak ke Thailand. Di Gerik nanti saya tengok dalam teks ucapan dia ada hendak cakap.

Oleh sebab itu apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu bercakap Blue Ocean Strategy kenapa kementerian tidak buat Blue Ocean Strategy? Panggil Kementerian Dalam Negeri guna RELA, panggil Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah guna JKK. Bukan bagi kuasa, bagi insentif kepada mereka. Kalau JKK buat laporan terbukti ia benar bagi insentif. Saya ingat orang kampung hari-hari dia cari mana harga barang mahal sebab dia akan dapat insentif.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Lenggong. Terserah hebatnya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab itu saya cadangkan kementerian mesti segera melaksanakan program Blue Ocean Strategy ini untuk susun supaya semua kementerian, semua jabatan yang boleh membantu. Beliau, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, RELAkah duduk semeja laksanakan arahan daripada pusat biar dilaksanakan pada semua peringkat daerah. Saya yakin apabila ramai yang menjadi telinga dan mata untuk melaporkan kenaikan harga barang ia akan membantu kementerian. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya terima kasih Yang Berhormat Lenggong dengan Blue Ocean Strategy. Jadi saya rasa itu cadangan-cadangan yang dilontarkan memang ada keperluannya. Adakah pegawai-pegawai kementerian di sini? Kalau ada gunalah kebijaksanaan. Kita ini berpolitikkah, berorganisasikah dalam agensi kerajaankah perlu ada kebijaksanaan. Inilah sebetulnya. Pemutus yang sebenarnya kebijaksanaan. Akta ada tapi kita tidak bijaksana itu tidak boleh. Ia tidak akan menjadi. Ini kerana kita sedar bulan Ramadhan akan tiba. Biasanya apabila bulan Ramadhan begini, hari raya akan tiba harga barang di situlah peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha mengambil kesempatan. Apabila harga barang naik yang dia cakap Barisan Nasional punca barang naik. Bukan kementerian, bukan dia cakap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Inilah Kerajaan Barisan Nasional. Yang Berhormat Pokok Sena pula memang dia pakar manipulasi. Dia akan "*Inilah rakyat sokong kerajaan Barisan Nasional. Harga barang tidak dikawal. Kalau kita memerintah barang akan turun*". Itu Yang Berhormat Pokok Sena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dua kali sudah. Yang Berhormat Kinabatangan dua kali sudah sebut Yang Berhormat Pokok Sena. Yang

Berhormat Pokok Sena tidak bangun-bangun lagi ini. Yang Berhormat Pokok Sena kena fahamlah itu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Ketawa]* Dia ambil itu. Sebab apa yang dia buat saya akan lontarkan ini yang dia buat sebetulnya. Saya sudah kira kerja dia.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sibuti bangun.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita selalu mendengar dikatakan BN itu barang naik. Apa yang kita tahu tiap-tiap barang yang ada di pasaran selalunya kehabisan. Minyak makan, tepung dan sebagainya habis. Sebetulnya dia tidak habis dibeli tetapi dia habis disorok supaya barang itu nampak habis. Apabila dia nampak habis tauke-tauke mengatakan barang habis. Kalau *you* mahu ini RM3.00 jadi RM3.50, yang membenarkan barang naik ini bukanlah kerajaan tetapi ialah tauke-tauke yang hendak mengaut keuntungan waktu-waktu orang terdesak orang hendak membeli barang-barang keperluan. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

■1220

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, memang berlaku Yang Berhormat Sibuti. Apabila ada pengusaha-pengusaha yang mengambil kesempatan. Apabila ada ramai pembeli, harga tidak naik, dia kata barang sudah habis. Akan tetapi boleh dapat di sana dia kata tetapi harga naik sedikit. Di situlah letaknya penguatkuasaan. Akhirnya kita diukur daripada penguat kuasa. Itu sahaja! Kementerian jawab dalam Dewan pun kekurangan penguat kuasa. Itu sebab kita syorkan beberapa keperluan yang perlu diambil timbang oleh kementerian untuk melaksanakan penguatkuasaan itu sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya teringat bila mendengar ucapan Yang Berhormat tentang perbahasan yang berlaku di Parlimen, berlangsung di parlimen bersama pada ketika itu mantan Menteri Yang Berhormat Johor Bahru. Kita bercakap tentang sistem *nanotech* yang menandakan semua diesel yang bersubsidi di depot-depot pilihan untuk memastikan kalau dicuri, maka penguat kuasa dapat mengesahkan kecurian berlaku dan ini dapat mengurangkan jumlah diesel subsidi yang telah dicuri oleh pihak-pihak tertentu.

Saya kenal pasti bahawa program ini dilaksanakan daripada tahun 2006 hingga tahun 2011. Kosnya RM117 juta. Saya pun tidak pasti kenapa pihak kementerian memberhentikan khidmat Syarikat Teras Kimia tetapi mungkin ada keperluan untuk kita memperkenalkan semula sistem *nanotech*. Saya pinta pendapat Yang Berhormat dan adakah kita juga perlu *attack the*

source dengan izin. Kalau dahulu, selalunya nelayan, sistem pengangkutan – tetapi stesen petrol itu yang telah mungkin menjual diesel-diesel bersubsidi ini tidak dikenakan tindakan. Jadi, saya pohon pandangan Yang Berhormat. Yang Berhormat lagi lama di Parlimen daripada saya, bukan? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Itu memang betul, apabila diberhentikan syarikat yang saya tidak tahu siapa pembekal dia, maka sistem *marker* ini menggunakan *nanotech*, maka berlakulah penyelewengan subsidi sebab tidak ada kayu pengukur dia, diesel mana yang subsidi, diesel mana yang bukan subsidi. Dibawa ke mahkamah, kalah. Tidak boleh didakwa pun sebab macam mana hendak buktikan bahawa diesel itu diesel subsidi.

Saya sudah meminta dengan kementerian, dengan kerajaan, adakan, lantiklah syarikat-syarikat yang berkeupayaan yang boleh tetapi sampai hari ini tidak. Dia kata kerajaan akan mengeluarkan kos berjuta-juta. Akan tetapi subsidi diesel, petrol yang diseludup berjuta-juta, beratus-ratus juta. Jadi sebab itu saya kata tadi, ini semua juga bergantung juga kepada kebijaksanaan kementerian, Menteri. Ya, sila Yang Berhormat Johor Bahru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia datang dari jauh pasal perkara ini sahaja.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Ya, saya mahu datang untuk masuk, hendak *log-in*. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Yang Berhormat Kinabatangan, saya hendak bertanya sama ada perlukah lagi hendak dikenakan *nanotech* itu kerana diesel kita sudah pun mempunyai 5% *palm oil* atau sawit. Bermakna, bahawa berbeza dengan diesel-diesel yang di negara lain kerana diesel kita sudah B5, sudah mempunyai minyak sawit.

Jadi maknanya, kalau kita adakan ujian, sudah pasti bahawa minyak diesel Malaysia boleh dibezakan daripada minyak diesel daripada negara-negara lain. Daripada kita membelanjakan lebih RM100 juta satu tahun untuk *nanotech*, mengapa tidak cara pengesanan minyak diesel Malaysia ini hanya diuji dari segi kandungan sawitnya sahaja?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Itulah yang menjadi persoalan, kenapa perkara ini terlalu membebankan. Mungkin sebab diesel kita ini walaupun mengandungi CPO itu 5% tetapi tidak menyeluruh dan sama ada diesel subsidi ataupun komersial pun, sama bentuk dia Yang Berhormat Johor Bahru. Tidak ada beza dia. Jadi, yang sampai ke negara-negara luar ini pun sama juga.

Jadi, saya tidak tahu macam mana. Oleh sebab itu saya syorkan kalau boleh diadakan lagi *nanotech* tetapi rundinglah harga dia supaya tidak terlalu tinggi pula di caj oleh *service provider* dia, supaya kementerian bolehlah mengawal secara langsung dan lantiklah penguat kuasa menyeluruh. Macam di Kinabatangan, kawasan pilihan raya saya ini sebesar, besar sedikit daripada negeri Pahang. Penguat kuasa kita baru dua, tiga orang. Macam mana hendak kawal harga?

Jadi, alasan kita tidak ada peruntukan untuk melantik penguat kuasa. Itu yang saya kata. Seperti Yang Berhormat Lenggong cadangkan, gunakanlah semua *Blue Ocean Strategy* ini. Kalau tidak mahu pakai *blue ocean*, kita pakai *Red Bean Army ocean*, mungkin boleh. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai bangun.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sekejap. Saya mengikuti perbahasan ini yang cerita tentang kenaikan harga dan ketakutan disebabkan GST dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan, sebenarnya apa pendapat Yang Berhormat Kinabatangan. Apakah punca sebenarnya jika ada kenaikan ini? Adakah di tahap pengeluar ataupun di tahap pemborong ataupun di tahap peruncit? Di manakah sebenarnya kawalan yang bakal diadakan, yang sebaiknya? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sama ada pengeluar, pemborong, peruncit, kalau mereka ini tidak ikhlas, maka di situlah timbulnya unsur-unsur penyelewengan sebab pemborong pun mungkin dia akan naikkan sedikit. Jadi, pengeluar pun dia akan caj pemborong. Peruncit pula dia tengok kawasan ini tidak ada penguat kuasa, di situlah dia naikkan harga. Contohnya, roti kalau di bandar RM2.00, kalau sudah naik ke kampung-kampung, dia caj pergi RM4.50 sen. Bukan dia peduli. Jadi orang kampung tiada pilihan. Satu hingga dua kedai sahaja. Yang satu ada barang, yang satu tidak ada barang. Jadi akhirnya, seperti saya katakan tadi, Yang Berhormat Pokok Sena kata, ‘BN’ ini bermakna ‘barang naik’. Sebetulnya, ada juga keperluan-keperluan dia barang naik itu. Akan tetapi bukan semua baranglah yang perlu naik sebab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ada satu barang kalau tidak naik-naik, payah juga. [Ketawa]

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya diwakilkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena untuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Kalau ikut Yang Berhormat Menteri, jawapan dia, kalau tak suka dengan suasana ini, pindahlah negeri lain ya. Akan tetapi saya faham, itu hanyalah jawapan bagi pihak-pihak yang tidak mampu untuk memberikan penjelasan dan keyakinan kepada rakyat.

Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Kinabatangan mengenai diesel yang di seludup. Dalam konteks perbahasan ini, saya rasa diesel yang di seludup, banyak mana pun pergi keluar negara tidak akan menjelaskan pengguna diesel dalam negara. Harga tidak naik juga. Jadi isu kenaikan harga bukan kerana penyeludupan diesel ini. Yang untung ialah penduduk negara lain. Akan tetapi bagi orang kampung kah atau nelayan kah masih dapat harga diesel tersebut. Apa yang lebih penting ialah harga barang keperluan harian selain daripada bahan bakar ini. Bagaimana kita hendak memastikan ia ada dan pada harga yang berpatutan?

Saya tak berapa bersetuju bila Yang Berhormat Kinabatangan cuba mengelak daripada BN dituduh. Kita memerintah negeri Pakatan pun memang dituduh bila kelemahan di pihak penguasa kah ataupun petugas-petugas di peringkat akar umbi tidak menjalankan tugas, memang dituduh Pakatan Rakyat, kerajaan Pakatan Rakyat walaupun kita mengatakan bukan kita tetapi apa pun, *the bulk stop at the government*. Ertinya kita, akhirnya kena mengambil tanggung jawab ini. Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan, kalau kakitangan kerajaan yang bertugas sebagai penguat kuasa diberikan suatu pendedahan dan juga keyakinan diri untuk melaksanakan tugas dengan baik. Kita tidak mahu ada lagi nanti tuduhan bahawa kita ini sebagai negara umat Islam tetapi tidak ada Islam di dalamnya berbanding dengan negara lain yang bukan negara Islam tetapi pelaksanaan pemerintahannya banyak mengambil ciri-ciri Islam.

Jadi apakah Yang Berhormat Kinabatangan merasa sudah cukup dengan apa yang ditarbiahkan kepada kakitangan kerajaan ini untuk mereka mengambil tanggungjawab sebagai kakitangan kerajaan yang betul-betul amanah? Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu Pokok Sena tadi...

■1230

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Ada beberapa perkara yang persoalan yang dibangkitkan dan perlu diulas satu demi satu. Yang pertama, rasa saya ungkapan yang kita dengar selalu kalau tidak senang bolehlah mencari negara lain, itu berbeza. Ia bergantung dengan ungkapan, sentuhan bagaimana. Kalau disentuh hak peribumi memanglah. Akan tetapi kalau soal harga-harga barang, rasa saya jarang kita dengar yang mana *criticize* harga barang kalau tidak senang, maka pergila negara lain. Itu tidak berlaku.

Dari segi bagaimana hendak memperkasakan kakitangan dan penguat kuasa, kita mentarbiah, ini sebetulnya memang sudah menjadi lumrah tetapi Rasulullah SAW pun cuba

mentarbiahkan waktu dia kempen, waktu semasa dia pun, saudara-mara dia pun tidak diberi hidayah oleh Allah SWT, tidak juga boleh dia tarbiah cara macam mana. Jadi itu semua sebetulnya tidak boleh kita salahkan siapa-siapa sebab Kerajaan Malaysia, agama Islam tetapi tidak mengamalkan, itu sebetulnya bukan soalnya. Oleh sebab kita lihat juga bagaimana kita cuba untuk menterjemahkan soal-soal pentadbiran Islam ini melalui pelbagai proses dan sebagainya. Walaupun kita bukan sebuah negara Islam seperti yang dilhamkan oleh PAS, negara hudud tetapi tidak jadi, kita mengamalkan unsur-unsur keislaman itu sendiri. Saya tidak tahu lah, sebetulnya itu hari kalau ada wakil rakyat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kinabatangan, minta penjelasan boleh?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Kalau ada wakil rakyat daripada PAS hendak *table* di Dewan ini soal hudud mungkin saya akan menyokong pada ketika itu. Akan tetapi oleh kerana dia mengalah dengan DAP, maka akta itu pun ditarik balik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak tahu. Jadi bermakna hudud yang diterjemahkan ini tidak serius. Yang Berhormat Sepang, saya tidak boleh bagi peluang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Eh, kenapa pula?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Kerana saya tidak berapa gemar. Kalau diberi peluang, dia ambil kesempatan keterlaluan, dia macam Yang Berhormat Shah Alam juga.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia prejudis ini.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Belum *table* macam mana tarik balik.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Lain-lain boleh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja boleh?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang tidak bagi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak bagi, lain-lain orang boleh tetapi Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Shah Alam...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Ia belum bentang, macam mana kata tarik balik? Tidak macam Selangor.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Pasir Puteh boleh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apalah Yang Berhormat Kinabatangan, tidak profesionallah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya terpanggil apabila Yang Berhormat Kinabatangan menyebut bahawa PAS ingin membentuk negara hudud. Tidak ada pernah PAS berusaha untuk mewujudkan Malaysia ini sebagai negara hudud, tidak. Itu pembetulanlah. Hudud ini sebahagian kecil daripada, elemen yang kecil sahaja daripada Islam itu sendiri. PAS ingin membawa pentadbiran Islam yang adil, yang membawa kebajikan kepada semua dalam negara kita ini. Berlandaskan juga dengan perlombagaan kita, kita tidak menentang perlombagaan dan kita hidup dengan sistem demokrasi. Jadi itulah sedikit pembetulan.

Hanya saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan sedikit. Kawalan harga ini, hendak kawal harga ini, kita tahu kalaularah musim pilihan raya selalunya *demand* itu *increase*, meningkat. Apabila *demand* meningkat, bekalan tidak mencukupi disebabkan oleh apa-apa sebab maka harga akan naik. Jadi hendak kawal harga ini saya rasa cukup susah. Jadi di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan, adakah pihak kerajaan mempunyai kuasa untuk mengawal harga sebeginu rupa dalam keadaan perniagaan yang sedemikian yang kita tahu inilah keadaannya. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh, saya tidak akan menyinggung soal hudud berlebihan kerana akta kita ini pun Akta Kawalan Harga Barang. Sebelum saya mengakhiri saya beri dengan Yang Berhormat Lenggong, baru saya ulas dua-dua ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, selepas ini gulung Yang Berhormat Kinabatangan.Ya, sila Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kinabatangan, semangat pewujudan akta ini antara lain untuk memastikan supaya rakyat tidak dibebani dengan kenaikan harga yang melampau. Kita tahu hakikatnya dari semasa ke semasa memang logiknya barang akan naik juga. Akan tetapi yang kita kehendaki ialah harga barang tidak naik melampaui daripada yang sepatutnya. Semangat ini juga untuk melindungi pengguna dan yang pentingnya ialah untuk pastikan supaya peniaga tidak mengambil kesempatan dalam apa juga keadaan sekalipun.

Yang Berhormat Kinabatangan, sekarang ini yang kita lihat hari ini ialah media sosial, ini mempengaruhi. Yang Berhormat bayangkan kalau Gerik di hujung dunia itu, ada peniaga mengambil kesempatan dia naikkan harga barang, dia masukkan dalam Facebook dan peniaga di Johor kata, "*Hai, di Gerik sudah naik harga barang, apa tak salah kita naikkan juga di Johor Bahru*". Orang di Johor Bahru pula masukkan dalam media sosial, digembar-gemburkan bahawa harga naik, Lenggong naik, Kinabatangan lagilah naik, di Jerlun pun naik. Akhirnya rakyat panik, harga tidak naik tetapi peniaga di Johor kata di Gerik naik harga, kita naik sama. Akhirnya orang pakat naik harga barang. Akhirnya dengan ini, media ini mempengaruhi kenaikan harga barang.

Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, apakah kerajaan perlu ada mekanisme untuk mengawal isu ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Pasir Puteh ada *related* pandangannya iaitu bagaimana kerajaan mengawal harga barang dengan media sosial sekarang ini memainkan peranan juga. Saya pernah nampak di Facebook saya iaitu dia bandingkan harga sayur contohnya di Cameron Highland dengan harga sayur di satu daerah, berbeza. So dia komen, kenapa kita tidak ikut harga Cameron Highland? Dia bilang mana boleh, kita punya kawasan berbeza. Jadi ia akan mewujudkan panik di kalangan rakyat dan juga pengusaha itu sendiri. Bagaimana kerajaan menangani isu seumpama ini.

Sebagai contoh bulan puasa ini, harga ikan memang dikawal tetapi apabila ikan sudah dibakar, ikan bakar namanya, sudah tidak ada kawalan. Ini yang rakyat nampak, "Oh harga ikan naik". Oleh sebab bulan Ramadhan, orang kadang-kadang suka membeli yang sudah masak termasuk saya. Kadang-kadang saya sendiri pergi ke gerai-gerai Ramadhan di mana-mana. Harga di pasar mungkin satu kilo RM30 tetapi sampai di pasar Ramadhan, satu ekor sudah RM40. Jadi adakah ini terkawal? Sudah tentu tidak. Akan tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat Lenggong bagaimana sekurang-kurangnya kementerian membendung kenaikan secara berleluasa. Jadi wujudkanlah rangkaian-rangkaian *Blue Ocean Strategy* dengan juga melantik agensi-agensi pelaksana di bawah. Kalau kementerian tidak ada kemampuan, gunakanlah yang saya cadangkan tadi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sedikit.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinbatangan, sedikit, hendak tambah yang ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya sudah mahu gulung ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sedikit, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan hendak gulung.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai, Bagan Serai dulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey, Yang Berhormat Lenggong dengan apa tadi, ya.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya mengikuti perkembangan yang diceritakan hari ini dengan media sosial dan sebagainya dan gembar-gembur yang dilakukan sesetengah orang tentang kenaikan harga ini. Apa pendapat Yang Berhormat Kinabatangan, adakah kaedah kawalan harga ini berkesan dan sesuai dengan transformasi ekonomi yang sedang dilaksanakan? Adakah ini menepati masalah

sebenarnya? atau adakah patut kementerian berfikir dan mencadangkan kaedah-kaedah lain untuk kawalan atau yang lebih menepati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan, berkaitan dengan perkara yang ada hubung kait dengan media sosial ini. Ini memang mempengaruhi. Jadi sebab itu, setujukah dalam Dewan yang mulia ini kita cadangkan supaya kementerian mengambil inisiatif untuk wujudkan satu mekanisme menggunakan media sosial ini, blog atau Facebook kah kerana memang rakyat jadi panik, peniaga terpengaruh. Saya sebutkan tadi dia tengok peniaga jual ikan di Johor harganya tinggi, *why not* saya di Lenggong jual juga tinggi. Ini penting supaya kerajaan mengambil inisiatif untuk bagaimana hendak mempengaruhi supaya rakyat tidak terpengaruh dengan laman sosial ini yang mewujudkan panik. Dia kata gula tidak ada, tepung tidak ada, daging tidak cukup dan sebagainya, ia mempengaruhi harga pasaran. Itu kena dibuat itu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya Yang Berhormat Lenggong, sebetulnya untuk mengawal media sosial bukan senang. Contohnya minggu lalu saya berkonfrontasi dengan Yang Berhormat Kapar. Saya kata kalau inilah perangai seorang wakil rakyat, kalau tidak jadi wakil rakyat, mungkin jadi perompak. Di media sosial dia kata, MP Kinabatangan kata, "*seluruh orang India kalau tidak wakil rakyat, jadi perompak*". Jadi ini kerja Red Bean Army, itu sahajalah. Siapa di belakangnya, "*itu siapa makan lada, dia rasa pedas*". Akan tetapi saya rasa dari dulu saya konsisten, dia memang DAP di belakangnya.

Jadi untuk maklumat Yang Berhormat daripada Bagan Serai, memang sebetulnya akta ini mungkin tidak memadai begitu sahaja. Akan tetapi kementerian haruslah mencari pendekatan-pendekatan yang lebih sempurna ke arah meyakinkan rakyat, ke arah memakmurkan negara ini, ke arah membendung kenaikan harga barang dengan pendekatan-pendekatan yang lebih baik, lebih saksama menggunakan strategi, Blue Ocean Strategy dan rangkaian-rangkaian strategi yang boleh membantu mengurangkan beban kenaikan harga barang dan menjamin kehidupan kemakmuran rakyat.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

▪ 1240

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh.

**12.40 tgh.**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014.

Sementara kita meneliti dan memberikan pandangan, kita juga harus tahu bahawa isu ini ialah isu yang sekarang dianggap sebagai kemelut besar yang menekan taraf hidup rakyat. Beberapa pandangan telah pun dikemukakan sebelum ini tatkala dibentangkan rang undang-undang sejak tahun 2011 lagi. Ini termasuk daripada FOMCA yang mempertikai definisi penguatkuasaan dan beberapa kelemahan yang sedia ada yang tidak diberi pertimbangan. Saya menyusul perbahasan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan sebentar tadi yang bersetuju dengan gambaran keluh-kesah rakyat yang disuarakan oleh beliau, tetapi kurang setuju bila ditumpukan hanya masalah penguatkuasaan.

Isu kawalan ini bukan isu penguatkuasaan semata-mata, tetapi dilihat dari segi makroekonomi. Umpamanya kita lihat gula. Gula itu isu dasar kerana monopoli syarikat bila menaikkan harga 35 sen, tugas penguat kuasa adalah hanya kawal harga tetapi yang menaikkan harga itu ialah keputusan kerajaan. Kita sekarang pertikai bukan sahaja penguatkuasaan, tetapi kita pertikai kebijakan ekonomi yang memberi ruang kepada tauke-tauke besar menguasai syarikat utama termasuk gula, beras dan IPP walaupun tidak sangkut secara langsung dalam akta ini tetapi dari soal kawalan harga, ada relevannya. Semalam dibahaskan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tentang YTL, yang memberikan itu ialah kerajaan, yang menetapkan harga ialah kerajaan. Sekarang hendak berilagi pun kerajaan. Harganya sudah tinggi, kemudian kuat kuasa. Kalaupun berkesan, masih di tahap yang tinggi apatah lagi kalau di kawasan-kawasan pedalaman, Sabah dan Sarawak di mana penguatkuasaannya lemah dan harga barang meningkat.

Saya rasa perbahasan sekarang ini sesuai dan lebih tepat kerana menjelang Ramadhan. Kita tahu kalau bulan Ramadhan ini, bulan yang paling menguji dari segi menahan lapar dan dahaga dan penghayatan ke arah... *[Berucap dalam bahasa Arab]*, tetapi menguji kerana masa ini jugalah diambil kesempatan oleh syarikat-syarikat menaikkan harga tanpa perikemanusiaan dan kelemahan penguatkuasaan. Akan tetapi sementara menyokong beberapa langkah memperketat penguatkuasaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya juga ingin menegaskan bahawa ia tidak boleh dibahaskan terbatas kepada penguatkuasaan. Ini kerana kita harus melihat juga soal pertimbangan ekonomi makro dengan keputusan kebijakan ekonomi yang ada sekarang yang mengizinkan monopolii.

Apabila kita sebut monopolii, maknanya tidak ada persaingan. Harga ditetapkan oleh syarikat maha kaya. Maka sebab itu bila kita bahaskan penguatkuasaan, ia tidak menjawab permasalahan yang dihadapi oleh rakyat kerana saya pertikai harga gula umpamanya walaupun ditetapkan. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, penguatkuasaan. Akan tetapi saya pertikai kerana harga gula di dunia turun, harga gula di Malaysia naik dan yang menentukan masih lagi seorang iaitu Tan Sri Syed Mokhtar. Kadar elektrik sekarang ditetapkan. Penguatkuasaan memastikan semua IPP jalankan dan tetapkan harga yang sama tetapi yang menetapkan harga- saya tidak setuju kerana harga itu tinggi. Keuntungan YTL umpamanya,

berbilion ringgit. Semua tahu. Dibangkitkan semalam tentang keuntungan dari BERNAS sebanyak RM2 bilion seorang. Empat tahun sebanyak RM2 bilion. Dia tidak memberikan jaminan kepada pesawah padi.

Ini bukan soal politik pembangkang lawan kerajaan semata-mata, tetapi soal dasar yang kita harus tahu. Mengapa kita rasa begitu lemah sekali dalam menghadapi tauke-tauke besar ini tanpa mengira Melayukah, Ananda Krishnan Indiakah ataupun YTL. Apatah lagi apabila heboh baru-baru ini YTL mengatakan menentang kronisme. Bagaimana dia dapat YTL, IPP? Pasar Pasir Gudang, *national green, mutual monopoly* dalam semua hal. Ini saya tidak mahu ulang kerana saya sudah sebut berulang kali.

Saya rujuk kenyataan Tan Sri Ani Arope yang di antara pengurus yang cukup tegas yang mempertahankan kepentingan TNB dan kepentingan rakyat. Hal ini berulang, sebab itu saya minta hal ini diberi perhatian tentunya tidak hanya di bawah ruang lingkup kementerian dan bidang kuasa Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi ia masih terikat dengan permasalahan dasar ekonomi makro dan penentangan kita terhadap dasar penswastaan yang memihak kepada syarikat yang berulang. Kalau katakan ini keputusan lama, tidak benar kerana keputusan baru diberikan lagi kepada syarikat yang untungnya berbilion ringgit dan tidak ada langsung keprihatinan untuk menjaga kepentingan rakyat...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Cuba menurunkan harga di mana yang munasabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya ingin mencelah dan hendak tanya sedikit kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Tadi Yang Berhormat Permatang Pauh cakap dua perkara. Pertama, tentang BERNAS untung sebanyak RM2 bilion. Semalam saya dengar Yang Berhormat Alor Setar kata cukainya yang dikurangkan sebanyak RM420 juta, kali empat tahun, sebanyak lebih RM2 bilion. Semalam Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri kata duit itu bukan masuk poket BERNAS. Jadi dekat mana yang untung RM2 bilion? Itu pertama.

Kedua, tentang gula ini. *Biggest industry player-* gula ini bukan Syed Mokhtar, bukan Tradewinds tetapi Malaysia Sugar Manufacturing Berhad. Jadi dekat mana yang kita kata Syed Mokhtar? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih kerana ada juga jurucakap yang cuba pertahankan kepentingan Syed Mokhtar dalam Dewan ini. Akan tetapi ada baiknya kerana memberikan ruang yang adil.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Bukan. Saya hendak pertahankan yang betul.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Betul, betul. Dia pertahankan...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Itu mengelirukan Dewan. Itu mengelirukan Dewan. Jadi, saya hendak betulkan fakta. Bukan saya sokong sesiapa.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya hendak jawab. Saudara sudah bangkitkan, saya jawab. Pertama, soal BERNAS. BERNAS ini cara kita membuat perkiraan, setiap import beras itu dia catat keuntungan. Oleh sebab itu dulu import itu diberikan kepada NAFAS dan pertubuhan-pertubuhan peladang banyak sebab keuntungan tercatat. Sekarang ini dikatakan potongan dari subsidi. Soalnya, catatan keuntungan itu sah.

Sekarang dari import yang diberikan kepada NAFAS, pertubuhan-pertubuhan peladang, dipindah kepada BERNAS yang dikuasai oleh Syed Mokhtar. Soal *accounting* itu, soal lain. Akan tetapi saya pasti kerana ini isu yang telah diputuskan Jemaah Menteri dulu termasuk tatkala penswastaan BERNAS bila berikan 40% kepada persatuan peladang NAFAS, NEKMAT, KADA dan MADA itu ialah menjamin keuntungan dari import beras. Jadi sekarang ini 40% itu dipindahkan kepada Tan Sri Syed Mokhtar seorang. Maka, keuntungan itu tercatat. Boleh rujuk kepada akaun dia. Saya tidak ada di sini. Saya boleh berikan akaun keuntungan syarikat BERNAS di bawah Syed Mokhtar. Tradewinds betul. Tradewinds itu bersama dengan FELDA Global yang menguasai gula.

#### ■1250

Akan tetapi di antara Felda Global dan Syed Mokhtar itu, *synergy* nya itu adalah untuk bekerjasama menentukan harga pasaran di Malaysia ditentukan oleh syarikat ini. Jadi, Tan Sri Syed Mokhtar sebagai seorang individu, itu individu yang paling berkuasa dalam soal gula. Ini yang saya sebutkan. Akan tetapi *Tradewin* betul. Bukan *Tradewin* monopoli seperti mana BERNAS. BERNAS dia ada 97% saham sekarang ini Syed Mokhtar.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi, tidak betullah *you* cakap tadi. Fakta tadi tidak betul Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tidak, tidak ada. Apa yang tidak betul? Syed Mokhtar *still...*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tidak betul. *You* kata tadi Syed Mokhtar. Yang besarnya MSM. Syed Mokhtar tidak bekerjasama dari segi harga ini. Jadi dekat mana dapat cerita pasal hendak tentukan harga ini?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Macam mana Yang Berhormat Kota Tinggi tahu...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Keduanya, RM400 juta tadi...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** *I have the floor* Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya pertahankan itu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ini biar dia faham, ini peraturan Dewan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ini cerita pasal floor balik. Saya hendak betulkan kenyataan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Dia cakap, saya sudah jawab.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kenyataan itu tidak betul. Saya minta tarik balik. Ini mengelirukan Dewan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, minta dia duduk. Kalau orang lain sudah kena keluar. Kalau Yang Berhormat Padang Serai sahaja sudah kena keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Kalau Yang Berhormat Padang Serai kena keluar kalau tidak ikut peraturan tetapi kalau Yang Berhormat Kota Tinggi tidak apa.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Bukan, dengar, dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, yang lain diam ya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ini yang masalahnya dalam Dewan ini. Semua yang kononnya berjuang Melayu. Bila kita hendak pertahankan kepentingan peladang, pesawah padi, ada lagi yang tukang cuak yang pertahankan kepentingan monopoli. Ya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, sekejap, sekejap. Yang Berhormat Permatang Pauh, Kota Tinggi duduk sekejap. Ya Yang Berhormat Permatang Pauh duduk sekejap.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya *explain* tadi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Duduk sekejap. Ini kita tengok peraturan perbahasan 37(2). Kalau yang berbahas tidak memberikan laluan, kita tidak boleh hendak ganggu. Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih. Jadi BERNAS 97% Syed Mokhtar. Dalam *Tradewin*- gula, Syed Mokhtar sebagai seorang individu paling berkuasa kerana pengaruhnya kepada kerajaan besar. Bukan sahaja melalui BERNAS tetapi dekat Malakoff IPP dan juga banyak juga syarikat-syarikat monopoli sebagai seorang yang punya kepentingan dalam syarikat penswastaan paling besar dalam negara dia. Mustahil dia tidak ada

say atau pengaruh dalam kerajaan terutama bila harga gula pasaran dunia turun, harga gula di Malaysia meningkat. Itu persoalannya.

Jadi dalam relevan pendebatan kita, perbahasan kita dengan masalah Yang Berhormat Timbalan Menteri bangkitkan tadi ialah bila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan penguatkuasaan yang saya setuju. Akan tetapi penguatkuasaan tidak boleh menyentuh soal harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Sekarang ini soal berkaitan iaitu indeks harga pengguna bagi tempoh Januari hingga April 2014. Mengikut statistik kerajaan, meningkat 3.5% berbanding satu bulan 109.8 dibandingkan dengan 106.1 pada tempoh sama tahun lepas.

2013, IHP April 2014 mencatat kenaikan 34%. Kadar inflasi bulanan sejak Januari 2014 hingga Mei 2014 kita buat *extrapolation* kadar inflasi dari Jun dan menjangkakan bahawa kadar inflasi akan terus naik ke 4% pada Mac 2015 iaitu sebulan sebelum pelaksanaan GST. Ada kenyataan daripada pemimpin kerajaan, Menteri yang mengatakan kenaikan GST itu tidak akan menyebabkan inflasi. Saya sebut hari Isnin lalu bahawa ini berbeda dengan apa yang berlaku di dunia. Semua negara di dunia melaksanakan GST. Itu dengan spontan akan menyebabkan lonjakan harga.

Ini saya boleh sebut umpamanya contoh beberapa pelaksanaan GST. India laksanakan tahun 2015. Kadar peringkat permulaan yang tinggi, itu pun kadar inflasi masih 4.2%. Singapura seperti kita tahu dengan kadar yang lebih rendah tetapi kadar inflasi masih terus naik kepada 3.1% pada tahun 1994. Kanada naik 5.6% tahun 1991, setahun setelah dinaikkan. Jepun naik pada tahun 1989, 2.3%, tambahan daripada awal. Australia naik 4.5%. China naik 24.2% pada tahun 1994. New Zealand naik 27.2% setahun setelah dilaksanakan pada tahun 1986. Malaysia, Menteri jawab tidak naik melainkan kadar yang biasa.

Walaupun New Zealand paling tinggi diikuti oleh China dan Australia, kita mengatakan kita boleh kawal tetapi saya tidak percaya hal ini boleh berlaku dan sekiranya diserahkan hanya pada bidang penguatkuasaan, ia tidak menjawab permasalahan pokok. Apa itu permasalahan pokok iaitu tentang monopoli dan penswastaan dan kontrak yang tidak mengikut tender yang telus yang bukan sahaja berlaku dahulu dan setelah janji transformasi ini tidak diulang tetapi masih berlaku. Ini tentunya akan menyebabkan beban rakyat akan bertambah.

Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dari BN sendiri mengeluh tentang kos harga barang dan hanya menyalahkan hanya penguatkuasaan itu tidak benar kerana yang menetapkan harga gula itu atau menetapkan harga-harga barang itu mengambil kira keadaan yang nyata termasuk bila kita gagal menentukan *competitive bid* dalam persaingan mengikut tender atau pun harga yang ditentukan oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerlun.

**12.56 tgh.**

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh,* Tuan Yang di-Pertua terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut berbahas di dalam pindaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2014 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Akta ini sememangnya sudah kita tahu bahawa adalah untuk mengawal harga barang dan juga caj dan juga perkhidmatan dan yang penting adalah larangan untuk pencatutan atau pun *profiteering*. Kita sedar bahawa KPDKKK telah pun ditubuhkan pada tahun 1990 yang antara lain tugas dan fungsi utamanya adalah untuk menentukan dan juga memantau harga barang-barang perlu supaya ia tidak menekan rakyat di kebanyakannya. Jadi, akta yang telah pun diwujudkan sejak daripada tahun 2011 lalu iaitu Akta 723 ini adalah untuk memastikan bahawa kerajaan menetapkan harga siling dan juga menggazet senarai harga-harga untuk barang-barangan kawalan, barang-barangan tertentu supaya jika berlaku siapa-siapa yang melanggar undang-undang ini, maka tindakan boleh diambil. Jadi, ia juga berkait rapat dengan Akta Kawalan Bekalan 1961 yang mempunyai 12 jenis barang yang dikawal. Antaranya gula, tepung dan sebagainya.

Jadi, sudah tentulah apabila kita bercakap soal-soal berkaitan dengan barang ini ia juga berkait rapat dengan musim-musim tertentu, musim perayaan sama ada hari raya atau pun Chinese New Year atau pun Deepavali dan sebagainya termasuk juga kadang-kadang musim pilihan raya kecil. Jadi, barang ini naik bukan hanya ketika musim raya tetapi juga tetapi juga seperti Yang Berhormat Pasir Puteh sebutkan tadi semasa musim pilihan raya atau pun juga pilihan raya kecil.

Jadi, antara contoh-contoh yang boleh kita sebut dan belum lagi disentuh pada pagi ini adalah tentang bekalan ayam. Jadi kita tahu bahawa dalam *Blue Ocean Strategy*, urusan ayam ini berkait rapat dengan kerjasama di antara dua kementerian utama iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga KPDKKK sendiri. Jadi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini diminta untuk memastikan bekalan barang cukup ketika musim perayaan. Jadi, MOA akan mengimport barang-barang tersebut dan sebagainya. Mungkin kalau kita bercakap soal ayam ini mencecah sehingga 2 juta ekor untuk sehari di musim Ramadhan dan akan menjadi 2.2 juta ekor semasa musim raya.

Jadi, KPDKKK pula mereka ditugaskan untuk memastikan bahawa harga bekalan ini tidak dimanipulasikan oleh mana-mana pihak. Maka ditetapkan harga-harga tertentu mengikut geografi atau pun zon atau pun negeri-negeri mengikut bekalan-bekalan barang yang diberikan. Oleh itu memandangkan kepada realiti keadaan semasa pada hari ini dalam perniagaan, kita sedar bahawa memanglah setiap musim perayaan akan cuba dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu, makanya perkataan bekalan dan permintaan itu menjadi penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Jerlun, kita sambung 2.30.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerlun untuk menyambung perbahasan.

## 2.32 ptg.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih atas ruang yang diberikan sekali lagi untuk meneruskan perbahasan berkaitan dengan pindaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Tadi saya sebutkan berkaitan dengan isu-isu bagaimana mereka cuba hendak memanipulasikan harga berkaitan dengan permintaan dan juga bekalan, *demand and supply*. Begitu juga kadang-kadang ada mainan yang sengaja dimainkan oleh pihak orang tengah, contohnya macam yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi, tentang tiada bekalan dan matlamatnya adalah hanya untuk menaikkan harga. Jadi, ini juga adalah berkaitan dengan *anti hoarding* ataupun sorok-menyorok barang ini dan pihak kementerian hanya boleh mengambil tindakan sekiranya berlaku ada mainan-mainan seperti ini.

Cuma, cabaran yang dihadapi oleh KPDKKK ini adalah apabila menghadapi musim-musim perayaan dan sebagainya, kekurangan bekalan dan sebagainya, maka kerap kali kita mendengar pelbagai amaran dikeluarkan. Contohnya amaran dikeluarkan oleh pihak kementerian sama ada Menteri sendiri ataupun pegawai-pegawai kanan kerajaan berkaitan hanyalah untuk memberi amaran. Cumanya, apabila penguatkuasaan yang tidak konsisten, maka peniaga-peniaga ini tidak mengendahkan amaran-amaran tersebut.

Jadi, isu-isu berkaitan dengan penguatkuasaan pula, sudah tentulah berkait dengan *staffing* ataupun kekuatan tenaga yang ada di seluruh negeri dan juga mungkin ia dikaitkan dengan imej dalam kalangan pegawai-pegawai penguat kuasa ini yang mungkin tidak dirasakan gerun oleh pihak-pihak peniaga dan sebagainya. Jadi, sudah tentulah dengan adanya pindaan akta ini, kita harapkan imej KPDKKK terutama pihak penguatkuasaan ini, mungkin dengan uniformnya dan sebagainya, jadi bolehlah digeruni dan ditakuti juga oleh orang-orang yang terlibat.

Selain daripada itu, kita juga sedar bahawa oleh sebab negara kita ini luas kawasannya, jadi masalah geografi juga menjadi satu isu utama. Contohnya kalau di Sabah, di Kota Kinabalu,

di bandar-bandar utama, mungkin terdapat pegawai-pegawaiannya di Sandakan, Tawau dan sebagainya, tetapi mungkin bagi kawasan-kawasan jauh seperti kawasan Tuan Yang di-Pertua sendiri, di Beluran, di Kinabatangan dan sebagainya, sudah tentu ia menyusahkan khidmat ataupun penguatkuasaan oleh pegawai-pegawai ini. Jadi dengan adanya lantikan-lantikan pihak berkuasa tempatan menjadi salah satu lagi anggota penguat kuasa ini, maka mungkin *insya-Allah*, ia akan dapat mengatasi masalah ini. Ini juga berkait rapat dan saya bersetujulah, mungkin ia boleh dikembangkan dengan pegawai-pegawai di bahagian Kementerian Dalam Negeri, contohnya RELA dan sebagainya, JPAM, mungkin ia akan lebih memberi manfaat untuk memberi kesan daripada segi penguatkuasaan.

Berbalik kita kepada pencatutan ataupun bahasa Inggerisnya disebut *profiteering*. Seseorang yang mengambil kesempatan di atas sesuatu keadaan menyebabkan orang lain sukar membuat keuntungan. Selalunya keadaan ini berlaku melalui jualan barang yang sukar diperoleh dengan harga yang lebih tinggi. Selepas itu mungkin juga seseorang yang membuat keuntungan berlebihan terutama sekali ke atas barang keperluan asas yang kurang bekalannya dan juga keadaan mungkin ada orang yang menyalahgunakan kedudukan dominan. Dominan bermaksud bukan hanya monopoli tetapi juga mungkin monopoli daripada segi kedai yang ada dalam kawasan tersebut. Mungkin mereka hanya menjadi pengedar tunggal barang-barangan tertentu menyebabkan mereka lah yang hanya dapat *dictate* ataupun menentukan harga. Jadi, pihak pembeli, pengguna tidak ada pilihan selain daripada terpaksa membeli. Kemudian, semua aktiviti ini sudah tentulah melanggar undang-undang.

Jadi, bagaimana kita hendak sebut mekanisme ataupun yang disebutkan *deal to be profiteering* yang lebih-lebih ini? Ia adalah berkait kononnya kenaikan cukai, ada juga bila dipotong subsidi maka terus dinaikkan barang macam mana yang selalu disebutkan barang kawalan dipotong subsidi gula tetapi teh tariknya tidak dikawal. Jadi inilah antara sebab yang menjadikan pencatutan itu berlaku. Kemudian, harga-harga sama ada daripada pengeluar, pengedar, peruncit dan sebagainya. Kemudian, seperti yang disebutkan tadi berkait rapat dengan *demand and supply*. Selalunya bila musim-musim perayaan, permintaannya tinggi, bekalannya kurang, maka ia akan menaikkan harga. Sudah tentu juga berkaitan dengan produk dan juga *market condition*, dengan izin, ia boleh menjadikan seseorang itu mengambil kesempatan.

Cuma, ada ketika tertentu, walaupun Malaysia merupakan sebuah pengeluar sawit yang terbesar di dunia, antara yang terbesar mungkin nombor dua selepas Indonesia, tetapi kita juga sering mendengar tentang kurangnya bekalan minyak masak. Jadi, kenapakah ini boleh berlaku? Mungkin sudah tentu kita menganggap ia hendak *diprofiteeringkan* oleh pihak-pihak yang tertentu. Jadi, kita juga sedar bahawa industri minyak sawit CPO ini dijual dalam pelbagai bentuk, cara. Akan tetapi yang selalunya adalah disebut sebagai *forward sales* ataupun dengan *hedging* dan sebagainya. Mungkin harga yang telah pun diikat untuk dihantar pada bulan-bulan terminal *month* tertentu jauh lebih tinggi daripada harga pasaran ketika ini, maka mungkin sebab itulah

antara punca yang menjadikan bekalan di domestik ini berkurangan. Namun, ia agak mustahil kalau tidak ada niat untuk menyorok barang tersebut dengan harapan semoga ia dapat dijual dengan harga yang jauh lebih tinggi.

Jadi, kita harapkan jugalah sudah tentu kementerian dapat melihat perkara-perkara ini kerana kita tidak mahu, walaupun orang kata Malaysia pengeluar sawit terbesar tetapi bila hendak mendapatkan bekalan minyak masak sama ada di *supermarket*, di kedai dan sebagainya, tidak ada kecuali yang hanya dibungkus dengan bungkusan plastik satu kilogram dan bukan lagi di dalam botol.

#### ■1440

Jadi seperti yang telah disebut oleh Timbalan Menteri tadi akta ini diperkenalkan lagi, dibuat penambahbaikan kerana ada kaitan dengan GST, Akta GST yang akan dikuatkuasakan bermula pada April 2015 nanti. Mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sendiri menyatakan bahawa kerajaan menjangkakan akan ada kenaikan harga di antara 1.8% hingga 2% pada tahun pertama pelaksanaan cukai GST ini. Jadi kalaular ini menjadi trendnya maka sudah tentu kita mengharapkan ia akan berlaku dalam tahun pertama.

Akan tetapi kita juga ingat bahawa kemungkinan besar isu ini boleh berlaku apabila peniaga-peniaga yang dahulunya ingin menggunakan SST, menggunakan cukai jualan 10% tetapi tidak menolak cukai tersebut dalam pelaksanaan GST tetapi dalam masa yang sama mengenakan *dual taxation* sistem ini. Satu mengekalkan cukai yang lama 10% dan dalam masa yang sama juga mengenakan GST, 6%. Jadi sudah tentulah kita mengharapkan melalui pemindahan akta ini yang dipinda ini dengan adanya rekod jualan dan sebagainya, maka kita harapkan ia boleh menjadi bahan bukti sekiranya perlu dihadapkan ke mahkamah dan sebagainya.

Selain daripada itu, kita juga melihat bahawa akta ini juga telah memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda jadual. Jadi jadual ini sudah tentulah ia akan bergerak dari semasa ke semasa mengikut keperluan barang-barang yang patut dimasukkan dalam jadual dengan hanya menyiarkan warta dari semasa ke semasa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya akta ini bukanlah anti *business* atau menahan sesiapapun daripada untuk membuat keuntungan dalam perniagaan tetapi yang penting adalah ia hanya hendak menyekat mana-mana pihak ataupun ahli-ahli perniagaan yang tidak berhati perut ataupun *unscrupulous* daripada mengenakan harga yang *exorbitant* harga yang terlalu tidak munasabah melalui barang ataupun perkhidmatan yang disediakan.

Apa yang penting juga adalah ia hendak menjaga kepentingan pengguna daripada orang yang sanggup mengambil kesempatan untuk membuat untung yang berlebihan. Diharapkan kementerian, kerajaan dapat menggunakan akta ini dengan berkesan untuk melindungi pengguna yang mungkin tidak ada pilihan dan terpaksa mengikuti keadaan semasa apa juga harga barang yang diletakkan.

Kemudian akhir sekali harga barang hanya patut ditentukan selepas mengambil kira kesan terhadap semua pihak berkepentingan ataupun *stakeholders* iaitu daripada pengeluar, pemborong, pengedar, peruncit dan sebagainya termasuk juga dengan pengguna itu sendiri. Walau apa pun sebenarnya kejayaan ini akan hanya ditentukan dengan pelaksanaan yang berkesan, maka kita harapkan supaya bermula dari musim perayaan yang akan datang, mungkin bermula pada sepuluh hari daripada sekarang perkara ini dapat kita laksanakan walaupun akta ini mungkin hanya akan diluluskan selepas hari raya nanti tetapi kita mengharapkan kerajaan terutama sekali KPDKKK di peringkat akar umbi akan sentiasa memantau dan melaksanakan undang-undang yang telah pun ditetapkan dengan harapan semoga rakyat yang terlibat akan terbela dari semasa ke semasa. Terima kasih, Jerlun mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

#### **2.44 ptg.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampak Tuan Yang di-Pertua merenung jauh baru nampak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sebab Yang Berhormat selalu, sangat kerap bangun.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yalah daripada tidak ada orang bangun, saya bangun. Selepas Yang Berhormat Jerlun, Pokok Sena jadi baguslah. Saya menyokong apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jerlun tadi. Ini isu yang berkaitan dengan permasalahan kehidupan rakyat, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan.

Kita dibawa dengan satu pindaan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Isu masalah kenaikan harga barang ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya fikir bahawa isu yang ia macam bermusim, saya lihat dari segi komitmen, kesungguhan kerajaan dalam menangani masalah isu kenaikan harga barang ini.

Kalau sebelum ini kita lihat bahawa kerajaan ada menuju jawatankuasa khas menangani kos sara hidup di bawah Timbalan Perdana Menteri, kemudian juga berkaitan dengan jawatankuasa khas kabinet berkaitan dengan harga, berkaitan dengan soal harga. Kita nampak macam, semualah pada waktu itu, pada waktu orang tengah mengeluh. Orang tengah merungut, orang tengah meratap di atas kenaikan harga barang. Jadi apabila tidak ada satu penyelesaian pada waktu itu.

Pada waktu itu akta ini pun sudah ada, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan, memang sudah ada pada awal Januari tersebut, pada waktu penubuhan jawatankuasa dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sudah ada akta ini. Akan tetapi harga barang melambung naik, selepas pilihan raya makin melambung naik, sebelum

pilihan raya pun memang sudah pun timbul isu masalah kenaikan kos sara hidup ini yang begitu tinggi tetapi diredukan sedikit dengan pelbagai imbuhan, pemberian yang diberikan oleh kerajaan dan juga janji-janji pengharapan yang diberikan dan akhirnya orang terus memberikan kepercayaan kepada kerajaan.

Akan tetapi pada waktu itu walaupun seperti saya katakan tadi sebelum ini, GST sudah dibentangkan sebelum lagi daripada pilihan raya dahulu tetapi kerajaan takut untuk hendak membawa bacaan kali kedua itu ke Parlimen ini kerana kebimbangan hendak menghadapi pilihan raya. Jadi suasana isu sebelum daripada pilihan raya itu sudah pun menampakkan tentang keresahan, ketidakpuasan hati rakyat terhadap kelemahan dalam kita menangani masalah peningkatan kos sara hidup ini.

Akan tetapi apabila selepas daripada pilihan raya kita ingat harapan-harapan yang diberikan oleh rakyat sebelum ini akan dapat dirungkaikan, akan dapat diberikan sedikit kelegaan tetapi tidak nampak, apa yang berlaku ialah berlaku kenaikan harga minyak, berlaku kenaikan harga gula, berlaku kenaikan tarif elektrik yang semua itu mendorong kepada-memberikan kesan kepada kenaikan harga barang yang makin berleluasa.

Saya tidak nampak apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk mengatasi masalah peningkatan kos sara hidup dengan isu-isu yang berkaitan dengan kenaikan harga barang yang sangat membebankan rakyat. Jawatankuasa itu pun sudah senyap. Jawatankuasa menangani kos sara hidup, jawatankuasa khas Kabinet yang berkaitan dengan isu kenaikan harga barang ini sudah senyap. Apa dia...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yalah tiada sudahlah, hari itu sekali, arah habis, orang Kedah panggil "sekawan ceruk" turun. Pergi market, Menteri angkat ikan, ini dia angkat ayam, pegang punggung ayam. Turun Menteri rata ajak habis semua exco, Menteri Besar turun dan selepas daripada itu senyap, tidak turun sudah. Jadi Yang Berhormat turun di Tenggara, saya nampak, tengok. Pegang ayam, pegang kaki ayam, hendak tunjuk pada rakyat, tunjuk dalam surat khabar, "Oh, ini kita sedang ambil tindakan, sedang ambil tindakan, sedang menangani permasalahan yang dihadapi oleh rakyat". Akan tetapi selepas itu adakah harga barang turun?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Harga barang apa turun, cuba beritahu. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya baru telefon dekat Alor Setar malam ini. Market Alor Setar. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, harga siling..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak payah tanya sekarang.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak apalah. Dia boleh kenyit-kenyit matalah. Harga ayam berapa sekarang ini? Harga siling?

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** RM7.00...

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** RM7 berapa? RM7.70kah?

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** RM7.00 kalau tidak silap sayalah.

Harga siling ayam yang diumumkan pada Ramadan dahulu, RM7.50 ataupun RM7.70. Hari ini di Alor Setar ini hari ini baru sekejap tadi ini RM8.00 sekilo.

**Seorang Ahli:** Betulkah?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya. RM8.00 sekilo. Sudah melebihi daripada harga siling. Maknanya saya sebut kepada Dewan ini bahawa tidak ada satu pemantauan yang dibuat macam mana harga ayam bersih sekarang ini boleh RM8.00 sekilo. Jadi ini hendak menjelang Ramadan pada 29 Jun ini, 1 Ramadan.

#### ■1450

Kita tidak tahu apa akan jadi dengan harga ayam, harga daging lembu. Harga daging lembu saya sebut Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dalam menggulung dia tidak menjawab apa yang saya bangkitkan. Masalah kenaikan harga daging lembu. Kalau di Alor Setar ada RM25, ada RM26, ada sampai RM28. Bukan di Alor Setar sahajalah, sekitar negeri Kedah maknanya ikut kawasan tertentulah. Maknanya RM28, itu antara yang tertinggi RM28. Ada sesetengah negeri RM29. Tidak kira lagi di sebelah Sabah, di sebelah Sarawak lagi mahal RM30 lebih sekilo. Jadi, ini bagi saya menunjukkan satu keadaan yang tidak ada satu ketentuan terhadap masa depan. Bagaimana kita hendak hadapi hari raya, hari musim perayaan nanti?

Tahun sudah lagi, beberapa hari, seminggu, sepuluh hari hendak raya baru kementerian, kerajaan menentukan harga-harga siling. Padahal kenaikan harga ayam sudah berlaku. Sebelum itu sudah berlaku, teruk sudah. Lagi seminggu hendak raya baru tentukan harga siling. Akhirnya harga siling itu dinaikkan juga mengambil kira kenaikan harga yang telah pun dinaikkan oleh ladang, pemborong dan sebagainya. Jadi, saya fikir macam saya kata tahun sudah bahawa kita bukan tahun ini baru hendak puasa. Kita bukan puasa baru tahun ini. Bukan baru hendak raya tahun ini. Maknanya sudah berpuluh tahun sudah, umur kita sudah berapa, sudah 50, berapa sudah Yang Berhormat Tenggara?

**Beberapa Ahli:** 30.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Tenggara? Yang Berhormat Tenggara tidak akan hendak rahsia umur, macam artis pula.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Memang 52.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** 52? Eh! Nampak tua. *[Ketawa]* Muda lagilah ya, muda daripada saya. Saya ingat tua lagi daripada saya. Dia muda daripada saya. *[Disampuk]* Tidak adalah. Akan tetapi bila senyum itu nampak okeylah itu. Tidak, saya hendak mengatakan bahawa kita bukan baru berpuasa, baru hendak sambut Ramadan, baru hendak sambut hari raya. Jadi, takkan macam saya katakan tahun sudah, macam saya katakan bahawa takkan kita tidak tahu berapa keperluan barang-barangan seperti ini?

Sekarang kita menghadapi masalah minyak masak. Baru-baru ini di Kedah, saya rasa Yang Berhormat Jerlun juga tahu tentang keadaan minyak masak di Kedah berkurangan, pakai dalam paket sahaja. Baru-baru ini di Kuala Lumpur, di sekitar Lembah Klang dan ini akan berlarutan. Sedangkan bagi saya bahawa kita mempunyai jentera yang cukup, sepatutnya kita sudah tahu berapa banyak keperluan yang ada dan kalau minyak masak itu yang diberikan kepada mana-mana syarikat dan sebagainya, berapa pengeluaran yang mereka keluarkan. Kita boleh tahu berapa yang telah pun dipasarkan di pasaran. Berapa lagi yang sepatutnya ada, kalau kita hendak ambil kesan dari segi sorongan yang cuba dilakukan oleh pihak-pihak yang tertentu ini.

Begitu juga dengan harga ayam, harga daging lembu dan sebagainya. Kita sudah dapat tahu bahawa satu-satu tahun itu berapa keperluan, berapa keperluan yang diperlukan dalam memenuhi pasaran permintaan yang terdapat pada waktu itu. Jadi kita boleh buat unjuran tahun depan berapa. Tidak mungkin banyak itu juga? Tentulah berlaku penambahan permintaan kepada penggunaan daging lembu dan juga daging ayam. Akan tetapi sekarang kita lihat bahawa kerajaan macam tidak ada apa-apa lagi, tidak ada persediaan. Macam mana hendak menghadapi 1 Ramadan ini? Dari segi harga ayamnya berapa? Tidak akan hendak tunggu seminggu lagi hendak raya baru kita hendak letakkan harga siling? Seminggu lagi hendak raya baru hendak letakkan harga siling. Saya kata ini lemahlah. Sepatutnya kerajaan sudah tahu sudah sekarang ini. Harga siling hendak pastikan supaya peniaga-peniaga ataupun peladang-peladang ini tidak mengambil kesempatan untuk jual dengan harga yang tinggi. Hendak ambil tindakan kepada saya, katakan kepada peniaga-peniaga kecil, tidak adillah bagi saya, tidak adil. Peniaga yang di *market*, yang Menteri-menteri ini turun pergi ke *market*, maaf saya orang Kedah. Orang Kedah, orang Jerlun, dia memang pagi-pagi buta *speaking*, cakap orang putih. *Market*, duduk sebelah Jerlun, sebelah dalam itu, Pida itu, orang tua-tua. *"Makcik pi mana?" "Pi market"*. Dia *speaking*. Orang lain, *"Pi mana?" "Pi pasar"*. Orang Kuala Lumpur kata pergi pasar, betul tidak Yang Berhormat Jerlun?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Betul.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sebelah saya, orang cakap 'pelek' Siam, *"Pi mana?" "Pi market"*. Pagi-pagi buta ini *speaking* sudah. Itu yang kata hebat itu. Jadi, saya pun terikut cakap bab *market*. Pergi pasar, pergi *market*, maknanya Yang Berhormat Menteri hanya turun pergi ke pasar, pergi *market*. Bukan Yang Berhormat Menteri pergi ladang

ayam, betul tidak? Tidak turun pergi ladang ayam, tidak turun pergi syarikat pemberong ayam besar-besar ini. Turun pergi market, akhirnya bawa pegawai penguat kuasa dan sebagainya ambil tindakan kepada siapa? Kepada peniaga kecil. Sedangkan mereka menerima bekalan ayam banyak itu, macam mana mereka hendak jual dengan harga yang rendah? Ini masalah yang sedang dihadapi.

Umpamanya kalau hari ini, yang diberitahu pada saya tadi bahawa RM8 harga runcit. Sampai kepada orang yang jual di pasar, di market ini harga ayam bersih RM6.70. Jadi RM6.70 ini macam mana lagi? Jadi, akhirnya mereka akan jual dengan harga yang tinggi. Kalau kita katakan bahawa anti pencatutan ini boleh tahu tentang margin keuntungan dan sebagainya, apa kaedah kita hendak tahu harga ayam kalau dapat RM6.70, sepatutnya dia kena jual berapa?

Oleh sebab itu, saya katakan bahawa kena tentukan harga siling itu daripada sekarang. Kalau harga siling sekadar kita hendak tentukan setahun sekali dan sebagainya. Kemudian bila menjelang hari raya, menjelang musim perayaan ini pun masih kita tidak tahu berapa harga siling yang sepatutnya kita tentukan. Ini akan menyebabkan peladang, pemberong dan sebagainya akan mengambil tindakan, ambil kesempatan untuk berikan tekanan supaya akhirnya nanti seminggu lagi hendak raya, sepuluh hari lagi hendak raya Yang Berhormat Menteri akan datang dengan satu harga siling yang sudah pun mengambil kira soal kenaikan yang sudah pun dibuat oleh peladang-peladang ataupun penternak dan disebut juga pemberong. Jadi, saya harap bahawa ini yang harus dilakukan oleh kerajaan untuk mengambil tindakan yang munasabah menjelang 1 Ramadan ini.

Saya fikir daripada sekarang kerajaan kena ambil tindakan macam saya katakan tadi, isu yang berkaitan dengan harga ayam, harga daging lembu dan sebagainya. Setiap tahun boleh katakan RM3 ke RM4 ia akan berlaku kenaikan harga daging lembu, RM3 ke RM4 daging lembu akan naik satu kilo pada musim Ramadan sampai kepada hari raya, dia akan berlaku. *Start* 1 Ramadan ia akan naik RM2, kemudian dekat hendak hari raya ia naik lagi RM1 ataupun RM2. Maknanya ia akan pergi sampai ke RM3 ataupun RM4. Jadi, kerajaan kena ada kawalan dan pastikan bekalan yang cukup, bekalan daging lembu.

Sekarang macam saya bangkit, ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian ada, dia tidak gulung tetapi dia janji dia hendak jawab pada saya. Sekarang kita tidak tahu projek NFC itu, macam mana? Siapa ambil alih? Berapa banyak lembu yang ada? Kita bawa masuk balik tidak lembu dalam itu? Kemudian ladang-ladang satelit yang diberikan hak untuk menternak lembu, kita hendak tahu berapa jumlah ladang? Berapa jumlah lembu yang ada dalam ladang-ladang tersebut? Kalau cukup bekalan ini, berjaya projek ini sepatutnya kita tidak menghadapi masalah dengan kenaikan harga daging lembu.

Sekarang ini macam saya katakan tempoh hari dalam belanja tambahan, projek itu gagal, rakyat kena tanggung. Kemudian datang musim perayaan, kenaikan harga ayam, kenaikan harga daging lembu, rakyat juga kena bayar. Jadi, sudah dua kali kena. Sudah dua kali

kena kecualilah kalau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kali ini dia kata, akhirnya datang dan kata “*Kita jangan makan ayam.*” Macam Yang Berhormat Menteri tahun sudah, berlaku kenaikan harga ayam, dia kata jangan makan ayam. Jadi, dia kena bagi tahulah resipi kali ini, daging lembu.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Makan ikan masin. Jadi dia kena bagi tahu resipi rendang tok tidak boleh buat. Buat rendang keladi, macam saya kata. Rendang batang pisang, rias pisang. Dia kena bagi satu cadangan. Mungkin kawan saya daripada Yang Berhormat Baling, dia ada resipi daripada negara datuk nenek kita ini. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Negeri datuk nenek kita. Dia mungkin ada resipi-resipi tertentu. Akan tetapi dia lebih *pure*. Dia punya itu sebab itu dia lain sikit. Dia duduk dekat serombong, dia duduk dekat serombong. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya duduk depan lainlah, cerah sedikit. Okey, jadi saya minta suruh sebab bagi saya bahawa kalau sekadar pinda akta, hendak bagi kuasa kepada pegawai PBT umpamanya. Kepada PBT ya, baguslah, ini tanggungjawab kerajaan PBT pulak. Yang sudah ada, masalah PBT ini pun tidak selesai. Masalah di PBT itu sendiri tidak selesai, sekarang kita hendak bagi lagi kuasa kepada dia. Akhirnya masalah-masalah dalam PBT ini semua orang tahulah. Dia berakar umbi, pegawai dia bukan boleh tukar pergi mana sebab dia *close service* dalam kontrak PBT itu. Jadi, kadang-kadang itu hubungan Allah, kita tahulah masalah berlaku amalan-amalan rasuah dan sebagainya.

Jadi sekarang kita hendak bagi lagi satu beban tanggungjawab kepada pegawai PBT untuk hendak lihat masalah-masalah harga barang dan sebagainya. Akhirnya yang diambil tindakan kepada siapa? Kepada peniaga di pasar, kepada peniaga di pasarlah. Kepada pemborong, kepada peladang, tidak akan ambil tindakan. Jadi peniaga di pasar yang akan terkena. Itu pun peniaga di pasar, seingat sayalah, apa yang diumumkan oleh kementerian sebelum ini, iaitu kebanyakannya ambil tindakan kepada gagal meletakkan tanda harga, itu sahaja.

## ■1500

Tidak ada satu tindakan yang serius terhadap kenaikan harga ini. Saya bersetuju bahawa kenaikan harga hendak ambil kepada peniaga di pasar kepada peniaga kecil ini, saya kata tidak adillah sebab dia terima bekalan itu banyak macam itu. Jadi takkanlah dia terima bekalan harga kata RM6 atau pun RM7 dia hendak jual murah daripada itu. Dia mesti jual harga yang lebih daripada itu.

Jadi sebab itu saya katakan bahawa kerajaan perlu melihat bagaimana langkah-langkah yang lebih berkesan untuk menangani masalah ini kerana kalau sekadar ada Akta Kawalan

Harga dan Anti Pencatutan, kemudian kita buat pindaan demi pindaan, hari ini dan selepas ini kita mungkin akan buat lagi pindaan-pindaan tertentu. Akan tetapi tidak ada satu komitmen yang bersungguh-sungguh untuk pastikan bahawa tindakan yang lebih serius dibuat untuk memastikan masalah yang berkaitan dengan masalah kenaikan harga ini dapat di atasi dengan baik.

Jadi dengan sebab itu saya minta sungguh-sungguh kepada pihak kerajaan. Saya hendak tanya satu ialah bila harga - adakah kerajaan berhasrat untuk menentukan harga siling baru bagi harga ayam dan juga harga daging lembu dan sebagainya ini pada 1 Ramadhan ini, pada musim perayaan ini bermula pada Ramadhan?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Pokok Sena celah sedikit. Pada pandangan Yang Berhormat Pokok Sena sebenarnya siapa ini yang pencatutan ini, *profiteering* yang lebih ini? Ini disebabkan saya melihat data terkini di kementerian, harga ayam ladang seekor ayam hidup RM4.80. Untuk harga borong RM5.50 tetapi di peringkat runcit, ayam bersih saya ingat RM7.30 dan juga yang ayam super ini RM8.15.

Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat Pokok Sena tadi kata kita hendak *panelize the retailers* yang duduk jual, yang duduk potong di market ini memang tidak patutlah. Jadi di tengah ini antara pemborong dengan ladang ini marginnya mungkin terlalu tinggi. Jadi macam mana cara kita boleh selesaikan masalah pencatutan berkaitan relevan dengan akta ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya seperti Yang Berhormat sendiri pun sebut tadi bahawa langkah-langkah untuk menghapuskan penguasaan dominasi orang tengah ini satu langkah yang sewajarnya dilihat sebagai satu kaedah dan satu jalan penyelesaian seperti mana pelancaran yang dibuat oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani oleh Menteri Pertanian untuk memerangi orang tengah. Bagi kita, kita melihat bahawa masalah orang tengah ini antaranya ialah yang berkaitan dengan mereka inilah dari segi mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang berlebihan.

Akan tetapi sejauh mana tindakan kerajaan itu boleh memerangi orang tengah ini, boleh memerangi? Sejauh mana tindakan kerajaan? Saya katakan bahawa Ops Memerangi Orang Tengah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini rakan saya daripada Yang Berhormat Pasir Salak itu satu tindakan yang baik. Akan tetapi sejauh mana kita boleh memerangi orang tengah ini dengan satu tindakan kawalan yang serius.

Kalau sebelum ini isu ada pegawai penguat kuasa yang terlibat dalam kes diesel. Maknanya pegawai penguat kuasa yang terlibat. Jadi bagaimana keseriusan kita ini dari segi kawalan dalam jentera kerajaan itu sendiri untuk hendak memastikan supaya jentera ini, jentera kerajaan sendiri tidak mengambil kesempatan untuk menjaga kepentingan-kepentingan orang tengah, penternak, peladang dan juga pembekal.

Jadi sebab itu saya fikir bahawa langkah-langkah yang harus diambil oleh pihak kerajaan ini mesti dilihat secara yang lebih menyeluruh. Setakat hari ini saya tidak lihat tindakan itu secara yang menyeluruh yang hanya nampak ialah kepada peniaga kecil. Angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Jerlun itu tadi ialah itu dalam website kementerian. Itu yang agak lama sedikitlah. Akan tetapi harga yang sedang berlebar dalam pasaran sekarang macam saya katakan tadi ayam bersih RM6.70. Jadi harga runcitnya ialah RM8. Ini di pasar Alor Setar. Yang Berhormat sendiri pun turun semasa Ops yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri hari itu turun pegang ayam, angkat ayam seekor itu, pegang ikan selepas itu tunjuk gambar.

Jadi orang pun rasa legalah. Akan tetapi hakikatnya sekarang ini ialah kita sedang berhadapan dengan situasi dan suasana yang sangat memberikan tekanan kepada kehidupan kita. Kalau di Gerik mungkin teruk lagi, di Gerik. Terukkah?

**Seorang Ahli:** Harga barang tinggi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Harga barang tinggi? Harga barang tinggi. Itu di Gerik. Maknanya kawasan yang lagi agak pedalaman. Bukanlah kata hulu tara mana, tetapi pendalaman. Walaupun ada sempadan dan sebagainya tetapi berhadapan dengan situasi keadaan harga yang sangat memeritkan.

Jadi oleh sebab itu saya katakan bahawa undang-undang sahaja, kalau ada undang-undang macam saya sebutkan tadi bahawa kita hendak bagi kuasa kepada pegawai PBT ini, bagus. Saya katakan bahawa mungkin ini hendak mengatasi masalah kita katakan bilangan pegawai di peringkat kementerian, pegawai penguat kuasa itu mungkin.

Akan tetapi PBT sendiri pun dia punya bidang tugasnya sangat banyak. PBT juga mempunyai bidang tugas yang tertentu sedangkan saya katakan bahawa yang ini pun PBT sendiri pun tidak dapat hendak melihat kepada persoalan dan penyelesaian kepada masalah dalam pelaksanaan PBT. Macam mana mereka hendak boleh ambil tindakan yang sepatutnya?

Contoh saya hendak katakan PBT yang tidak efisien, yang cukup lembap. Saya duduk rumah saya, PBT ini. Ini saya beli sebelum tahun 2008 lagi saya beli, duduk rumah. Sekali apabila saya masuk selepas Pilihan Raya 2008, masuk-masuk semua orang mai jumpa saya. Pasal apa? Pasal saya Ahli Parlimen situ. Saya beli dalam kawasan saya. Pasal apa? Ini semuanya doktor-doktor pakar yang duduk dalam satu taman kawasan perumahan. Mereka kata saluran parit depan rumah itu air tidak boleh mengalir keluar. Saya pun tengok, busuk. Air longkang jadi hitam, hitam sungguh. Lebih hitam daripada saya dengan Yang Berhormat Baling. Maknanya bau busuk. Saya panggil pihak PBT pada waktu itu. Mereka beritahu penyelesaiannya ialah tebuk di sebelah belakang, bukan di sebelah depan supaya air itu boleh keluar melalui parit gila. Parit gila orang Kedah tahulah. Parit gila Yang Berhormat Jerlun tahulah, dia biasa jadi orang MADA. Parit gila orang panggil.

Jadi saya kata kalau itu penyelesaiannya. Pasal apa? Pasal hendak pergi ke depan, air itu tidak boleh pi. Saya kata dalam Mesyuarat Majlis Daerah, saya kata “*Tolong pegawai-pegawai PBT ini, engineer beritahu dekat saya mana ada orang apabila beli rumah dia baca pelan*”. Dia tengok pelan parit itu pergi ke mana. Tidak ada. *Engineer* pun beli rumah tidak tengok pelan, pakai pi beli. Tengok harga berapa, patut padahal mampu bayar, pakai belilah. Peguam sendiri pun dia beli rumah, dia tidak baca perjanjian (*agreement*) terima rumah itu. Dia pakai *sign*, tenyah sahaja.

Jadi tambalah orang yang bukan macam kita bukan dalam bidang bukan teknikal. Maknanya kita pun pakai beli. Beli, beli air tidak boleh keluar, tidak boleh pergi ke parit depan. Kena buka dekat belakang. Buka dekat belakang, masuk dalam parit gila. Parit gila itu bukan MADA buat, bukan MADA. Parit gila itu adalah parit yang dibuat oleh individu, tuan bendang belakang itu. Sekali tuan bendang itu sampai marah dekat kami. “*Siapa pandai-pandai?*” Mai habaq dekat jiran saya. “*Siapa pandai-pandai pi lepas ini? Parit gila ini bukan hak MADA. Parit gila ini hak saya sendiri*”. Jadi kita hendak kata apa? Tutup balik. Akhirnya terpaksa korek lubang di depan itu dan air turun boleh masuk dalam lubang. Pi korek depan. Dia kata kalau hendak tunggu, hendak buat pengambilan tepi jalan tanah ini lambat dia kata. Saya kata kena korek.

Sekarang ini pula bangun pula satu projek perumahan belakang rumah saya. Saya hendak cerita ini yang kita hendak bagi beban dan tanggungjawab kepada PBT ini. Bangun pula projek belakang rumah saya. Sedar-sedar sudah naik lebih tinggi daripada- tapaknya itu lebih tinggi daripada kampung yang ada dekat itu dan juga lebih tinggi daripada kawasan perumahan kami. Jadi kita tidak tahu apa akan jadi pada masa akan datang dalam keadaan sistem perparitan kita sangat lemah dan sebagainya.

Jadi saya hendak katakan kepada Yang Berhormat bahawa PBT ini pun sudah lemah kita hendak bagi dia tidak boleh selesaikan masalah *core businessnya* yang ada sekarang ini yang sepatutnya diselesaikan masalah ini. Kita hendak bagi lagi tanggungjawab kepada mereka hendak pergi tengok harga barang. Akhirnya jadilah tindakannya kepada siapa? Kepada peniaga. Pegawai penguat kuasa PBT duduk perang dengan peniaga kecil. Peniaga pasar malam, peniaga pasar tani, peniaga pasar minggu, Pekan Nat kalau di Kedah orang panggil Pekan Nat. Dia duduk berkelahi dengan peniaga ini.

#### ■1510

Hendak hari raya, hendak bulan puasa ini, asyik berkelahi dengan peniaga pasar Ramadhan. Asyik berkelahi dengan mereka ini, bukan pergi berkelahi dengan tauke-tauke besar, pergi berkelahi dengan apa nama, orang Kedah panggil bukan berkelahi, ‘mengkelahi’. Dia bukan pergi ‘mengkelahi’ dengan dua pemberong ayam besar, peladang ayam yang besar itu. Tidak, tidak pergi berkelahi. Dia asyik berkelahi dengan yang kecil ini. Jadi akhirnya kita lihat bahawa penganiayaan yang berterusan kepada peniaga-peniaga kecil. Saya tidak nafi bahawa ada juga peniaga-peniaga kecil yang cuba mengambil kesempatan, tetapi lebih banyaknya kesempatan itu

terdorong kerana masalah kegagalan kita mengambil tindakan kepada pihak-pihak yang lebih sewajarnya atau sepatutnya diambil tindakan.

Jadi bagi saya bahawa melantik ataupun memberikan kuasa seperti seksyen 3 iaitu meluaskan kuasa Menteri untuk memberi kuasa kepada pegawai PBT ini baguslah, tetapi adalah lebih baik bagi saya bahawa kementerian ini memperbanyakkan pegawai penguat kuasa. Ini macam pakai hendak *delegate*, awak tolol buat sekejap, awak tolol sekejap, cuba hendak bubuh, bagi jadi hendak *legalize*, hendak bagi jadi dari segi undang-undang itu sah sahaja. Jadi hendak bagi kepada pegawai PBT, sedangkan macam saya katakan tadi *core business*, tanggungjawab kerja PBT itu sendiri pun sudah banyak sudah yang tidak terbuat oleh pegawai-pegawai PBT.

Jadi saya minta bahawa lebih baik, lebih wajar untuk memperbanyakkan pegawai penguat kuasa di bawah kementerian sendiri. Ini kerana di bawah PBT ini sendiri, dia tidak *link direct* dengan pihak-pihak kementerian ataupun jabatan di bawah kementerian ini yang berada di peringkat negeri-negeri. Jadi saya mengharapkan bahawa jangan kementerian hendak cari jalan mudah, hendak kurang belanja, akhirnya pakai lantiklah pegawai untuk PBT sedangkan sepatutnya bagi saya bahawa pegawai itu biarlah pegawai daripada kementerian yang ditrain betul, yang dia faham masalah-masalah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan ini supaya tindakan itu lebih berkesan. Ini kerana saya katakan bahawa tadi beban cukup teruk Tuan Yang di-Pertua, bahawa RM50 sekarang ini kalau kita bawa pergi *market*, RM50 sekarang macam RM10 dulu. Maknanya RM50 sekarang ini, ringgit nilainya RM10, bukan RM10 dulu. Makna tinggal RM10, lebih kurang itu kita bawa. Tanyalah siapa pun, kecualilah kalau tidak pernah pergi *market*. Kita semua makan orang hantar ke rumah lainlah.

Jadi RM 50 kita bawa sekarang ini Yang Berhormat Menteri, kawan saya duduk Alor Setar ini, maknanya dia tahu. Itu *tang* Alor Setar, tambahlah yang duduk di Kuala Lumpur. Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dan sebagainya, lagi teruk. Hendak sambut hari raya dan sebagainya dengan belanja hendak beli baju raya anak-anak dan sebagainya. Kemudian hendak belanja hari raya, hendak buat jamuan hari raya pun teruk. Sama juga duduk di Putrajaya pun. Perdana Menteri tidak apalah, RM2,880,000 buat belanja hari raya. Belanja hari raya Kabinet tahun 2013, RM2,880,000.

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yalah, rakyat. Rakyat ini teruk maknanya hendak belanja hari raya, hendak belanja Ramadan ini, hendak buat ketupat, hendak buat ketupat kacang, ketupat jagung, hendak buat rendang, gulai, daging apa semua, punyalah teruk. Kita - Yalah menteri-menteri semua ada peruntukan. Peruntukan elaun khas untuk buat rumah terbuka. Macam Perdana Menteri RM2,880,000.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Hendak jadi Menterikah?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Bagan Serai ini kira nampak hebat. Saya agak-agak bacaan saya ini, Yang Berhormat Bagan Serai dulu daripada Baling jadi Timbalan Menteri paling kurang. Saya selalu nampak-nampak macam dia ini agak agresif dalam Dewan ini...

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Ketawa]* Jealouslah itu. Yang Berhormat Baling *jealous*, dia kata dia Menteri terus, tidak jadi Timbalan Menteri. Saya baru sebut sebab masin. Masin saya itu *insya-Allah* jadi kurang-kurang Timbalan Menterilah itu.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi maknanya, ini satu yang bebanlah. Oleh sebab itu saya hendak katakan bahawa kos sambutan hari raya di peringkat Perdana Menteri, kementerian-kementerian ini sepatutnya dikurangkanlah. Ini jabatan-jabatan kerajaan, kadang-kadang saya lihat bahawa sudah satu jabatan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, yang itu tidak masuklah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tidak ini kerana duit itu sepatutnya diguna untuk lebih kepada rakyat. Ini kadang-kadang satu kementerian sudah buat, kemudian bawah-bawah kementerian itu, sub-sub itu buat lagi. Hendak buat apa, hendak hari raya hendak makan sampai banyak mana ini? Saya masih ingat lagi bahawa ada di peringkat negeri sebagainya, sudah buat di peringkat negeri itu, buat lagi di bawah unit-unit ataupun jabatan-jabatan tertentu. Pada hal yang hendak makan pun orang itulah. Kita belajarlah berjimat sama. Jadi kalau tahun 2013, RM2,880,000 belanja hari raya rumah Perdana Menteri, saya haraplah tahun ini, tidak apa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Boleh habiskan Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Habiskan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak habis lagi. Ayam tidak sembelih lagi, lembu tidak sembelih lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Fasal yang belanja hari raya itu tidak masuk dalam pindaan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi saya harap bahawa dapat dikurangkanlah. Saya tahu bahawa memanglah sukarlah Perdana Menteri hendak terima itu, 50,000, 60,000, 70,000, 80,000 orang, hendak cari duit mana? Dia pun susah, dia pun susah Perdana Menteri. Dia tidak macam Putrajaya, senang. Jadi tahu, tetapi takkanlah sampai hari

raya satu hari kita belanja RM2,880,000. Apa buat rendang kepala *tractorkah* ataupun buat gulai kawah kepala kereta api, lokomotif kereta apakah? Tidak. Jadi, kena kurangkanlah belanja...

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kawan saya.

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak, cakap itu agak-agaklah. Janganlah tuduh macam itu. Kalau rakyat hendak mari, mestilah kena bagi rakyat makan. Nanti Yang Berhormat Pokok Sena akan turun, tengok, pergi rumah Perdana Menteri, air pun tidak dapat, apa pun tidak dapat. Yang Berhormat Pokok Sena juga akan marah. Jadi Yang Berhormat Pokok Sena tidak boleh, kita tidak boleh bersangka buruk. Sebagai Perdana Menteri, dia kena layan rakyat seluruh negara, malah seluruh dunia. Esok mana tahu Yang Berhormat Pokok Sena jadi Perdana Menteri, Yang Berhormat Pokok Sena akan buat macam itu juga. Ini satu adat. Jadi Yang Berhormat Pokok Sena tidak payahlah cakap sampai tidak boleh apa semua itu. Kena patut-patutlah, agak-agaklah Yang Berhormat Pokok Sena cakap. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini yang payah ini, Ahli Parlimen Baling ini. Hendak marah dia pun satu keluarga dengan saya. *[Ketawa]*. Satu kapal Chitambaram. Cuba dia duduk macam saya kata tadi, dia duduk dekat serombong, saya duduk lain sikitlah tempat, cerah sikitlah. Akan tetapi buat macam mana, kawan-kawan, keluarga macam itulah. Sorrylah. Saya tidak kata pun jangan buat. Saya tidak kata jangan buat, semua orang dengar. Saya kata kurangkan, kurangkan. Rakyat pergi hendak berhari raya ini dia bukan pergi hendak makan sangat. Dia bukan hendak makan sangat. Kalau orang asyik pergi rumah kita kerana perut kenyang, dia tidak mahu makan. Saja seronok hendak datang jumpa Yang Berhormat Baling. Datang jumpa peluk, Allah apa khabar Yang Berhormat. Begitulah.

Hendak jumpa Perdana Menteri, rakyat pun sanggup beratur kerana hendak jumpa Perdana Menteri, bukan kerana hendak makan sangat. Perkara yang rakyat hendak apa dia, harga ayam murah, harga daging lembu murah. Kalau takat hari itu boleh makan *free*, nasi berianikah, apakah, tetapi lepas itu? Kita berhadapan dengan beban sara hidup yang sangat tinggi. Rakyat hendak, rakyat hendak pergi hari raya. Saya kata buatlah tetapi patut padanlah. Betul tidak? Begitu juga dengan kementerian-kementerian yang saya katakan tadi. Kena belanja kena berjimat. Kena belajar berjimatlah. Takkan maknanya kita syok. Yang untung siapa dia, yang dapat *supply* baranglah. Tidak tahu, saya pun tidak tahu *supply* lemang sebatang berapa ringgit.

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak apa, tahun ini kami bagi bil kepada Yang Berhormat Pokok Sena tengok.

**Seorang Ahli:** Sangkaan jahat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bila masa sangkaan jahat pula. Saya tanya.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi ini kena jawab kepada saya lembu itu ada banyak mana. Lembu itu ada banyak mana, so kita hendak tahu lembu ini. Maknanya macam saya katakan tadi bahawa NFC kita tanggung, harga daging lembu naik, rakyat kena bayar. Jadi teruklah rakyat. Sampai berapa kali hendak kena. Beban berlapis-lapis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena tidak payah longgok semua isu dalam pindaan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tidak. Mereka kata hal apa daging lembu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak masuk Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Lembu berkaitan dengan kenaikan harga barang. Ayam pun kenaikan harga barang. Perbelanjaan-perbelanjaan semua itu kena harga barang. Jadi saya bimbang, takut nanti belanja rumah terbuka Perdana Menteri ini kalau setahun sudah RM2,880,000, tahun ini dia kata apa, pembekal kata harga barang naik. Naik pula, RM3 juta pula. Jadi, kita juga bayar. Jadi kita kena kurangkan. Jadi saya hendak ucapkan terima kasihlah kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tahun ini Yang Berhormat Pokok Sena datang awal-awal rumah Perdana Menteri, saya tunggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Baling, dia sudah tunggu Yang Berhormat Baling.

■1520

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang cukup baik hati dan saya harap kawan saya pun Timbalan Menteri dok balik. Kita pun dok jumpa selalu la gak. Kita boleh bincang lagi. Kita turun sekali. Khabar nak turun market mana, khabar mari. Market sup Bukharikah, market Alor Setar sana kah, tolong khabar saya, insya-Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

### 3.20 ptg.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran orang FELDA Lok Heng bandar di atas sana *[Tepuk]* Kawasan saya Tuan Yang di-Pertua.

Hari ini kita rasa bersyukur kerana Tuan Yang di-Pertua kita akan bentangkan satu rang undang-undang untuk memperkuatkan lagi akta ini untuk tidak lain tidak bukan untuk membantu rakyat sebenarnya. Inilah konsep rakyat didahulukan. Dengan adanya undang-undang baru ini kita harapkan kerajaan dapat memperkuatkan dan memperkasakan lagi gerak

kerja agar harga dapat dikawal pada tahap yang sepatutnya dan akhirnya rakyat dapat manfaat daripada hasil akta ini.

Saya mengucap tahniah juga kepada kerajaan kerana Akta GST iaitu *Goods and Services Tax* yang telah kita luluskan. Ini juga salah satu lagi *enabler* ataupun rang undang-undang yang akan membantu kita meletakkan kepentingan rakyat di mana dengan adanya dua akta ini serentak kita dapat memastikan bahawa harga dapat terkawal dengan lebih baik lagi dan kita tahu contohnya GST ini walaupun pihak sana awal-awal macam-macam tidak setuju, tetapi dalam hati dia setuju. Ada yang kata *government services tax* pula, ini salah. Ini sebenarnya *good and services tax*, dia kata *government* pula. Jadi GST ini baik sebab pertamanya seperti kita tahu dari dua cukai jadi satu cukai. Daripada cukai 10% dengan 5% jadi 6%. Sebanyak 800 lebih item 73 sahaja harga yang naik sedikit 1% yang selebihnya sama ada turun, sama ada kekal atau dimansuhkan terus. Kita tahu cukai ini 40% daripada rakyat kebanyakan tidak terkesan.

Ada pula intensif-intensif tertentu untuk meringankan beban rakyat sudah laksana pun. Dengan adanya rang undang-undang ini kita memperkuatkannya lagi supaya dengan rang undang-undang ini kita ada satu cara untuk mengekal, mengawal harga daripada pencatutan ataupun *featuring* ataupun apa-apa yang boleh menyebabkan rakyat susah. Atas sebab itu apabila kita buat rang undang-undang dengan ini GST kita ada satu cara di mana ada rebat. Ada rebat ini semua peniaga terpaksa hantar resit beli resit jual dan sebagainya dan ini dapat membantu banyak kerajaan mengawal dan bagi kementerian pula ada satu alat, satu *guidelines* atau satu *tools* yang mereka boleh guna untuk menetapkan atau mengawal harga dan ini apabila dapat dikawal bukan sahaja baik untuk rakyat, baik juga untuk peniaga-peniaga. Ini kerana mereka tidak terdedah kepada persaingan tidak sihat dan ini membuka ruang daya saing yang sihat dan ini baik untuk ekonomi negara pada masa hadapan.

Di samping itu, saya banyak mendengar hujah-hujah tadi. Saya rasa kita kerajaan yang adil. Kalau kita hendak jadi populis kita kata semata-mata peniaga-peniaga kecil-kecil tetapi pada masa yang sama kita menghentam peniaga-peniaga besar. Janganlah macam itu. Ini kerana peniaga-peniaga besar ini pun penting juga. Sebab mereka kalau berjaya untung mereka akan membayar cukai kepada kerajaan dan cukai ini dapat kita panjangkan kepada rakyat dalam bentuk pembangunan kebajikan dan sebagainya. Jadi, jangan kita populis. Kita kena jadi adil. Kalau peniaga-peniaga di peringkat kecil ini dia tidak bayar cukai, kalau dia sepatutnya membayar cukai, tidak bayar ini pun bermasalah juga. Jangan kita kata kita menganiaya peniaga kecil, tetapi dalam kata-kata kita, kita sebenarnya menganiaya peniaga-peniaga besar yang melabur berbilion-bilion.

Untuk negara kita maju, untuk kesejahteraan rakyat dia mesti seimbang dan kerajaan mesti ada dalam hal ini. Jangan kita semata-mata menjalankan satu pihak semata-mata. Jadi saya rasa kita mestilah telus dan kita berniat baik, bersangka baik tentang apa sahaja kita buat.

Dalam pada saya hendak menyahut sedikit tadi semasa debat Yang Berhormat Permatang Pauh dia kata, saya tidak diberi peluang untuk debat.

Saya pun hendak cakap, sebenarnya tanggapan-tanggapan bahawa peniaga besar ini menindas atau menganiayai kita pun tidak tepat juga. Kita lihat contohnya isu gula tadi. Saya hendak bagi tahu *Malayan Sugar Manufacturing* (MSM) memang menguasai 62% daripada pasaran domestik dan 37% oleh Tradewinds. Tradewinds itu Tan Sri Syed Mokhtar punya, 62% ini MSM punya. Jadi dari mana yang kita kata Syed Mokhtar yang menguasai? Saya bukan penyokong Syed Mokhtar, saya kenal dia tetapi dia tidak kenal saya. Akan tetapi yang pentingnya di sini, kita kena adillah. Jangan kita meletakkan perkara-perkara yang tidak sepatutnya dan mengelirukan Dewan.

Satu lagi mengenai BERNAS, kata RM2 *million*. Semalam saya dengar Yang Berhormat Alor Setar yang cakap RM470 juta cukai yang dikecualikan. Maknanya bukan duit itu masuk poket BERNAS. Ini satu lagi mengelirukan rakyat. Jadi saya mintalah, saya ini Ahli Parlimen penggal pertama Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya agak kecewalah. Kalau inilah *level/integriti* manipulasi kita buat dalam Dewan ini alangkah malang untuk rakyat. Janganlah saya minta kita hendak berdebat, debat cara sihat. Ada fakta-fakta yang baik kita terimalah.

Saya punya hujah pendek sahaja hari ini. Saya minta dalam kita berdebat dalam Dewan yang mulia ini, kita lihat ramai rakyat yang tengok, anak-anak sekolah tengok. Janganlah kita tunjuk satu cara yang tidak baik yang akhirnya menjadi barah kepada kita pada masa hadapan. Bertanggungjawablah dalam kita berdebat dalam menentukan masa hadapan negara. Pendek sahaja saya hendak sebut di sini, dalam kita hendak menentukan rang undang-undang ini berjaya dan GST, saya hendak tanya pada kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk sebelum digerakkan kita ada satu tempoh bertenang, bukan bertenang, tempoh yang mana kita *stock count* barang-barang yang ada di negara.

*Stock count* ini penting sebab input dan output berapa stok yang ada dan berapa stok lain. Dekat situ kita boleh buat satu kawalan yang lebih efektif. Jadi kena ada dalam masa enam bulan ataupun tiga bulan yang kita buat *once for all*, satu *stock count*, dengan cara itu kita dapat tahu berapa sebenarnya inventori ada di setiap industri dalam negara. Khususnya barang-barang yang melibatkan kepentingan orang ramai. Saya harap kalau tidak dibuat satu perkara yang besar saya cadangkan buat *self-declaration*. Makna dia kena *declare* berapa *stock count* dalam dia dan dengan ini kita boleh dapat satu magnitud dan kita boleh buat gerak kerja seterusnya dan ini tidak lain tidak bukan untuk memastikan GST ataupun kawalan-kawalan selepas ini akan lebih efektif dan dapat kita gerakkan lebih sistematik. Ini dapat mengelakkan *data manipulation* dan juga apa-apa elemen yang mungkin akan menyebabkan pelaksanaan akta ini akan tergugat atau *compromise*.

Saya juga hendak tanya apakah kerajaan juga mengambil kira keperluan-keperluan untuk memantau *transaction* yang berlaku *online*. Sekarang ini industri ini pun berkembang.

Adakah mereka *subject to 6%* dan sebagaimana? Jadi saya harap perkara-perkara ini juga diambil kira dan dalam rang undang-undang ini saya harap dengan adanya kelulusan pada hari ini kita *couple up*, kita seiringan dengan GST. Saya yakin kita mempunyai satu tatacara yang lebih konkret untuk kita mengawal harga barang-barang mengelakkan pencatutan dan akhirnya memberi manfaat yang sebenar-benarnya kepada rakyat dan ini juga menggalakkan pelaburan yang lebih besar kerana pelabur-pelabur akan lebih yakin dengan sistem percukaian kita yang ada pada hari ini.

Sekali lagi saya harap kita bercakap soal integriti. Saya harap kita *walk the talk*. Jangan kita cakap akhirnya kita bercakap mengenai perkara lain. Akhirnya akan mengelirukan Dewan. Saya harap Tuan Yang di-Pertua saya harap saranan diambil kira dengan serius. Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gantang.

### 3.29 ptg.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbicaraan berkenaan Akta Antipencatutan. Dalam membincangkan bab ini dia ada kaitan iaitu untuk kita memastikan supaya harga barang tidak naik terlalu tinggi. Sudah tentu di sana ada kaitan antara *supply and demand* dengan izin iaitu yang membekal dan juga untuk hendak membeli. Maka sudah tentu kita lihat supaya perkara ini tidak selesai, kalau kita hendak bincang supaya harga barang tidak naik sedangkan pengeluarnya ataupun *supplynya* tidak cukup, maka sudah tentu harga barang terus meningkat.

### ■1530

Maka dengan sebab itu, kita harapkan- selalu kerajaan hari ini memperkenalkan tentang strategi lautan biru, semua memainkan peranan. Contohnya, ini kita hendak hampir Ramadhan dan juga selepas ini pula ialah Aidiladha, keperluan kita pada kepenggunaan ayam, daging dan sebagainya tentu amat banyak. Maka sebab itu kita tengok apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi, sekarang daging segar tempatan, RM28 sekilo dan dekat hendak raya esok naik sampai RM32 ataupun RM33. Hendak atau tidak, kita terpaksa beli. Begitu juga dengan permintaan ayam terutama musim-musim cuti sekolah orang buat kenduri, semuanya memerlukan kepada barang-barang ini.

Oleh sebab itu, kita harapkan supaya agensi di bawah Kementerian Pertanian supaya agensinya seperti FAMA, Pertubuhan Peladang harap dapat memainkan peranan yang penting untuk memastikan supaya perkara ini tidak berlaku dari segi untuk hendak menampung keperluan dari kalangan rakyat di Malaysia. Kita tidak hendak kadang-kadang barang tidak cukup

ini diambil kesempatan semata-mata hendak dengan izin, *create problem, create business* iaitu untuk mengambil kesempatan supaya dapat pegang lesen AP untuk berniaga di atas angin.

Jadi ini menyebabkan rakyat sendiri yang menderita sedangkan sepatutnya kementerian boleh buat unjuran sudah keperluan rakyat setiap kali raya ataupun kegunaan harian. Kita ada pegawai kita, kita ada orang-orang yang merancang di peringkat perancangan di kementerian kita yang boleh merancang untuk melakukan semua ini bagi memastikan supaya keadaan ini tidak berlaku terutama dari segi kekurangan bekalan untuk keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu barang yang naik ini juga, mungkin tadi antaranya merupakan satu kesalahan apabila barang naik dengan melampau. Mungkin kita boleh tentukan, boleh ambil tindakan terhadap barang-barang kawalan seperti gula, tepung, minyak. Bagaimana pula barang yang tidak dikawal? Maka peniaga dengan sewenang-wenangnya boleh naik. Kita hendak marah dekat dia pun tidak boleh kerana dia kata apabila barang yang dijual tadi terutama dari segi peningkatan kosnya dengan sebab kos *transport*. Kita tahu, minyak naik, tol naik, yang turun hujan. Maka sebab itu, mereka terpaksa naik harga barang ini.

Maka, bagaimanakah piawai standard yang hendak diambil oleh kementerian terhadap peniaga-peniaga yang naik harga barang? Ini saya hendak minta supaya Yang Berhormat Menteri jawab apa piawai standard yang diletakkan setiap barang yang dinaikkan tadi boleh diambil tindakan. Kalau atas alasannya yang barang yang dia jual tadi kerana kos yang saya sebut tadi, dari segi tolnya, petrolnya, *transportnya* dan sebagainya.

Kerajaan juga perlu mencari jalan supaya konsep monopoli yang disebut oleh rakan-rakan tadi supaya dapat kita kurangkan kerana inilah peranan sepatutnya syarikat-syarikat GLC kalau kerajaan hendak berniaga juga walaupun sepatutnya kerajaan ini tidak bolehlah berniaga berterusan begitu tetapi sekurang-kurangnya dalam soal perkara-perkara asas ini, kerajaan kena ambil perhatian, ambil cana betul-betul kerana soal monopoli ini kita tidak mahu. Sekurang-kurangnya rakyat kita, kita hendak, soal makan, susah macam mana pun dia boleh untuk makan dengan makan cukup dan makanan yang diperlukan oleh seorang manusia.

Begitu juga berkenaan dengan pembelian secara *online*. Sejauh manakah mekanisme untuk kita hendak bertindak di dalam kita bicarakan akta ini? Saya hendak tanya kepada kementerian, bagaimana mekanisme untuk kita hendak bertindak terhadap mereka yang berjual secara *online* yang melanggar akta yang kita bincangkan pada hari ini?

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan sebab itu, kita harapkan akta yang kita bincangkan pada hari ini dapat, bukan sahaja kita bincang tetapi ia akan dijelmakan dalam bentuk praktikal dan dalam bentuk kesenangan rakyat yang akan kita perolehi terutamanya menjelang hari perayaan besar nanti supaya rakyat dapat tahu, dapat kita lihat daripada kesan kita bincang pada hari ini. Selalu kita bincang dan kerajaan pun selalu sebut kerajaan akan ambil tindakan, tindakan, tindakan, tetapi bila kita turun ke bawah, realitinya harga barang masih lagi tinggi terutama yang perlu kita bimbang sekali ialah masalah sosial begitu meningkat kesan daripada

tekanan hidup rakyat pada hari ini. Terutama kalau mereka hidup di bandar dengan pendapatan RM3,000 sebulan, maka kita anggap kemiskinan mereka lebih teruk daripada kemiskinan di kampung kerana kemiskinan di bandar, serai tiga batang pun kita tengok harga dia RM1 sedangkan di kampung mungkin mereka tidak perlu untuk beli peralatan-peralatan untuk mereka masak dan sebab itu kita katakan kemiskinan di bandar lebih teruk daripada kemiskinan di kampung.

Kita harapkan akta ini bukan sahaja kita bincang, malahan kita dapat laksanakan dengan baik demi untuk kesejahteraan dan juga kehidupan rakyat di negara kita. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tasek Gelugor mohon.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

### 3.38 ptg.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan kesempatan untuk saya turut berbahas di dalam membincangkan undang-undang ini, pindaan ini.

Saya begitu bersyukur sekali apabila mendengar perbahasan ini sejak daripada pagi tadi, kita mendapati bahawa rata-rata semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dan memahami bahawa punca-punca kenaikan harga barang ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang telah pun kita bincang tadi. Jadi secara jelasnya, ia membuktikan kepada kita bahawa kenaikan harga barang bukan berpunca daripada Barisan Nasional. Jadi saya rasa daripada hasil perbincangan petang ini, saya harapkan pihak di sebelah sana berhentilah daripada bercakap barang naik. BN-‘barang naik’, BN! Ini kerana kalau PR pun, dia ‘*price rise*’ juga. Jadi saya ingat tidak ada guna kita hendak bertengkar BN, barang naik, kita pun boleh kata PR- ‘*price rise*’. Jadi benda itu semua untuk seronok-seronok sahaja.

Jadi yang penting sekarang ini, saya tengok baik Yang Berhormat Pokok Sena, baik mana, semua sedar bahawa kenaikan harga barang ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang amat pelbagai dan kita kena menangani satu-persatu menyelesaikan isu kenaikan ini mengikut keadaan dan mengikut tajuknya satu-persatu. Ia bukan hanya satu sebab tetapi dia secara relatif.

Jadi dalam hal ini, saya cuma hendak mengambil kesempatan ini hendak bertanya kepada Menteri tentang penubuhan Pasukan Pemantau Harga Barang. Jadi beberapa tahun yang lepas, pihak kementerian KPDKKK telah pun menubuhkan Pasukan Pemantau kenaikan harga barang di kawasan-kawasan di peringkat DUN, di peringkat Parlimen dan sebagainya.

Jadi adakah penubuhan pasukan ini betul-betul berkesan dan dapat membantu kementerian dalam usaha untuk menurunkan harga barang tersebut. Jadi kalau ia tidak berkesan adakah pihak kementerian telah membuat semakan dan penilaian semula kerana dengan penubuhan pasukan pemantau ini ia juga melibatkan kos daripada kementerian. Jadi tadi juga kita dengar Ahli-ahli yang lain juga turut berbahas supaya diberikan tanggungjawab lagi kepada JKK, kepada semua pihak untuk turut memantau tetapi dengan pasukan pemantau harga yang sedia adapun kita tidak tahu sama ada pasukan ini dapat memberikan satu servis yang berkesan bagi menurunkan harga barang. Jadi saya ingat kementerian boleh memberikan penjelasan kepada kita tentang pencapaian dari segi penubuhan pasukan pemantau harga ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat saya juga ingin menyebutkan di sini bahawa kita dalam usaha menurunkan ataupun memberikan satu tahap harga barang yang bersesuaian dengan keadaan semasa saya tidak nafikan bahawa harga barang akan naik kerana barang-barang yang dibekalkan sekarang ini agak berkualiti. Kalau dahulu kita katakan harga satu jenis barang mungkin seringgit, sekarang sudah jadi dua ringgit tetapi barang yang seringgitnya dahulu kualitinya mungkin jauh lebih rendah daripada harganya sekarang. Jadi masyarakat perlu menerima juga rasional kenaikan harga barang tadi. Cuma yang kita tidak mahu ialah kenaikan itu berlaku secara melampau-lampau dan tidak terkawal.

Jadi dalam hal ini saya melihat ada beberapa faktor lain secara jangka panjangnya kita perlu teliti dan kita perlu ambil tindakan. Sebagai contoh kalau kita katakan harga-harga dari segi bekalan sayur-sayuran begitu tidak stabil dan *fluctuate* sentiasa naik turun mengikut keadaan. Kadang-kadang cili boleh menjadi sampai RM14.00 sekilo, RM18.00 sekilo tetapi kadang-kadang dia boleh turun sampai jadi RM4.00 sekilo. Jadi harga ini sebenarnya kenaikan yang berlaku ia disebabkan oleh faktor-faktor lain. Sebagai contohnya faktor cuaca. Apabila hujan lebat bekalan cili akan berkurangan, harga cili akan meningkat.

Apabila kemarau panjang bekalan sayur-sayuran juga akan berkurangan, harga akan meningkat. Jadi faktor kemarau dan juga faktor hujan juga mempengaruhi kenaikan harga yang tidak menentu ini. Jadi di sini pihak kementerian ataupun kementerian-kementerian lain secara relatifnya kena juga turut berfikir apakah cara dan kaedah bagi kita mengawal kenaikan harga melampau terutamanya dalam bekalan sayur-sayuran. Mungkin di sini pengenalan secara bersungguh-sungguh teknologi pertanian penanaman sayur menggunakan teknologi hijau, menggunakan rumah hijau dan sebagainya di mana sama ada hujan atau kemarau ia tidak menjelaskan pengeluaran sangat. Kenapa kita tidak mengambil inisiatif untuk menggalak dan menggiatkan usaha-usaha ini supaya faktor-faktor lain yang menyebabkan kenaikan harga juga dapat dikurangkan.

Jadi dalam hal ini juga saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian adakah pihak kementerian telah pun secara bersungguh-sungguh dan mencukupi memberikan satu kesedaran kepada peniaga. Kita selalu memberikan kesedaran kepada pengguna, kita buat

berbagai-bagai kempen supaya pengguna membuat penjimatan, membuat tabungan, mengeluarkan sendiri barang-barang keperluan yang boleh diusahakan seperti sayuran dan sebagainya.

Itu di pihak pengguna tetapi dipihak peniaga berapa banyak ataupun apakah jenis program-program yang telah dibuat bagi memberikan kesedaran kepada peniaga-peniaga agar mereka lebih bertanggungjawab dan mempunyai satu perasaan bersama memahami bebanan akibat daripada kenaikan harga. Jadi kalaular dipihak peniaga juga mempunyai kesedaran malah mereka dapat membudayakan satu semangat untuk mengawal harga barang jangan bagi tinggi ataupun biar ia bersesuaian maka saya rasa ini juga adalah elemen yang penting kerana peniaga-peniaga yang mempunyai *civic conscious* ini akan turut membantu untuk mengawal kenaikan harga barang. Selain daripada kita menguatkuasakan melalui penggunaan akta dan sebagainya.

Selain daripada itu juga saya ingin menyebutkan di sini juga untuk perhatian kepada Kementerian bahawa kita hendaklah lebih mengutamakan penggunaan barang-barang tempatan. Memang dari dahulu kempen penggunaan barang tempatan telah dibuat tetapi ia bagaikan pepatah hangat-hangat tahi ayam. Kadang-kadang begitu bersemangat. Selepas itu hilang, lepas itu tidak ada. Tidak ada siapa pun yang buat lagi promosi penggunaan barang tempatan dan sebagainya. Kalau kita boleh menggalakkan rakyat lebih banyak menggunakan barang-barang tempatan saya rasa kita ada ruang untuk mengawal kenaikan harga barang daripada melonjak sehingga kita tidak dapat mengawal.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini juga kita melihat bahawa selain daripada teknologi yang kita boleh gunakan, penggunaan barang tempatan, kesedaran kepada peniaga dan juga pengguna, kita membudayakan sikap untuk mengawal harga barang saya juga tidak nafikan bahawa penguatkuasaan sebagaimana dibincangkan tadi adalah merupakan satu perkara yang amat penting.

Justeru dengan sebab itu saya rasa majlis kita ini perlu membuat satu saranan secara bersepdua dan konkrit kepada kerajaan agar kerajaan turut membantu KPDKKK dari segi memperkasakan institusinya terutama sekali dari segi penguatkuasaan. Kita kena menyokong dan kita kena mencadangkan kepada kerajaan dan kerajaan kena mempertimbangkan peruntukan-peruntukan khusus terutamanya bagi menyempurnakan kegiatan ataupun usaha-usaha penguatkuasaan termasuk penyeludupan dan sebagainya kerana hari ini kita melihat penyeludup-penyeludup begitu hebat.

Baru-baru ini kita melihat bagaimana diesel boleh dirompak dengan jumlah yang begitu besar sehingga satu kapal. Diesel dirompak dalam jumlah satu kapal. Jadi kita boleh fikir kita rasa macam ini rompakkankah ataupun ini satu penyeludupan. Maknanya kecanggihan dan keberanian penyeludup-penyeludup ini *beyond* atau melebihi/melepassi daripada tahap kemampuan yang dapat kita sediakan.

Jadi dengan sebab itu saya rasa tidak ada salahnya kalau KPDKKK ini diperkasakan diberikan ruang dan peluang untuk mereka mempunyai kekuatan yang sewajarnya barulah mereka dapat melaksanakan usaha-usaha bagi mengawal kenaikan harga barang seterusnya menjimatkan perbelanjaan rakyat dan ini adalah merupakan perkara yang amat dekat dengan hati rakyat itu sendiri. Rakyat akan berterima kasih kepada kerajaan. Biarlah kita belanja sedikit untuk memberi kekuatan kepada penguatkuasaan tetapi manfaatnya amat besar kepada rakyat apabila rakyat dapat menikmati harga barang yang sewajarnya dan bersesuaian dengan keadaan semasa pada hari ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya dengan ini memang menyokong dan mengharapkan pindaan akta kita ini dapat kita luluskan dengan baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Silam.

### **3.49 ptg.**

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Akta Kawalan Harga Barang dan Antipencatutan tahun 2014 yang bertujuan untuk meminda Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga dalam sesebuah negara adalah satu masalah yang berkaitan dengan harga pasaran sesuatu komoditi dalam pasaran dunia serta sistem ekonomi yang diamalkan dalam sesebuah negara. Malaysia mengamalkan sistem ekonomi terbuka dan bebas sejak merdeka. Ini bermakna Malaysia akan merasai kesan naik turun harga barang dalam pasaran dunia. Namun Kerajaan Malaysia mengambil langkah untuk memastikan kos sara hidup tidak membebankan dan berada dalam paras kemampuan rakyat berpendapatan rendah.

### **■1550**

Kos sara hidup di Malaysia berada pada kadar yang paling rendah berbanding dengan beberapa negara lain di dunia. Kerajaan Malaysia amat prihatin terhadap kebijakan rakyat malah cekap mengurus ekonomi negara untuk menjamin ekonomi negara kukuh dan berkembang secara berterusan. Dalam usaha menjamin ekonomi negara terus kukuh dan mapan, maka kerajaan terpaksa melaksanakan pelbagai perubahan dalam pengurusan ekonomi termasuklah merasionalisasikan subsidi dengan memfokuskan kebijakan kepada golongan sasar agar hasil pendapatan negara dapat dirasai oleh setiap rakyat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan harga barang di pasaran akan dapat dikawal sesuai dengan harga pasaran semasa, kita mempunyai Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan untuk melindungi harga pasaran agar tidak didominasi dan disalahgunakan oleh segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab.

Akta ini cukup jelas dan mencerminkan beberapa salah laku jenayah, memperincikan terhadap salah laku jenayah mencatu dan menaikkan harga barang demikian mengaut keuntungan lebih. Namun, perkara ini masih tidak dapat menyelesaikan isu harga barang disebabkan beberapa faktor yang melibatkan kos tambahan sehingga menyebabkan peniaga terpaksa menaikkan harga barang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil contoh di kawasan saya iaitu Parliment Silam. Kebanyakan barang seperti tepung, gula, beras, bawang dan keperluan asas yang masuk ke kawasan saya datangnya dari kawasan Tawau dan Sandakan. Untuk makluman, saya rasa Tuan Yang di-Pertua tahu bahawa Tawau dan Sandakan adalah lebih daripada 200 kilometer daripada Lahad Datu. Memandangkan kawasan Lahad Datu tidak dijadikan sebagai *port* persinggahan barang maka peniaga terpaksa mengambil bekalan tersebut dari daerah Tawau dan Sandakan. Ini menyebabkan kos pengangkutan dan pemunggahan barang terlibat kos operasi peniaga. Secara tidak langsung dalam pasaran harga kawasan saya akan meningkat. Kita tidak boleh menyalahkan peniaga kerana kos pengangkutan ini melibatkan kos operasi dan mereka terpaksa berbelanja untuk mendapatkan bekalan. Maka seharusnya kementerian kena mencari satu *solution* terhadap isu ini. Sama jugalah dengan kawasan-kawasan Parliment lain, yang mana harga barang ini akan ditingkatkan disebabkan pertambahan kos operasi.

Saya memahami bahawa kerajaan ada meletakkan harga siling terhadap pemborong dan peniaga untuk memastikan harga barang ini dapat dikawal di setiap peringkat. Namun perkara ini tidak dapat menjamin secara keseluruhan terhadap harga barang di kawasan-kawasan tertentu terutama kawasan luar bandar. Mengikut kajian saya, walaupun ada cadangan daripada KPDKKK untuk supaya barang dapat singgah, dipunggah di Lahad Datu tetapi para peniaga di Tawau dan Sandakan tidak bersetuju sebab ini akan mengurangkan keuntungan mereka. Jadi, saya rasa kementerian terpaksa tegas dalam hal ini dan memastikan barang-barangan ini akan dipunggah di Lahad Datu supaya harganya tidak akan berubah. Maka saya mencadangkan agar pihak kerajaan perlulah mengkaji semula terhadap infrastruktur dan dasar untuk memastikan kawasan-kawasan di pedalaman tidak terjejas dengan perbezaan harga di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kedua yang saya lihat sering kali menghimpit rakyat adalah kekurangan sumber bekalan makanan seperti minyak masak dan gula. Perkara ini sering kali terjadi di kawasan saya. Begitu juga dengan kawasan pedalaman yang kekurangan bekalan tersebut disebabkan penawaran barang di pasaran ataupun *supply* di pasaran adalah terlalu rendah berbanding permintaan maka peniaga akan cuba untuk mengaut keuntungan dengan menaikkan harga barang tersebut. Pengguna tidak mempunyai pilihan selain terpaksa membeli barang tersebut dengan harga yang tinggi berbanding pasaran. Mekanisme berkesan untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan ini adalah dengan kementerian perlu memperbanyak gudang-gudang penyimpanan bekalan makanan dengan melantik beberapa

pemborong untuk mengawal selia makanan sesuai dengan jumlah penduduk kawasan tersebut. Memberikan insentif terhadap pemborong dan kemudahan-kemudahan yang mereka perlukan dalam mendapat bekalan barang tersebut.

Sebagai contoh, kementerian perlulah membina atau memberi galakan untuk pengusaha-pengusaha membina banyak gudang di Lahad Datu supaya bekalan-bekalan ini boleh disimpan di dalam gudang-gudang ini dan ia boleh digunakan dalam tempoh masa yang panjang. Dengan adanya penawaran yang stabil terhadap bekalan barang tersebut, pengguna akan mempunyai banyak pilihan dan peniaga tidak akan mengambil kesempatan terhadap masalah bekalan barang kerana penawaran yang stabil di pasaran.

Isu yang sama juga saya lihat sering kali membebangkan rakyat adalah kekurangan bekalan minyak diesel yang menyukarkan rakyat untuk bergerak. Isu ini bukan sahaja terjadi di kawasan saya tetapi berlaku di kawasan-kawasan Parlimen lain. Antara salah satu faktor penyebab kepada masalah ini adalah disebabkan segelintir pihak yang cuba untuk menyeludup dan membuat perniagaan terhadap minyak diesel tersebut di pasaran gelap.

Saya yakin pihak KPDKKK telah melakukan kerja untuk memantau isu ini. Namun sehingga hari ini, perkara ini masih berlaku. Di mana kesilapannya? Beberapa siri tangkapan terhadap gejala penyeludupan ini telah pun dilaksanakan. Namun, masih ada segelintir golongan yang masih meneruskan operasi penyeludupan ini. Sudah tiba masanya kerajaan mencari mekanisme yang lebih sistematik dan berkesan dengan meningkatkan mutu kawalan melalui sistem pembelian terhadap pengguna kerana isu ini bukan sahaja melibatkan pengguna diesel tetapi melibatkan wang kerajaan melalui pemberian subsidi terhadap minyak diesel ini.

Perkara ini sangat merugikan negara kerana subsidi ini telah disalahgunakan dan membuat perniagaan baru yang hanya menguntungkan sesetengah pihak tetapi merugikan negara dan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar menggalakkan hasil pembuatan negara ini dibesarkan saiz penghasilan melalui bantuan-bantuan yang diberikan oleh kerajaan. Saya sedar melalui KPDKKK, kerajaan telah bekerjasama dalam FAMA untuk menggalakkan pekebun-pekebun ini menghasilkan lebih banyak produk makanan tempatan seperti sayur dan buah-buahan untuk dipasarkan di pasaran tempatan dengan harga murah. Inisiatif ini perlu mendapat pujian kerana kesungguhan KPDKKK untuk menghasilkan lebih banyak sumber bekalan makanan akan mampu mengimbangi harga bekalan makanan dalam negara ini.

Namun, ada beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan oleh kementerian dalam melangsungkan usaha murni ini iaitu di mana kementerian lain seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri perlulah bekerjasama dengan lebih erat dalam meningkatkan bekalan barang terutama barang asas dalam negara yang memberi kesan positif terhadap pengguna dalam negara.

Di kawasan pedalaman terutama luar bandar lebih memfokuskan kepada industri pertanian seperti penghasilan produk. Maka bekalan makanan seperti penanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan penternakan seperti ayam, kambing, lembu yang mendapat permintaan tinggi dalam negara. Keberhasilan ini akan mampu merangsang bekalan makanan dalam negara tanpa perlu mengimport bekalan dari luar negara. Begitu juga dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang membuka pelaburan luar negara untuk masuk ke dalam negara dengan mengimport bekalan makanan tambahan yang diperlukan dalam negara.

**■1600**

Kerjasama ini akan dapat memastikan Malaysia dapat menyediakan pasaran barang yang lebih baik, sesuai dengan kemampuan rakyat Malaysia. Kerajaan Malaysia perlu lebih kreatif dan inovatif dalam memastikan masalah harga barang ini dapat dikawal dengan lebih baik. Secara kesimpulannya, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014 ini menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam mengatasi masalah kenaikan harga barang yang saya kira berpunca dari sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Maka dengan pemberian kuasa kepada pegawai, pihak berkuasa tempatan dalam melakukan operasi dan kuasa untuk memantau harga barang yang terkandung dalam Akta 723 adalah satu perkara yang saya lihat lebih ke hadapan dalam mengatasi masalah ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Mesyuarat]*

Begitu juga dengan peruntukan mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah yang disebut dalam seksyen 15(1A) adalah termasuk Menteri menentukan suatu tempoh tertentu yang tidak boleh ada kenaikan margin keuntungan bersih bagi apa-apa barang atau perkhidmatan. Penyenaraian butiran yang tidak boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada harga bagi apa-apa barang atau caj bagi apa-apa perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 10A yang dicadangkan juga merupakan satu tindakan kerajaan dalam memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan terhadap caj-caj tambahan yang tidak munasabah. Secara keseluruhannya saya menyokong usul Rang Undang-undang Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sepang. Selepas Yang Berhormat Sepang, saya dah diberitahu tinggal tiga lagi. Jadi selepas tiga ini tadi, lagi satu daripada BN, dua lagi daripada Pakatan Rakyat. Selepas itu Menteri menjawab.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Kuala Nerus satu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, sila Yang Berhormat Sepang.

#### 4.02 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana membenarkan saya turut serta dalam perbahasan mengenai pindaan ke atas Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Kita tahu bahawa akta ini adalah bertujuan untuk melindungi pengguna. Ini salah satu akta yang digubal oleh kerajaan untuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang, boleh sepuluh minit? Boleh?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sepuluh minit? Lima belaslah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau tidak ada kacaulah, kalau kacau tambah lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** So, jangan kacaulah. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Termasuk Tuan Yang di-Pertua, kacau pun ganti ya? Okey, ia adalah untuk melindungi pengguna dan saya tidak ada masalah dengan akta ini. Cuma ada beberapa perkara yang saya ingin kongsi di sini untuk difikirkan oleh pihak kerajaan, mungkin untuk lagi memperkasakan akta ini supaya hasrat untuk melindungi pengguna itu betul-betul dapat dilaksanakan. Oleh sebab saya katakan begini kerana ada beberapa akta dalam yang lain juga yang dibuat oleh kerajaan memang ada tujuan baik untuk melindungi pengguna, tetapi dari segi pelaksanaannya kita lihat kesedaran pengguna terhadap akta itu sendiri itu pun begitu minimal.

Saya hendak beri contoh, kalau kita lihat dalam Akta *Hire Purchase* ataupun Akta Sewa Beli 1967 di mana akta ini telah dipinda oleh kerajaan yang memperuntukkan beberapa peruntukan yang wajib dipatuhi oleh pihak-pihak yang terlibat dalam sewa beli itu, di mana kalau sekiranya gagal dipatuhi, bukan sahaja akan menjadikan perjanjian itu tidak sah. Sebagai contoh tidak boleh sain perjanjian kosong, ia bertentangan dengan seksyen 4B, ada beberapa peruntukan. Akan tetapi realitinya berdasarkan pengalaman saya mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan *hire purchase* ini, walaupun ada di sana perlindungan, walaupun di sana dia menjadikan perjanjian tidak sah dan juga satu *an offence* tetapi saya percaya tidak pernah yang setakat - saya *stand corrected* dengan izin, tidak pernah mana-mana pihak yang melanggar pihak penjual khususnya, pihak *dealer* ini yang melanggar ataupun pihak bank yang langgar akta itu, saya percaya tidak pernah didakwa di mahkamah. Walaupun mungkin apabila di bawah ke Mahkamah Sivil, mahkamah kata tidak sah, sepatutnya satu *is an offence*.

Sebagai contoh kalau kita sain perjanjian sewa beli, kalau kita disuruh sain dokumen kosong. Ini bertentangan dengan seksyen 4B Akta Sewa Beli dan ia bukan sahaja tidak sah, menyebabkan perjanjian tidak sah tetapi satu kesalahan. Akan tetapi saya percaya tidak ada satu kali pun pihak bank didakwa di mahkamah. Sedangkan banyak kes-kes berlaku penipuan kerana orang tiru tandatangan dan sebagainya. Jadi ini menunjukkan bahawa walaupun ada akta yang digubal dengan niat yang baik untuk melindungi pengguna, kesedaran terhadap peruntukan dalam perundungan itu ramai lagi yang tidak dibuat secara agresif sehingga rakyat ramai yang tidak tahu. Jadi ini menjadikan sesuatu akta yang dibuat itu tidak dapat mencapai hasrat yang digariskan, itu yang pertama.

Kedua berkaitan dengan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan ini, saya ingin menyatakan bahawa definisi pencatutan di bawah seksyen 14 subseksyen (2) di mana definisinya ialah pencatutan itu adalah apabila kita- maksud pencatutan ialah mengenakan harga tinggi yang tidak munasabah. Maknanya harga yang tinggi tetapi tidak munasabah. Seksyen 15 memperuntukkan mekanisme, Menteri boleh mewujudkan mekanisme bagaimana hendak menentukan harga yang dikatakan tinggi dan tidak munasabah itu. Akan tetapi saya baca banyak kali akta ini dan saya cuba hendak memahami, kalau saya *I'm thinking as a lawyer*. Katakan adalah anak guam saya didakwa di bawah akta ini, saya percaya mudah untuk saya *attack* akta ini sebab pertamanya tidak ada definisi, apa maksud harga tinggi yang tidak munasabah.

Kalau tengok pada seksyen 2 itu, ia tidak ada definisi. Ia cuma ada mekanisme. Mekanisme itu pula kalau tengok seksyen 15, dia hanya terangkan mekanisme sahaja. Maknanya kalau saya boleh katakan 'so what', you ada mekanisme, 'so what'. Maknanya kalau kamu didakwa di bawah seksyen 14 itu macam mana kamu hendak kata kamu didakwa. Contohnya kamu menjual ikan patin, kes yang paling mahsyur, kes ikan patinlah yang sampai orang makan sampai harga RM13,000 di Temerloh. Makan-makan tidak sedar, rupanya tengok price RM13,000. Ini menjadi satu berita yang panas suatu ketika dahulu. Jadi pihak FOMCA mengatakan kalau ada akta ini boleh didakwa. Jadi persoalannya dalam keadaan tidak ada definisi, apa dia yang dimaksudkan dengan keuntungan tinggi tidak munasabah itu.

Saya percaya pihak pendakwa kalau hendak dakwa orang ini akan menghadapi masalah sebab mekanisme ini pun dalam seksyen 15, saya hanya sebut mekanisme. Mekanisme itu macam mana? Ia akan digazetkan kah, tidak. Ia diperuntukkan. Maknanya begitu *hanging*, dia hanya menentukan mekanisme, selepas itu tidak dinyatakan mekanisme itu adakah suatu yang muktamad atau macam mana, tidak. So, seksyen 14 dan 15 ini saya percaya menjadikan akta ini kurang *bite*. Ada spirit nya tetapi tidak boleh *bite*. Maknanya tidak boleh menggigit orang-orang yang cuba hendak menaikkan harga yang tinggi ini.

Jadi saya merasakan perlunya walaupun kerajaan dalam pindaan ini memasukkan pindaan kepada seksyen 15 iaitu dimasukkan dua peruntukan baru, subseksyen (1A) dan ditambah juga di perenggan dua itu ditambah dengan selepas (b), (bb) iaitu memasukkan juga

dalam menentukan mekanisme itu, kerajaan juga akan ambil kira kos yang ditanggung dalam perjalanan.

■1610

Saya melihat seksyen 15 ini, dia tidak membantu dari segi untuk menentukan – dia cuma hanya *provide* satu *general guideline* terhadap mekanisme tetapi selepas itu tidak dinyatakan secara terperinci sama ada dalam seksyen 15 yang sama itu, tidak dinyatakan bagaimanakah status mekanisme itu. Adakah mekanisme ini wajib diwartakan? Saya rasa ada lakuna di situ. Lakuna maknanya ada *loophole*, ada kelompongan dalam seksyen ini. Yes.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Sepang, boleh sentuh sikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Sepang bermaksud untuk menghitam putihkan segala bentuk *profiteering* ataupun kita hendak menyenaraikan yang mana satu perkara yang ikut *percentage* supaya boleh diambil tindakan. Ini saya rasa sebagai seorang *lawyer*, tidak akan perkara ini pun perlu dihitamputihkan. Pada pendapat saya, mungkin ukuran daripada anti *profiteering* ini adalah penindasan. Mungkin satu perkara yang mungkin mahal, tetapi tidak ada elemen penindasan itu boleh diterima walaupun harganya mahal.

Contohnya *spec* ataupun kaca mata Yang Berhormat Sepang. Mungkin berharga berbil-bil, tetapi tidak ada elemen penindasan walaupun harga itu tinggi. Akan tetapi dalam kes-kes yang tertentu yang berbentuk penindasan, bermakna di sifatnya letaknya pertimbangan di mana kita boleh daripada kita meletakkan perkara ini hitam putih untuk dihukum ataupun tidak. Jadi itulah pandangan saya kerana elemen penindasan itu perlu dimasukkan dan diambil kira supaya tidak maknanya ada persetujuan, *willing buyer and willing seller*. Itu adalah pendekatan yang saya rasa perlu kita lihat dan bukan semestinya berfikiran sebagai seorang *lawyer*, hitam putih hitam putih padahal banyak kelabu dan berwarna-warni. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Kuala Kangsar memahami apa yang saya maksudkan. Saya mengatakan bahawa seksyen 14 ada menyatakan apa makna pencatutan. Pencatutan itu bermaksud apabila kita mengenakan harga yang tinggi secara tidak munasabah. Itu dia. Dalam mana-mana undang-undang lain, biasanya apabila kita *deface* sebegitu, ada juga satu interpretasi pula dalam seksyen 2. Apa maksud harga tinggi dan munasabah itu. Mungkin boleh dihujahkan ada seksyen 15, mekanisme itu.

Persoalan saya, setelah mekanisme itu dibuat, mekanisme ini, orang yang buat penguat kuasa ini macam mana dia hendak tentukan? Mekanisme ini dibuat oleh Menteri. Jadi Menteri apabila buat mekanisme ini, dia mesti selepas buat satu penentuan, dia mesti wartakan dan sebagainya. Barulah penguat kuasa ada *guidelinennya*. Takkan setiap kali kita buat

penguatkuasaan, kita kena jumpa Menteri apa mekanisme dia. Itu yang saya maksudkan. Maknanya ada lakuna di situ. Saya tidak tahu Yang Berhormat Kuala Kangsar faham itu yang saya maksudkan. Saya tidak kata *everything must be in black and white*. Apa yang saya maksudkan ialah apabila kita tidak mentafsirkan apa maksud harga yang tinggi dan tidak munasabah itu...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Itu yang saya maksudkan. Apakah definisi tidak munasabah itu? Itu yang – seperti mana yang kelabunya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu yang sepatutnya bagi saya kena ada definisi dalam seksyen 2 sebab seksyen 2 ini biasa dalam mana-mana akta pun dia meletakkan apa definisi. Jadi kalau ada benda itu, sekurang-kurangnya penguat kuasa ada *guidelinanya*. Ini dalam keadaan dia bercakap, dia ambil *action* itu berdasarkan apa? Contoh orang kata ada harga ikan tinggi di pasar, dia pun pergi. Dia hendak *base on* apa? Dalam ini tidak ada asas untuk dia ambil tindakan. Oleh sebab itu saya rasa – saya hanya hendak tolong kerajaan. Saya tidak ada masalah. Kalau pakai *lawyer*, kita dapat duit.

Saya hendak katakan, *we talk as a lawyer* untuk membantu supaya kerajaan juga kena melihat *loopholes* ini supaya apabila tindakan diambil, dia akan menyebabkan ada berlakunya efektif pendakwaan, *effective enforcement*. Kalau tidak ada *effective enforcement*, dia hendak bagi *enforcement* itu mesti ada efektif mekanisme. Saya melihat seksyen 14 dan seksyen 15 ini, dia tidak boleh memberikan satu senjata kepada penguat kuasa untuk melaksanakan tugas penguatkuasaan dengan berkesan. Dia juga tidak memberikan satu *tool* kepada pihak pendakwa untuk membuat pendakwaan dengan berkesan. Itu yang saya punya *concern*.

Ini kerana saya melihat bahawa seksyen 15 itu hanya menyatakan mekanisme sahaja. Mekanisme itu tidak wajib. Selepas buat mekanisme, so *what*? Apa keputusan? Keputusan *Minister* itu hendak tahu macam mana? Contohnya, akan diwartakan. Itu maksud dia. Maknanya kita boleh tahu. Jadi saya melihat *loophole* ini akan menyebabkan kesukaran bagi penguatkuasaan. Ini yang saya minta supaya kerajaan boleh memikirkan. Itu yang pertama.

Kedua, saya juga hendak tentang Majlis Penasihat walaupun dalam seksyen yang dipinda ini tidak menyentuh tentang pindaan itu. Akan tetapi saya ingin merujuk kepada satu kertas kerja yang ditulis oleh dua orang pensyarah daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) iaitu Norita Ahmad Syarif dan Rosnalin Yusuf yang mana dia telah membentangkan kertas di satu seminar *4th International Conference on Business and Economic Research* bertarikh 4 Oktober 2013 di Bandung. Kertas kerjanya bertajuk *Enhancing Consumer Protection via Price Control in Malaysia*. Ini satu kertas kerja yang dibentangkan oleh dua orang pensyarah Malaysia di Bandung dan kertas itu lebih memfokuskan tentang akta ini, akta yang kita bercakap pada tengah hari ini.

Dalam kertas itu dia ada membuat satu saranan dan saya ingin berkongsi saranan itu. Dia mengatakan bahawa keanggotaan Majlis Penasihat itu berdasarkan sekarang ini ditentukan oleh kerajaan. Maka, dia mengatakan perlunya direview. Saya menyampaikan apa yang dia katakan.

Dia kata perlunya dikaji semula kerana dia merasakan apabila dia dibuat oleh *Minister* ini, dia takut ada unsur-unsur *protectionism* itu. Akan melindungi *protectionism* itu, sebab itu dia menyatakan perlu dikaji semula. Dia juga mencadangkan supaya kesedaran terhadap Akta Pencatutan ini sebab mana-mana akta pun, walaupun ia melibatkan niat yang baik untuk melindungi pengguna tetapi kalau tidak ada kesedaran kepada pengguna, dia akan menyebabkan akta itu tidak boleh membantu pengguna.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebagai penutup juga, saya ingin katakan bahawa akta ini juga walaupun akta ini dalam seksyen 14 menyatakan tentang barang dan perkhidmatan, tetapi saya rasa dari segi *enforcement* lebih sukar untuk melaksanakan akta ini berkaitan dengan sektor perkhidmatan. Saya hendak bagi contoh, macam manakah kita hendak menentukan harga tinggi dan tidak munasabah ini berkaitan dengan konsultan. Sebagai contoh kalau doktor dalam memberi perkhidmatan, bagi *consultation*. Mungkin kita kata tinggi dan tidak munasabah. Apakah mekanismenya?

Dalam seksyen 15 itu, mekanisme dia lebih kepada barang tetapi perkhidmatan itu nampaknya macam – mekanisme itu macam tidak *address* isu itu. Jadi elemen-elemen *consultation* ini yang mungkin akan menyebabkan orang dikenakan harga yang tinggi dalam keadaan tidak ada mekanisme untuk mengawal itu., jadi dia akan menyukarkan kita hendak mengambil tindakan ke atas mereka yang mengenakan perkhidmatan dan mengenakan caj yang tinggi. Jadi, ini satu keadaan di mana akta ini nampaknya ada kelemahan di situ.

Terakhir, saya juga ingin mencadangkan supaya – tujuan akta ini sebenarnya adalah untuk menggalakkan *competition*. Dalam ekonomi ini, kebanyakan wujudnya monopoli. Jadi apabila wujudnya monopoli ini, walaupun kita ada kawalan harga, ia menyebabkan sukar untuk hendak ambil tindakan. Jadi secara tidak langsung akta ini kerana akta ini pun yang saya risau sekarang sekiranya kita luluskan akta ini, dalam masa yang sama kita *sign* juga TPPA, dia mungkin akan menyebabkan Amerika dan juga syarikat-syarikat besarnya mungkin boleh *challenge the validity of this* akta.

## ■1620

Sebab sebagai contoh seksyen 15 yang (1A) dimasukkan, mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi adalah termasuk menteri menentukan tempoh tertentu yang tidak boleh kenaikan margin keuntungan bersih. Bayangkanlah kalau secara itu TPPA di *sign*, adanya *provision* ini, maknanya kita boleh *stop* dalam keadaan tertentu untuk tidak boleh ambil untung. *Definitely this time of provision* dengan izin, akan ditentang oleh syarikat-syarikat besar ini. Sebab itu bahayanya kalau kita *sign* TPPA dalam keadaan kita ada *provision* seperti ini.

Sebab itulah akta ini kalau kita betul-betul hendak lindungi pengguna, dalam masa yang sama juga kerajaan juga jangan *sign* TPPA. Sebab kalau *sign* TPPA, walaupun kita mungkin

mempunyai undang-undang untuk *protect* pengguna tetapi dia akan dibantah oleh pihak-pihak syarikat besar ini kalau dimasukkan dalam negara kita sebab kalau kita lihat dalam kertas kerja dia mengatakan juga bahawa akta ini adalah bertentangan dengan konsep *supply and demand* sebab dalam *Laissez-faire* punya ekonomi, mereka tidak mahu campur tangan kerajaan.

Sebab itu bagi mereka apa dibacakan berdasarkan *Washington Consensus* itu, memang mereka mahukan kerajaan memainkan peranan yang paling minimum. Kalau boleh tidak ada langsung. Maknanya *everything is determined by supply and demand*. Sebab itulah bagi mereka apabila ada campur tangan kerajaan ini, ini adalah satu yang bertentangan dengan *Laissez-faire economy*. Sebab itulah saya juga mengharapkan perkara ini diambil kira oleh pihak kementerian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit tidak bangun ya. Yang Berhormat Gerik.

#### 4.21 ptg.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga sama-sama menurut untuk membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014. Kita tahu pada tahun 2011 sudah ada Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*]. Kalau kita tengok kepada rakyat, rakyat biasa akan melihat harga barang naik atau pun turun, kenaikan harga barang atau pun turun.

Kita tahu dalam negara kita, kita boleh bahagi kepada tiga. Kerajaan, peniaga, pengguna. Kalau harga barang naik, rakyat atau pun pengguna akan tanya apa kerajaan buat. Dalam masa yang sama, pengguna juga kata mengapa peniaga hendak dapat untung yang tinggi. Maka, di sinilah kita melihat satu yang kita sering menyalahkan kerajaan dan kerajaan telah membuat satu perubahan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan dengan kaedah apabila kita tanya apa tanggungjawab kerajaan, kita bagi kuasa Menteri. Kalau masa-masa tertentu dengan ada kuasa pada jadual-jadual yang telah dinyatakan dalam cadangan rang undang-undang yang terdapat dalam rang undang-undang yang kita hendak bentangkan ini.

Dalam masa yang sama, kerajaan kita semua kena memberi kesedaran kepada pengguna dan juga peniaga sebab apa juga undang-undang yang ada pada hari ini kita lihat seolah-olah yang terlibat melakukan kesalahan tidak rasa takut. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bila mana kita peniaga-peniaga, dalam itu kita tidak kiralah peniaga besar, peniaga kecil, pemborong kalau melakukan kesalahan dalam pertubuhan, kali pertama RM500,000 akan didenda. Kali kedua RM1 juta. Kalau individu, kali pertama RM100,000, kali kedua RM250,000 dan bersama pula dengan mungkin dipenjarakan tiga tahun.

Di sinilah pihak kerajaan bersama-sama dengan masyarakat mestи dengan kita meluluskan rang undang-undang ini mestи ada satu kesedaran bahawa peniaga takut. Naik

harga, kalau dapat tangkap ini dia dendanya. Akan tetapi hari ini peniaga-peniaga di mana-mana tidak pernah merasa takut walaupun ada undang-undang yang cukup keras. Hari ini saya percaya walaupun Menteri di peringkat awal tadi telah membentangkan rang undang-undang RM500,000, penjara tiga tahun. Pada peniaga tidak ada rasa kesedaran takut dengan undang-undang yang ada. Kalau kena tangkap bagaimana? Di sinilah saya berpendapat langkah yang lebih besar bila kita luluskan rang undang-undang ini bagaimana pihak kerajaan tidak kisahlah Kementerian KPDKKK dan seluruh kementerian, seluruh jentera kementerian mesti memberi kesedaran kepada peniaga-peniaga daripada pemborong, peniaga kecil, peniaga besar dan juga kepada pengguna.

Kita lihat, kita pandai *comment* memberi masalah, memberi di pentas-pentas tertentu dengan mengatakan kerajaan tidak pandai mengurus, tidak pandai...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong bangun.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya, silakan.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Saya ingin bertanyakan kepada Ahli Yang Berhormat Gerik. Saya rasa masalah ini bukan peniaga takut atau tidak takut tetapi peniaga sekarang ini mereka terpaksa menaikkan harga kerana ekoran kenaikan tarif elektrik, kenaikan harga petrol, kenaikan harga gula kesemuanya memaksa mereka terpaksa menaikkan harga barang mereka dan perkhidmatan mereka. Mengapa tiada sebarang tindakan diambil terhadap TNB walaupun dia untung RM4.61 bilion tahun lepas kerajaan masih memberi, membiarkan dia menaikkan tarif elektrik?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong. Satu persoalan yang kita kena terima hakikat.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Gerik, minta sedikit boleh?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Saya hendak *respond* yang Tanjong itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kata TNB naikkan tarif semua. Di Pulau Pinang pun *surcharge* air sudah naik sampai 100%. Kemudian, kena pula *tax* untuk hotel. Menginap di hotel ada yang kena pula caj RM2.00, ada yang kena caj RM3.00. Kemudian, *parking* pun naik harga. Semua naik itu di Pulau Pinang. Jadi, macam mana hendak marah kepada TNB sahaja. Marahlah dekat yang di negeri Pulau Pinang itu. Jadi, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor dan Yang Berhormat Tanjong. Hakikatnya kita kena terima. Dunia berubah semakin moden. Kenaikan harga bukan satu faktor yang tetap, satu sahaja. Ia pelbagai dan kita pula kadang-kadang di pihak pembangkang dia kira hendak cari salah kerajaan. Kalau kira hendak kata di Penang kenaikan harga, tidak ada pula ADUN-ADUN BN bising-bising banyak sangat kan. Begitu juga di Selangor.

Akan tetapi hakikatnya yang saya hendak nyatakan tadi ialah peniaga, satu, dia kena ada rasa takut. Pengguna kena ada satu tanggungjawab, jangan semata-mata hendak menyalahkan kerajaan di belakang kedai kopi, di kedai-kedai kopi. Akan tetapi dapat data, laporan kepada pihak yang berkaitan. Pengalaman sayalah di Gerik sendiri. Walaupun saya tahu di Gerik bekalan sayur sayuran, bekalan sesetengah barang yang bukan kawalan ini agak tinggi. Sebab itu ramai yang *complaint* kalau makan nasi tengah hari di Gerik, dia kata harga makan lebih tinggi. Akan tetapi hendak buat macam mana. Macam kata Yang Berhormat Tanjong tadilah. Peniaga beli barang dengan harga yang lebih tinggi. Maka, mereka tidak boleh jual harga rendah. Takkan *depa* hendak jual sepinggan RM2.00 kalau mereka beli ikan kembung sekilogram RM10.

Jadi ini yang kita nampak. Itu yang saya kata pihak kita kena sama-sama bertanggungjawab. Saya pernah duduk bersama-sama dengan majlis pengguna. Saya melihat walaupun harga naik, di peringkat pengguna ini dia tidak mahu *complaint* menulis secara bertulis kepada pihak yang berkuasa. Akan tetapi saya yakin dengan perubahan rang undang-undang yang ada ini, yang selalu kita pertikai Menteri ada kuasa, undang-undang yang lebih kuat. Kemudian dijadualkan barang-barangan macam mana tadi tujuh tahun mesti ada barang bukti. Ini semua ada langkah-langkah sampai lima perkara tadi yang saya yakin bersempena pula dengan GST yang mana kita tengok Kementerian Pengguna ini akan menjadi pak sanggup, tukang laksana ialah kastam. Kalau ada masalah di antara kastam, esok Kementerian Hal Ehwal Pengguna juga akan– akan tetapi ini dalam bahasa sayalah.

#### ■1630

Akan tetapi saya percaya, kalau kita masing-masing duduk bersama melihat benda ini, rakyat merasai kenaikan harga, bagaimana kita hendak mengatasi masalah kenaikan harga? Sekadar kita buat apa-apa juga peraturan, tidak mungkin kita boleh ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh gulung. Yang Berhormat Gerik boleh gulung.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Sedikit lagi ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Seperkara lagi, saya melihat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kena melihat juga perkara lain. Saya bertanya satu perkara. Hari ini soalan saya naik. Saya bertanya, “*Berapa jumlah pelanggan*

*telefon mudah alih?".* Saya melihat, yang pakai tetap tidak banyak. Kalau ikut jawapan daripada kementerian, 81.7 pengguna yang pakai prabayar. Orang kampung bertanya kepada saya. Dia kata "Cikgu..." Selalu orang kampung panggil saya 'cikgu'. "*Kenapa bila dail ini, telefon ini makan duit. Dail-dail tidak dapat, tengok-tengok dia makan RM10*". Ini siapa hendak ambil tindakan?

Saya harap dengan adanya perubahan rang undang-undang ini dan kalau kita baca di sini, nampaknya syarikat telefon yang menggunakan prabayar ini mengaut keuntungan yang berlipat kali ganda. Ada seorang pelanggan bertemu dengan saya. Dia beritahu, kalau kita telefon balik, dia akan beri alasan ini, ini. Sebenarnya, telefon tidak dapat, terus dia potong RM10. Kalau pelanggan tadi cerdik, dia telefon balik, dia tunjukkan bukti tadi, dia potong RM5.

Di sinilah saya berharap supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui undang-undang ini juga menjaga pelanggan sebab yang pakai *prepaid* ini kebanyakannya orang kampung, bukan? Orang macam kita yang ada gaji tetap ini bolehlah pakai *line*. Akan tetapi orang kampung semua pakai *prepaid*.

Jadi di sini, saya berharap rang undang-undang ini boleh memberi satu kesedaran kepada semua rakyat dan saya percaya, kita letak pula tanggungjawab kepada penguat kuasa, tetapi kalau penguat kuasa macam *paper* yang 'dok' keluar dua atau tiga minggu sudah, tangkapan diesel, 'Harapkan Pagar, Pagar Makan Padi', ini loghat kita. Oleh sebab itu, Menteri duduk, buatkan satu SOP supaya penguat kuasa dalam kementerian, hendak lantik di luar kementerian, penguat kuasa di peringkat majlis perbandaran, majlis daerah, bandar raya, tetapi kena buat satu SOP supaya mereka tidak pula mendapat keuntungan, 'pau' kepada peniaga-peniaga. Ini ada satu masalah. *Depa* ini bila sudah kaya, boleh jadi calon pembangkang pula. Selepas itu tutuh pembangkang macam-macam.

Jadi, minta maaflah, bukanlah saya niat hendak berkata macam itu. Akan tetapi saya yakin, kementerian mencadangkan perubahan rang undang-undang ini adalah untuk kebaikan pengguna termasuklah kita juga. Dalam satu ketika kita membuat dasar, sebenarnya kita juga adalah pengguna.

Dengan ini, Gerik menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, belakang itu apa? Yang Berhormat Kota Setar? *[Disampuk]* Yang Berhormat Kuala Kedah, minta maaf.

#### 4.33 ptg.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut sama berdebat mengenai beberapa pindaan dalam rang undang-undang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ringkas sahaja. Ringkas sahaja ya.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya. Terima kasih. *[Ketawa]* Dan juga antipencatutan. Banyak yang telah disebut. Cuma saya hendak tambah beberapa perkara iaitu walaupun kita mengadakan rang undang-undang untuk mengawal harga dan memberikan keselesaan dan memperkuuhkan Akta Kawalan Harga ini untuk kebaikan masyarakat dan orang ramai, tetapi pada dasarnya, kita hendaklah tidak menafikan kepentingan peniaga kepada masyarakat dan juga negara. Pada dasarnya juga saya menyokong segala langkah untuk memberikan kebaikan kepada masyarakat dan pengguna tanpa melupakan peranan penting yang saya sebut tadi peniaga-peniaga dalam ekonomi dan juga kebijakan masyarakat dan negara.

Hukum ataupun undang-undang terbesar yang menentukan harga barang, *supply* dan lain-lain lagi ialah apa yang disebut dengan izin, *law of supply and demand*, hukum penawaran dan permintaan. Bila ada penawaran dengan harga yang tertentu, ada permintaan, maka berlaku transaksi jual beli. Dalam melakukan transaksi tadi, keuntungan adalah salah satu faktor yang sangat penting. Tanpa keuntungan, tidak mungkin boleh berlaku perniagaan dan juga tidak akan kekal, tidak akan wujud institusi perniagaan.

Akan tetapi dalam masa yang sama, peniaga juga melakukan khidmat sosial yang sangat besar dan menguntungkan negara dan masyarakat. Kalau kita ke kawasan-kawasan luar bandar, di Kedah ada beberapa buah kawasan luar bandar yang cukup dalam, di negeri-negeri lain juga saya rasa ada terutama di Sabah dan Sarawak, kita melihat peniaga-peniaga runcit yang kadangkala kita intai dan lihat harga yang mereka kenakan dan lain-lain lagi, mereka ini juga mainkan peranan yang sangat penting. Selain daripada mereka memainkan peranan membawa barang dan perkhidmatan tadi kepada masyarakat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Paya Besar.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** ...Dan begitu juga membayar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat hendak bertanya?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Mereka juga membayar cukai kepada kerajaan dan keuntungan itu menjana ekonomi masyarakat. Itu pada dasarnya satu perkara yang sangat penting kita berikan perhatian.

Dalam masa yang sama, dalam kebanyakan kes, peniaga tidak dapat mengawal segala faktor yang menyebabkan harga barang tadi naik. Kos kepada perniagaan tadi di luar kawalan peniaga. Kos lesen permit misalannya, kuota monopoli yang disebutkan Yang Berhormat Permatang Pauh tadi misalnya, itu di luar kawalan peniaga. Begitu juga kos membawa masuk barang. Dengan naiknya harga petroleum, harga diesel dan ekonomi kita, kita ada ekonomi yang petroleum *based economy* dengan izin, semuanya menggunakan petrol dan diesel, maka bila naik kos petrol dan diesel, tentulah naik harga barang.

Juga kita ada langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan sekarang yang disebut sebagai rasionalisasi subsidi tadi, itu juga meningkatkan kos kehidupan dan akhirnya meningkatkan harga barang kerana peniaga juga terkesan oleh kos kehidupan yang meningkat. Juga risiko barang, semuanya itu kita kena ambil kira. Kalau misalannya kita sebut musim perayaan, tidak semua barang yang naik harga semasa musim perayaan tadi dapat misalannya peniaga stok lama, tidak. Barang kering boleh, barang lain tidak. Akan tetapi bila simpan barang kering juga, kadang-kadang rosak. Jadi, itu ialah kos risikonya yang akhirnya menyebabkan harga barang naik.

Jadi, yang saya minta kepada kementerian, Menteri dan lain-lain lagi ialah supaya antipencatutan atau dengan izin, *excessive profiteering* tadi, mengambil untung yang berlipat ganda tadi, walaupun itu agak subjektif, tetapi kita jadikan ia seobjektif yang boleh. Kriteria dan lain-lain lagi kita jadikan ia *transparent*, telus supaya rakyat dan peniaga berasa selesa. Bila peniaganya untung, kerajaan dapat cukai dan rakyat juga dapat perkhidmatan yang baik. Dengan itu, kita dapat mencapai satu keadaan yang baik untuk negara kita dan kita tidak memangsakan sesiapa kerana peniaga juga adalah rakyat dan peniaga juga mempunyai kehendak-kehendak kepentingan dan punya peranan yang penting.

Saya ingin menyebut satu kes dalam masa yang singkat ini, satu kes sebagai contoh, bukan isu, sebagai contoh. Misalannya, Utusan Malaysia pada 12 Jun melaporkan berita dari Melaka. Ini adalah berita yang disebut daripada Presiden IKHLAS, Persatuan Peniaga-peniaga Kecil Malaysia, Mohd. Ridzuan Abdullah. Ikon berita yang keluar dalam Utusan Malaysia tentang sewa tapak Bazar Ramadhan Jalan Hang Tuah, Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, sewa tapak untuk bermiaga di Bazar Ramadan sahaja disebut oleh Presiden IKHLAS tadi sebanyak RM13,400 sebulan iaitu RM446 sehari. Diberitahu dan dinyatakan oleh Presiden IKHLAS ini, tapak-tapak tadi malahan dibeli oleh orang-orang tertentu, kemudian dijualkan balik pada harga sampai RM17,400 untuk bermiaga di Bazar Ramadan, kuih-muih dan lain-lain lagi, makanan biasanya.

Ini adalah satu contoh bagaimana peniaga kadang-kadang diperah oleh pelbagai pihak dan beberapa contoh juga berkemungkinan ada unsur elemen korupsi, rasuah kerana orang lain dapat tapak tidak bermiaga dan menjualkan kepada peniaga. Jadi kalau semua orang datang dan mengambil untung dengan menekan dan memeras peniaga, tentulah harganya naik. Apabila harganya naik, tidaklah adil kita hanya mengambil tindakan keras kepada peniaga. Walaupun kita bersetuju memperkuuhkan akta ini, mempermudah penguatkuasaannya, menaikkan denda dan penaltinya, tetapi kita kena lihat daripada sudut keadilan.

#### ■1640

Kalau kita, semua orang memeras peniaga-peniaga dan kita tidak mewujudkan satu suasana yang *very business friendly* dengan izin yang memungkinkan peniaga bermiaga dengan

baik membuat keuntungan, maka tidaklah adil kita mengenakan hukuman keras tadi tanpa kita memberikan ruang kepada peniaga untuk bernafas dengan lega.

Jadi maksud saya di sini ialah kerajaan juga mesti mewujudkan *environment* dengan izin yang sesuai untuk peniaga mencari rezeki dan akhirnya kalau ada peniaga yang dilihat mengambil untung yang berlebihan, *access profiteering* maka kita kenakan undang-undang antipencatutan ini yang saya sokong di sini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang ringkas itu yang poin yang saya hendak sebutkan tetapi dalam masa yang sama saya hendak menyebutkan bahawa kita jangan sama sekali dalam bercakap tentang hak pengguna melupakan langsung kebijakan dan peranan peniaga. Malahan ada hadis baginda Rasulullah SAW: "*Peniaga yang baik itu bermiaga dengan baik*", maksudnya dia bermiaga dengan tidak memeras, tidak melakukan kezaliman, dia bermiaga dengan jujur maka dia boleh sampai kedudukannya sama dengan para nabi dan para syuhada. Itu marhum, satu hadis daripada Rasulullah SAW. Jadi itu yang perlu kita tekankan dan kita capai, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai, selepas Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Kuala Nerus dan selepas itu Menteri menjawab.

#### 4.42 ptg.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lima minit ya.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sepuluh minit? Terima kasih. Lima minit, lima minit. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh*. Pertama sekali tahniah kepada kerajaan pimpinan PM kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serius dan prihatin. Fikir, bimbang, risau tentang harga-harga barang ini sebab hendak menjaga rakyat. Ini penting sekali. Untunglah rakyat yang memilih Kerajaan Barisan Nasional. Kadar inflasi di Malaysia berdasarkan rujukan halaman *Trading Economics* adalah yang terendah dirantau Asia ini berbanding dengan Singapura, Filipina, Thailand. Bermula pada 1 April 2011, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010 mula dikuatkuasakan. Akta ini menggantikan Akta Kawalan Harga 1946.

Walau bagaimanapun masih terdapat peniaga yang bersikap tamak, rakus dan tidak amanah yang menaikkan harga barang dengan harga yang tidak munasabah. Ini sentiasa berlaku. Sentiasa ada kawalan, sentiasa kita pantau tetapi sentiasa juga berlaku. Ini kita dapat permainan orang tengah dan juga apabila kita hendak membuat kawalan ini, kita mendapati masalah-masalah yang seperti yang dibahaskan pada awal-awal tadi tentang tidak cukup orang tengah dan sebagainya.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa Dewan kepada satu perbincangan tentang punca sebenarnya harga ini. Naik harga ini sebenarnya dari mana *problem*

ini berlaku? Daripada tahap pemberong ataupun peruncit ataupun pengeluar? Di mana kawalan ini yang sepatutnya kita lakukan? Ini kerana lain negara, lain tindakannya. Kalau kita lihat daripada contohnya kalau berlaku banjir di Thailand umpamanya, *nature disaster* dengan izin. Apabila berlaku banjir dan sebagainya maka mungkin produksi pemakanan kurang dan harga akan jadi naik. Contohnya kesan-kesan daripada fenomena *El Nino* katakan tidak ada produksi yang baik, maka harga barang akan naik. Kita tidak ada kawalan ataupun luar kawalan kepada sistem pembekalan ini, kepada rantaian pembekalan ini. Jadi harga akan naik.

Jadi kita lihat hari ini umpamanya kalau kita pergi kepada peruncit yang terpaksa menaikkan harga, kita berada di hujung rantaian pembekalan maka ini sudah tentu tidak adil. Kita lihat peruncit-peruncit umpamanya di pasar, mereka terpaksa simpan sayur, mereka terpaksa simpan ikan, mereka perlukan *storage*, tempat penyimpanan memerlukan tempat penyimpanan sejuk beku dan sebagainya. Sebenarnya kita patut membantu mereka dengan infrastruktur ini. Kita lihat di mana-mana pun *abuse* dengan izin tetap juga berlaku dan kawalan di hujung kadang-kadang tidak memberikan faedah kepada peruncit-peruncit dan peniaga ini.

Apa yang saya hendak maksudkan di sini ialah di mana kawalan sebenarnya? Apakah punca sebenarnya? Ia seolah-olah macam kita tanya seseorang yang hilang dompetnya. Dia hilang dompet di rumahnya ataupun di tempat lain dan kita dapati dia duduk di tengah jalan, di bawah lampu cari dompet. Kita tanya dia kenapa engkau cari dompet di sini? Dia kata saya cari di sini sebab sini ada lampu, terang benderang. Dia tunggu 100 tahun pun, dia tidak akan jumpa dompetnya kerana dia cari dompet di tempat yang salah. Jadi kalau kawalan ini – Jadi kita mesti faham, kalau tidak benda ini tidak akan selesai. Benda ini tidak akan selesai kerana di mana sepatutnya kawalan berlaku, di mana sepatutnya kita menentukan tindakan oleh kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, waktu perayaan umpamanya inilah masanya *demand* tinggi. Maknanya barang mungkin akan berkurangan kerana *demand* tinggi. Harga memang akan naik sedikit. Harga yang naik sedikit ini pada pendapat saya tidak apalah, orang hendak raya. Ada satu pakcik malam itu dia ada dua ekor lembu, dia hendak jual. Kalau harga naik sedikit untung dia bonuslah untuk dia. Kebanyakan orang yang bermiaga di pasar-pasar semua ini adalah orang-orang kampung, orang luar bandar, orang yang memerlukan pembelaan. Inilah masa dan peluang untuk dia. Kita lihat hari ini kalau *demand*lah. Katakan seorang penyanyi umpamanya, artis tengah masyhur maka harga dia tinggi. Jadi ini kita lihat saya berfikir –Sebab itu saya katakan kita kena mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kerana transformasi yang dilakukan... [Dewan riuh] Tidak apa.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kalau tanya Timbalan Menteri, ini tidak berbaloi lah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kerana subsidi pun sama.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tanya Timbalan Menteri kata ini tidak berbaloi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kerana subsidi bersasar ini. Kerana kita bukan negara miskin, 1.7% sahaja kemiskinan . Kita bukan di Afrika. Hari ini kita beri subsidi bersasar maknanya kerajaan telah turun *direct* terus kepada orang-orang yang susah dan miskin. Jadi waktu-waktu perayaan umpamanya kita bagi daginglah kepada orang susah. Kita bagi daging kepada orang kaya ini, beli sendirilah. Orang kaya tidak kisah pun kalau harga naik sedikit. Jadi BR1Mkah, bantuan kerajaankah diberikan kepada orang-orang yang sepatutnya menerima barulah adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang monopoli yang saya dengar daripada awal lagi tadi. Saya pun tidak pandai sangat mengenai ekonomi ini tetapi saya dengar tadi monopoli tekan rakyat, dera rakyat, kerajaan kejam. Sebenarnya pendapat saya perlu ada sektor-sektor tertentu yang perlu dimonopoli kerana untuk menjaga kepentingan rakyat. Sektor-sektor penting seperti beras hendak bagi makan, elektrik, kenderaan atau *transport*, kereta api umpamanya perlu ada monopoli kerana monopoli untuk menjaga kepentingan rakyat. Kita lihat hari ini kalau KTM kita bagi lima, enam kompeni jaga berseleraklah landasan kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya hari ini kalau kita memikirkan tentang ekstrem ekonomi memang tidak boleh. Ekstremis tidak akan fikir ini boleh. Akan tetapi yang kita kata hari ini *intervention policy*. *Intervention policy* ini adalah bagus kecuali kita lakukan dengan terbaik untuk menjaga rakyat. Jadi ini hak kerajaan untuk menjaga kepentingan rakyat. Kerajaan yang menanglah. Kerajaan Barisan Nasional. Kalau pembangkang menang, dia buatlah. Dia bagilah beras *free* tetapi dia kalah walaupun dia kata dia menang undi popularkan. Popular, kalah tetapi kalah, menang tetap menang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, gulung.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ini tengah gulung. Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita ada ialah monopoli yang dipanggil *regulated monopoly*. Kerajaan *control*, maknanya seseorang itu tidak boleh buat dengan sewenang-wenangnya. Bukan makna dia pegang beras, dia boleh buat apa sahaja suka hati dia. Kerajaan *control regulated monopoly* ini. Saya kira hari ini memerlukan empat perkara ini.

Pertamanya *why* kita hendak buat, kenapa kita hendak buat? Kita hendak buat untuk menjaga kepentingan rakyat. Kedua, kita hendak bagi siapa yang kita hendak bagi, siapakah yang kita hendak bagi monopoli ini? Kepada orang yang *capable* bukan orang yang buat kerja macam Ali Baba umpamanya, untuk bagi orang lain buat dan *how*, apa cara kita hendak pengagihan, subsidi dan sebagainya dan juga *when*? Maksud saya hari ini, apabila kita bermula dan bila kita hendak berhenti? Bukan kita hendak bagi kepada seseorang itu sampai kiamat. Maknanya kita bagi...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Eloklah...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Tentulah ada masa untuk...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Menyampuk]

■1650

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi, empat faktor ini kalau ada boleh. Empat faktor ini kalau ada Yang Berhormat Pokok Sena pun kita boleh bagi dia jaga beras ataupun kita bagi Yang Berhormat Permatang Pauh. Kita bagi, tengok berapa harga beras? Kalau empat faktor ini ada. Jadi, empat faktor ini penting hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh sedikit lagi. Seminit lagi itu. Tentang GST ini, ada golongan yang cerita menakut-nakutkan rakyat. Wah! GST dengar, rakyat semua jadi takut. Harga barang naik belum lagi kita buat GST. Itu yang penting. GST ini sebenarnya telus dan cekap. GST ini untuk memudahkan rakyat lagi, banyak negara sudah buat dan 6% adalah yang terendah. Yang pentingnya, banyak barang-barang yang 10% jadi 6%. Jadi harga turun, jadi harga turun sebenarnya. Banyak barang-barang harga turun. Walaupun pada peringkat awal dijangkakan dan banyak pengalaman, harga akan naik sedikit tetapi tidak akan sentuh inflasi di sesebuah negara. Kalau fahamlah kan. Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi pujiilah Kerajaan Barisan Nasional. Memang *best* lah, memang terbaiklah. Kalau buat di...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kalau tidak puji bukan Yang Berhormat Bagan Serai lah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya terfikir untuk rakyat. Bukan macam sesetengah golongan itu, dia fikir hendak bagi orang takut sahaja, menakut-nakutkan orang. Bagi orang seram dengan perkembangan ekonomi hari ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih banyak kerana bagi saya peluang. Saya, Yang Berhormat Bagan Serai menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Kuala Nerus. [Dewan riuh]

#### 4.51 ptg.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Berucap dalam bahasa Arab] Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang bagi peluang untuk saya berucap pada petang ini membahaskan bagi meminda Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Pertama sekali, akta ini melibatkan para peniaga dan perlu kita mengambil ingatan bahawa para peniaga adalah mereka-mereka yang dalam Islamnya dianggap sebagai mujahid yang membekalkan keperluan awam kepada masyarakat.

Oleh kerana itulah kita lihat hadis-hadis Nabi SAW menyebut, [Membaca sepotong Hadis] "Orang yang berniaga dia cakap benar kemudian amanah, berada bersama Nabi dan juga bersama para Sidiqin dan para Syuhada" Itu hadis Tarmidzi. Dalam al-Quran pun Allah SWT sebut, [Membaca sepotong ayat al-Quran] "Carilah kurniaan Allah untuk menggambarkan tentang

*orang-orang yang bermiaga".* Oleh kerana itulah Islam pada asasnya tidak menyokong konsep kawalan harga ini seperti banyak hadis-hadis Nabi SAW kerana konsepnya beri ruang kepada para peniaga untuk mereka menetapkan harga dan mendapat rezeki daripada Allah SWT. Akan tetapi apabila berlaku keadaan-keadaan yang memudaratkan para pengguna dan memudaratkan masyarakat, maka di kala itulah Islam menekankan pentingnya kawalan harga.

Hari ini kita bincang tentang Akta Kawalan Harga atau Pindaan Akta Kawalan Harga ini yang saya lihat kita bimbang hanya di kuatkuasakan kepada para peniaga kecil-kecilan seperti ibarat kata saudara kita tadi, Yang Berhormat sebentar tadi, melibatkan rantaian terakhir di dalam perniagaan iaitu peniaga-peniaga kecil. Sedangkan isu sebenarnya berada pada yang rantaian nombor satu. Hari ini kita berhadapan isu monopoli dan monopolii ini bukan hanya melibatkan negara kita tetapi ia monopoli antarabangsa, melibatkan syarikat-syarikat besar seperti Nestle sebagai contoh. Kalau di Malaysia, Nestle hari ini menguasai 40% hingga 50% penguasaan pasaran makanan dan minuman di Malaysia. Di sini boleh bermula harga barang boleh naik hingga akhirnya harga-harga diserapkan menerusi – peningkatan kos pengeluaran diserapkan kepada harga yang nanti kesannya kepada para pengguna.

Persoalannya, sejauh mana kerajaan sendiri boleh mengambil satu tindakan dalam mengawal harga ini, boleh memantau dan juga mengambil tindakan melibatkan syarikat-syarikat besar seumpama ini? Yang tentu ada kepentingan besar di peringkat negara kita pada hari ini. Begitu juga dengan monopoli melibatkan barang-barangan asas seperti ayam, sayur-sayuran dan juga makanan-makanan utama beras dan sebagainya. Walaupun kita nafikan itu ada kebaikan untuk rakyat tetapi kita melihat ini antara punca besar berlakunya peningkatan harga.

Jadi apa yang patut ditimbulkan di sini ialah sejauh mana penguatkuasaan melibatkan tauke-tauke besar, orang-orang besar dalam isu yang seumpama ini? Itu juga melibatkan orang tengah. Bagi saya dalam banyak kajian dibuat oleh para pensyarah universiti, selalu membangkitkan isu orang tengah yang menjadi punca kepada kenaikan harga barang. Jadi, bagi saya kalau akta ini kita kuatkuasakan tetapi dalam masa yang sama isu monopoli, isu orang tengah tidak dibanteras atau tidak dikawal dengan undang-undang yang lebih tegas, maka undang-undang yang kita buat ini akhirnya tidak akan mencapai matlamat yang sebenar. Saya rasa itulah sedikit yang ingin saya ulas di sini. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Dua minit boleh? Minta dua minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri. Boleh mencelah. Sila.

**4.55 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1 Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan dan juga cadangan serta mengutarakan isu-isu berkaitan dengan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014 bagi bacaan kedua. Saya akan memberi maklum balas ke atas setiap cadangan dan juga pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya percaya pandangan dan juga cadangan tersebut amat memberi manfaat bagi kita memperteguh lagi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan mengenai dengan isu peranan dan juga keberkesanan penguatkuasaan kawalan harga barang perlu. Cadangan melaksanakan penguatkuasaan secara *Blue Ocean Strategy* melalui kerjasama JKKK, NGO, guru-guru dan sebagainya bagi membantu kementerian. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Kalabakan, Lenggong, Sibuti, Lembah Pantai, Johor Bahru, Bagan Serai, Kuala Krai dan juga Pasir Puteh yang juga mengutarakan pandangan serta cadangan terhadap isu-isu yang sama.

Kementerian sentiasa berusaha mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan melalui kerjasama 11 agensi penguatkuasaan, antaranya seperti kastam, polis, UPP, SPRM, APMM dan juga Jabatan Peguam Negara. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, pasukan petugas khas bersama Jabatan Peguam Negara telah digerakkan ke arah membanteras aktiviti penyelewengan diesel bersindiket. Ini melibatkan pelaksanaan Operasi Diesel dan 1 North (OD1N), Operasi Diesel 2 North (OD2N) dan Operasi Diesel 1 South (OD1S) dan Akta Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001. Ini menunjukkan betapa kementerian ini begitu komited untuk membanteras gejala penyelewengan barang bersubsidi yang berlaku di negara ini.

Selain itu juga, kementerian telah mengambil tindakan undang-undang ke atas penjenayah yang menyeleweng diesel bersubsidi di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Menggerakkan operasi secara bersepadu iaitu Ops Titik di bawah Jawatankuasa Membanteras Penyelewengan Bahan Petroleum Bersubsidi serta memberi bantuan dan kerjasama penuh kepada seluruh agensi penguatkuasaan yang lain termasuk operasi yang digerakkan di bawah pasukan petugas khas Jabatan Peguam Negara.

Berkenaan dengan cadangan supaya tugas memantau harga diperturunkan kuasa kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), ingin saya maklumkan di sini bahawa KPDKKK telah pun menurunkan kuasa untuk membuat pemantauan kenaikan harga kepada seramai 712 penghulu dan juga penggawa. Sekiranya mereka mengesahkan berlakunya

sebarang kenaikan harga yang mendadak, mereka boleh melaporkan kepada cawangan KPDKKK yang berdekatan dan turun bersama-sama penguat kuasa KPDKKK untuk membuat lawatan ke premis tersebut.

■1700

Jadi kementerian sememangnya sedar betapa pentingnya peranan yang boleh dimainkan oleh rakyat dalam aspek pemantauan harga di pasaran demi kepentingan bersama. Kementerian mengalu-alukan kerjasama daripada semua pihak termasuklah JKKK atau sesiapa sahaja untuk tampil membantu dengan melaporkan sebarang maklumat kenaikan harga kepada pihak kementerian.

Dari segi pemantauan selain dari 1,100 pegawai pemantau harga sedia ada, kementerian akan melantik seramai 222 lagi pegawai pemantau harga untuk dilaksanakan tugas-tugas pemantauan. Selain daripada itu ada 10,000 barang dan juga khidmat secara berkala untuk dibuat analisa, diambil tindakan oleh penguatkuasaan. Bukan sahaja dari segi pemantauan tetapi juga untuk mengambil maklum mengenai dengan lebih daripada 10,000 barang secara berkala.

Menyentuh mengenai dengan pelaksanaan semula program penandaan diesel subsidi, banyak juga yang dibangkitkan melalui kaedah *nano tag*. Program tersebut yang bermula pada tahun 2006 telah pun ditamatkan pada 31 Mac 2011 kerana kos penyambungan kontrak syarikat yang agak tinggi dan tiada peruntukan khas. Walau bagaimanapun kerajaan sentiasa komited di dalam menangani isu ini dan sedang meneliti serta menilai langkah-langkah yang sesuai bagi kita menangani isu penyelewengan diesel bersubsidi.

Kerajaan juga amat menyedari bahawa impak media sosial terhadap harga barang dan pengguna. Oleh itu kementerian sentiasa menyalurkan maklumat terkini dan tepat melalui portal pengguna [www.1pennguna.com](http://www.1pennguna.com) dan dengan sistem *pricewatch* dengan izin, yang menyenaraikan harga-harga barang keperluan mengikut kategori dan juga zon.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi penjelasan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh mengenai terdapatnya kenyataan bahawa GST dilaksanakan di Malaysia, inflasi tidak akan naik. Pengalaman negara lain menunjukkan inflasi akan naik apabila GST dilaksanakan.

Jadi kerajaan dalam program penerangan yang dijalankan di seluruh negara telah memaklumkan bahawa kadar inflasi akan naik 1.8% apabila GST dilaksanakan. Namun begitu kenaikan ini hanyalah *one-off* sahaja dan selepas itu kadar inflasi akan stabil berdasarkan pengalaman negara-negara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh seperti Kanada, Australia, New Zealand dan juga Singapura. Kadar ISP akan stabil dalam tempoh enam bulan hingga 12 bulan. Dalam menangani kenaikan inflasi ini kerajaan mengumumkan pakej bantuan seperti pemberian tunai RM500 hingga RM650 kepada penerima BR1M dan penurunan kadar cukai pendapatan individu.

Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan isu harga gula tempatan yang dikaitkan dengan monopoli. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, industri gula tempatan tidak dimonopoli oleh satu-satu pihak sahaja. Sebaliknya terdapat empat pengeluar gula di Semenanjung iaitu Central Sugar Refinery Sdn Bhd, Malayan Sugar Manufacturing Company Berhad, Gula Padang Terap Sdn. Bhd. dan Kilang Gula Felda Perlis Sdn. Bhd.

Menyentuh isu harga gula di Malaysia yang lebih tinggi berbanding pasaran antarabangsa. Ini kerana kerajaan membuat penetapan harga gula melalui kontrak jangka panjang ataupun *long term contract* yang dibuat bagi memastikan bekalan gula dalam pasaran adalah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh rakan-rakan saya Yang Berhormat Jerlun dan Yang Berhormat Pokok Sena mengenai dengan kenaikan harga menjelang bulan Ramadhan dan juga Hari Raya Puasa serta langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menyekat pengeluar dan peniaga dari mengambil kesempatan untuk mengambil keuntungan yang tidak munasabah.

Kerajaan akan meneruskan kawalan harga di bawah Skim Kawalan Harga Musim Perayaan menjelang bulan Ramadan dan perayaan Hari Raya Puasa untuk menyekat kenaikan harga barang basah tertentu yang berpotensi berlaku kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi pada musim-musim perayaan.

Jadi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian juga sedang mengambil tindakan untuk melanjutkan tempoh kawalan di bawah Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Hari Raya Puasa dalam usaha mengekang tindakan peniaga untuk menaikkan harga barang keperluan.

Selain daripada itu, mengenai dengan ayam bersih di Alor Setar Yang Berhormat. Hasil daripada kutipan harga yang dibuat oleh pegawai pemantau harga di Alor Setar, Kedah pada hari ini menunjukkan bahawa harga ayam bersih di Pasar Alor Setar ialah RM7.80 sekilo. Mungkin harga yang dinyatakan Yang Berhormat tadi dari kedai yang dijual pada harga yang agak mahal. Akan tetapi daripada apa yang dilaporkan balik kepada kita harganya ialah RM7.80 sekilo dan mengenai dengan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Orang kampung tanya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, ya Tuan Yang di-Pertua. Harga itu ialah harga di pasar Alor Setar, pasar besar. Di *market* besar hari itu saya pergi. Itu daripada orang-orang yang meniaga ayam. Saya telefon tadi. Saya duduk biasa pergi beli. Saya hendak tanya berapa harga ayam terakhir, dia kata RM8. Itu harga di pasar besar. Jadi maknanya agak hairan macam mana pegawai kementerian di cawangan Alor Setar tetapi...

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Okey terima kasih Yang Berhormat. Betullah itu. Mungkin semasa Yang Berhormat tanya itu RM8 tetapi hari ini RM7.80 sudah turun 20 sen.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya tanya dia hari ini, tengah hari tadi. Saya kata adakah semua? Orang meniaga depa mesti pakat sama-sama *depa jual* harga yang sama.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Okey terima kasih banyak. Itu jawapan yang saya beri RM7.80. Lebih kuranglah. So, apakah tindakan kerajaan dalam menangani kos sara hidup...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Maknanya RM7.80 itu lebih daripada harga silinglah?

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Tidak ada lagi. Belum ada.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak. Lebih daripada harga siling yang dahulu hak musim perayaan dahulu ditetapkan.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Itu dahulu. Nanti kita umum nanti Yang Berhormat akan dengarlah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi bila pula hendak umum harga siling ini?

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Dalam masa yang terdekat.

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Malam raya, malam raya.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Masa raya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Malam raya.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Dalam bulan puasa.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Baling sindir Yang Berhormat dia kata malam raya. Makna saya faham itu sindiran daripada Yang Berhormat Baling. Malam raya umum.

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sebut saya pula pasal apa?

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Bulan puasa kita akan umum, *insya-Allah*. So mengenai dengan ini kerajaan sentiasa memberi perhatian bagi menangani kos sara hidup rakyat melalui pelbagai inisiatif seperti program penurunan harga yang melibatkan penurunan harga 4,000 barang sebanyak 30% hingga 70%.

Mengenai dengan pemberian kuasa kepada PBT, pindaan ini tidak bermaksud PBT secara automatik boleh menjalankan tugas penguatkuasaan kerana perbincangan lanjut akan diadakan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan kesepakatan sebegini adalah elemen penting dalam kita hendak melicinkan urusan pentadbiran kerajaan melalui penguatkuasaan bersepada. Yang Berhormat Jerlun saya juga

mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan beliau dan kementerian akan mengambil tindakan bagi memastikan kepentingan pengguna sentiasa terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tasek Gelugor. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian telah melaksanakan Kempen Membeli Barang Malaysia sejak tahun 2009. Usaha ini akan diteruskan pada tahun ini dan objektif utama pelaksanaan Kempen Beli Barang Malaysia ialah merangsang pertumbuhan ekonomi domestik dengan meningkatkan pembelian barang tempatan iaitu *domestic consumption* dengan izin. Ini bertujuan untuk membantu pengguna dan juga pengusaha tempatan meluaskan jaringan pemasaran di samping berupaya mewujudkan dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kualiti produk dan juga perkhidmatan buatan Malaysia.

#### ■1710

Pelbagai strategi dan program kesedaran yang telah dan akan diambil oleh kementerian melalui kempen ini untuk mengetengahkan produk-produk keluaran tempatan kepada pengguna. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah Expo Beli Barang Malaysia, pertandingan video barang kita dan pengiklanan di media elektronik, media cetak, media sosial seperti *YouTube*, *Facebook* dan sebagainya. Sejak tahun 2013 lagi, kempen ini juga telah memberi tumpuan kepada usaha memupuk semangat patriotisme dan kebanggaan terhadap produk tempatan dari peringkat usia yang muda melalui penerapan elemen kempen membeli barang buatan Malaysia dalam penerbitan animasi Upin dan juga Ipin yang begitu popular di kalangan kanak-kanak dan golongan berkeluarga.

Jadi selaras dengan itu, pelaksanaan kempen tersebut juga, kementerian telah mewujudkan satu mekanisme pengenalan kepada produk-produk keluaran negara melalui penandaan logo buatan Malaysia oleh pihak industri dan logo ini telah didaftarkan sebagai harta intelek milik kerajaan melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Justeru itu, sebarang penggunaannya perlulah mendapat kebenaran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Tasik Gelugor. Langkah mendidik peniaga supaya lebih beretika. Bagi memberi pendedahan kepada peniaga, kementerian melaksanakan program Seminar Kecemerlangan Perniagaan Beretika yang dilaksanakan di seluruh negara mengikut zon untuk tahun 2014 ini. Sebanyak enam seminar telah dirancang untuk diadakan sehingga Mei dan sebanyak tiga seminar telah diadakan di zon tengah, zon timur dan juga zon utara. Melalui program ini, kementerian ingin menerapkan amalan perniagaan beretika dan bertanggungjawab di kalangan para peniaga.

Mengenai dengan soalan perbahasan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Silam. Yang Berhormat telah membangkitkan isu penentuan harga maksimum mengawal harga dan juga mengelakkan perbezaan harga ketara terutama antara bandar dan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Silam bahawa

penentuan harga maksimum barang sahaja tidak cukup untuk mengawal kenaikan harga barang terutama di kawasan luar bandar. Untuk itu, kerajaan telah melaksanakan Program Penyeragaman Harga untuk memastikan barang keperluan asas seperti gula, tepung gandum dan juga minyak masak dapat dijual pada harga kawalan kerajaan sehingga ke kawasan luar bandar dan pedalaman.

Yang Berhormat Silam juga telah memberi beberapa cadangan seperti galakan pengeluaran sumber makanan dan galakan pembinaan gudang-gudang di Lahad Datu bagi memastikan penawaran yang stabil. Kementerian akan mengambil maklum dan mengucapkan ribuan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Gantang dan Yang Berhormat dari Sepang telah membangkitkan mengenai standard piawaian ataupun mekanisme bagi menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah yang boleh diambil tindakan. Yang Berhormat Bukit Gantang turut membangkitkan kaedah yang digunakan ke atas peniaga secara *online*. Keuntungan tinggi yang tidak munasabah tidak ditakrifkan kerana ia adalah subjektif. Dengan itu, mekanisme penentuan keuntungan tinggi yang tidak munasabah akan dibuat melalui peraturan yang akan diwartakan. Pindaan kepada seksyen 15 akta ini adalah untuk memperkuatkannya penentuan mekanisme keuntungan tinggi yang tidak munasabah khususnya menangani kenaikan harga bersabit dengan GST. Berhubung dengan perniagaan *online*, kementerian masih belum mengambil tindakan ke atas sebarang transaksi yang berkait dengan pengenaan GST di bawah akta ini dan mana-mana undang-undang lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada Yang Berhormat Bagan Serai, di mana kawalan harga yang sepatutnya. Untuk makluman Yang Berhormat, kawalan harga yang dilaksanakan buat masa kini meliputi peringkat pengeluar, pemborong dan juga peruncit. Jadi berdasarkan kewajaran dan juga kesesuaian bagi tujuan menentukan kestabilan harga keperluan di dalam pasaran.

Yang Berhormat dari Kuala Nerus mengenai dengan kebimbangan mengenai kawalan harga hanya dikenakan kepada peniaga dan peniaga-peniaga kecil dan juga sejauh mana kerajaan boleh mengambil tindakan untuk mengawal harga bersepada syarikat-syarikat besar seperti Nestle. Untuk makluman Yang Berhormat, penguatan kuasa kawalan harga dan antipencatutan tidak hanya dilaksanakan terhadap peniaga-peniaga kecil. Tindakan penguatkuasaan merangkumi seluruh rantai pengedaran dan daripada pengeluar, pengedar, pemborong dan pengimport serta peruncit tanpa mengambil kira saiz sesuatu perniagaan.

Walau bagaimanapun, kementerian prihatin dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga kecil dan sentiasa memastikan penguatkuasaan dijalankan dengan adil dan saksama mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada. Jadi menyentuh isu orang tengah untuk makluman Yang Berhormat, peranan orang tengah tidak semestinya memberi kesan yang negatif. Sungguhpun demikian, kementerian sentiasa memantau aktiviti perniagaan

pemborong ataupun orang tengah bagi tujuan menyekat sebarang pelaksanaan pengambilan kesempatan menaikkan harga tanpa alasan yang munasabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang bangun. Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri saya ingin bertanyakan, tadi saya bangkitkan tentang isu mekanisme itu. Jadi saya hendak tanya, bagaimanakah pegawai-pegawai yang pelaksana, *enforcement officer* ini supaya mereka melaksanakan kes-kes yang melibatkan pencatutan ini. Macam mana mereka, mereka berbekalkan apa untuk ambil tindakan itu? Setelah saya bangkit tadi, mekanisme itu mereka hendak dapat daripada mana? Adakah diwartakan atau macam mana? Jadi saya hendak tanya, mereka pergi membuat *enforcement* itu mereka berbekalkan apa? Itu pertama.

Keduanya, adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai maklumat berapa banyakkah kes-kes pendakwaan di bawah akta ini? Apakah dia punya, mungkin semua kes itu ada mengaku salah, mungkin saya tidak tahu lagi tetapi kalau yang tidak mengaku salah itu, apakah *defence* yang biasa dikemukakan? Terima kasih.

**Dato' Paduka Ahmad Bahsah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan jumlah kes itu tidak ada pada saya hari ini dan sekiranya diperlukan, kita akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat. Mengenai dengan mekanisme penguatkuasaan dari segi hendak menjalankan kuat kuasa akta ini, kita sudah pun sebut bahawa mekanisme ini akan ditentukan oleh Yang Berhormat Menteri daripada semasa ke semasa agar mekanisme yang akan kita tentukan supaya membolehkan penguat kuasa ini menjalankan, di bawah peruntukan yang kita cadangkan ini dapat dijalankan dengan sempurna. Jadi mekanisme ini bergantung. Oleh sebab itu kuasa kita beri kepada Yang Berhormat Menteri untuk menentukan mekanisme ini dengan jawatankuasa yang akan ditubuhkan nanti.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta maaf Yang Berhormat Menteri. Saya tidak berapa faham. Sekarang ini kalau ada kes sekarang. Contohnya ada kes sekarang, mekanisme itu ditentukan semasa ke semasa sedangkan kes ini mungkin berlaku hari-hari. Jadi saya hendak tahu, apabila pegawai itu dia pergi memantau ataupun pergi hendak itu, dia hendak ambil tindakan itu dia hendak rujuk apa? Hendak rujuk dekat mana? Maksud saya begitulah.

■1720

Sebagai contohlah ada satu *guideline* yang diwartakan, dia lihat ini. Jadi sebab dia mesti mengambil tindakan itu setelah dia dapati orang ini langgar undang-undang itu. Tetapi macam mana dia hendak tentukan langgar undang-undang itu kalau dia pun mekanisme tidak jelas. Mekanisme dalam undang-undang itu memang ada, tetapi maksud saya mekanisme itu adakah

perlu diwartakan kah dan sebagainya. Itu yang saya maksudkan. Sebab itu saya tengok akta ini tidak jelas. Bagaimana pegawai penguat kuasa boleh mengambil tindakan ini?

Saya rasa, saya hendak bagi tahu Nadeswaran adalah seorang penulis dalam *The Sun*. Dia membangkitkan isu ini. Sebab dia kata kalau *you* meletakkan satu undang-undang tanpa satu *guideline* yang jelas, akan menyebabkan susah orang hendak mengambil tindakan. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bagi jawapan. Berdasarkan pengalaman yang lepas macam mana cara mereka *enforce* itu. Macam mana mereka *enforce* itu?

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Di dalam pindaan kita ini kalau ikut bagi segi kesalahan mencatut, dia punya seksyen 14. Mana-mana orang di dalam perjalanan perdagangan ataupun perniagaan mencatut dalam menjual dan menawarkan untuk menjual ataupun membekal atau menawarkan untuk membekal apa-apa barang atau perkhidmatan melakukan satu kesalahan bagi maksud atau ini ialah mencatut ertinya membuat keuntungan yang tidak munasabah.

Jadi apabila kita sebut keuntungan yang tidak munasabah, sebelum ini tindakan yang kita ambil sekiranya kita dapati bawah dalam semasa sepanjang sebelum ini harga yang telah ditawarkan ataupun dijual kepada pengguna dan harga itulah yang akan kita ambil kira untuk kita tentukan bahawa dia telah pun membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah.

Sekiranya dalam sebelum ini tiga bulan sebelum atau enam bulan sebelum, harga sesuatu barang itu harganya RM10. Akan tetapi selepas daripada ini ada pengaduan yang dibuat oleh pengguna bahawa peniaga ini membuat keuntungan yang tidak munasabah daripada RM10 naik sampai RM14 ke RM15. Itu akan kita ambil tindakan dan kita akan membuat penilaian dan perbicaraan untuk kita mengetahui mengapa dan kenapa harga begitu tinggi telah dibuat oleh peniaga tersebut.

Jadi, dengan itu kita akan tentukan sama ada ia telah pun membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah. Akan tetapi kalau sekiranya aduan itu lebih daripada biasa kalau RM10 naik 10%-12% mungkin itu ialah kenaikan yang munasabah. Jadi daripada tindakan itulah, daripada perkiraan itulah yang kita ambil dan kita menganggap keuntungan-keuntungan tinggi yang tidak munasabah ini berlaku.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, kebelakangan ini memang tidak ada aduan-aduan yang mengatakan bahawa peniaga-peniaga telah membuat keuntungan yang tidak munasabah. Kalau sekiranya ada, jadi akta ini kita pinda untuk memperkemaskan supaya kita dapat mengambil tindakan pada masa-masa yang akan datang dengan lebih teliti dan juga lebih apabila pindaan ini dengan agak lebih jelas supaya mudah kita mengambil tindakan-tindakan kepada peniaga-peniaga ini. Jadi, itulah penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Mohon mencelah. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sepang, buat pertama kalinya saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sepang tentang mekanisme apa yang perlu digunakan untuk menguatkuasakan akta ini.

Akan tetapi pemantauan juga perlu dilihat bagaimana pihak penguat kuasa di pihak PBT supaya tidak ada berlaku pertindihan kuasa yang mana kalau kita tengok pihak PBT sudah ada dia punya bidang kuas tanggungjawab di peringkat PBT mereka dan supaya tidak ada berlakunya pertindihan. Bagaimana kita hendak memantau ini dan supaya kerja-kerja mereka melibatkan Akta Antipencatutan ini akan dapat membantu rakyat yang dikenakan kenaikan harga yang tidak munasabah dan melampau dan sebagainya sekiranya terdapat aduan daripada pihak orang ramai.

Saya kira seksyen 10A yang menyatakan tentang denda yang dikenakan untuk pihak yang meletakkan yang membekalkan barang atau perkhidmatan yang telah menuntut cukai input daripada kerajaan dan kementerian kenakan cukai balik input semula kepada pengguna akan didenda RM500,000. Ini sangat bagus kerana apabila kita letakkan satu hukuman yang besar, ini menunjukkan kita betul-betul tegas. Akan tetapi setakat mana? Adakah setakat kita bagi *warning* ataupun terus kenakan apabila ada ini kita terus bagi notis dan teruskan tindakan ataupun bagaimana? Mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat, soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat sekali saya ingin jelaskan mengenai dengan mekanisme yang saya sebutkan tadi. Mekanisme ini akan kuat kuasa melalui peraturan untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah iaitu GST yang diwartakan pada hari ini dan mekanisme ini akan ditentukan dari aspek margin dalam tempoh masa untuk pelaksanaan GST.

Jadi, itu mengenai dengan mekanisme tambahan yang boleh saya jelaskan. Mengenai pemantauan yang disebutkan oleh Yang Berhormat untuk pihak PBT, saya sudah sebut pada awal tadi. Memang benar dan kita telah pun berhasrat supaya kita akan menurunkan kuasa kepada pihak PBT dalam hendak membantu kementerian dalam kita hendak menangani masalah pencatutan. Jadi, sebab itu kita telah meletakkan di dalam pindaan ini kuasa diberi kepada Yang Berhormat Menteri untuk menentukan kuasa-kuasa dan juga pelantikan pegawai-pegawai pihak berkuasa tempatan.

Apa yang saya sebut dalam pindaan tadi, subseksyen baru yang menyatakan bahawa menteri boleh memberi kuasa mana-mana pegawai awam atau pegawai-pegawai berkuasa tempatan untuk menjalankan semua atau mana-mana kuasa di bawah akta ini dan juga kita rasa dengan adanya gandingan ini akan dapat kita laksanakan dengan lebih berkesan lagi. Mengenai dengan...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada tiga Ahli Yang Berhormat bangun. Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Kuala Nerus, yang mana satu?

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Saya hendak jelaskan Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum bagi laluan lagi. Sila, sila.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Berkenaan dengan denda disabitkan penalti seperti yang Yang Berhormat sebutkan tadi jika orang itu satu pertubuhan perbadanan didenda tidak melebihi RM500,00 dan bagi kesalahan yang pertama dan keduanya RM1 juta begitu juga orang perseorangan RM100,000 dan penjara tidak melebihi tiga tahun. Penalti ini dibuat dengan tanpa ada lagi amaran dan sebagainya. Sekiranya kiat dapat dia bersalah, kita terus mengambil tindakan terhadap pesalah-pesalah tersebut.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak dapatkan penjelasan berkaitan dengan pegawai PBT dan pegawai awam yang diberi kuasa oleh Yang Berhormat menteri untuk menurunkan kuasa kepada mereka. Sudah tentu sudah ada dalam perkiraan Yang Berhormat Menteri ataupun kementerian sekarang ini apa dia tugas-tugas hendak beri kepada mereka ini.

Bidang kuasa apa dan tugas apa, apa yang kena buat dan sebagainya untuk memastikan supaya masalah-masalah yang kita sebutkan tadi itu dapat diatasi sedangkan yang saya katakan tadi beban PBT itu sendiri sudah terlalu banyak. Jadi kita hendak longgok lagi dengan masalah ini. Jadi saya hendak tanya apa, bidang kuasa macam mana, apa tindakan, apa kerja mereka kena buat ranking mana pegawai PBT itu kita hendak bagi hendak perturunkan kuasa daripada Menteri itu?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Sambung sedikit boleh Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Isu yang sama?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya, ya.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Isu yang sama?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di bawah Akta Kawalan Harga ini, kerajaan sepatutnya menetapkan harga

siling. Selepas itu kita wartakan sebelum apa juga tindakan yang kita buat kepada peniaga-peniaga yang mengambil untung secara *profiteering*, secara berlebihan. Itu patut kita buat.

■1730

Keduanya, untuk barang-barang yang kita import seperti gula, tepung dan susu, barang ini mengikut harga pasaran dunia. Sekiranya barang, kerana harga global yang tidak boleh kita kawal, adakah kerajaan akan membantu kenaikan harga barang? Perkara ini perlu Yang Berhormat Menteri kerana bila Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi, yang pertamanya tentang *nano tag* tadi.

Sebenarnya penguatkuasaan ketika ini tidak ada mempunyai bukti yang nyata. Kalau dulu, apa juga tangkapan yang kita buat, ada bukti dan juga tidak ada penyelewengan berlaku. Pada ketika ini apa yang terjadi, penyelewengan terlalu berleluasa. Hari-hari tangkap, berjuta-juta harga yang ditangkap. Walaupun harga *nano tag* itu hanya RM100 juta tetapi untuk kita menyelamatkan RM100 juta kerana tidak sanggup rugi, lebih daripada RM100 juta. Jadi saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai jawapan kepada Yang Berhormat Pokok Sena, sebab awal tadi dalam jawapan saya pada Yang Berhormat, kita akan adakan perbincangan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menentukan dia punya SOP untuk pegawai-pegawai penguat kuasa ini untuk menjalankan tugas membantu kementerian. Jadi perbincangan ini yang akan kita adakan dari semasa ke semasa dan akan kita bincang dengan kementerian yang bertanggungjawab. Jadi *insya-Allah*, perbincangan...

Tadi saya sudah sebut dalam jawapan tadi bahawa kita akan adakan perbincangan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melihat keperluan dari segi perjalanan penguatkuasaan ini. Jadi, itu saya sudah sebut sudah tadi dan saya harap penjelasan itu, itulah penjelasan yang sudah saya sampaikan bahawa kita akan adakan perbincangan dengan kementerian.

Mengenai dengan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sedikit, sedikit. Yang Berhormat, Yang Berhormat, sedikit sebelum itu. Bila Yang Berhormat kata kita akan adakan perbincangan, maknanya kementerian bila hendak bawa pindaan ini, kita tidak ada satu persediaan apa benda sebenarnya. Sepatutnya kita sudah tahu apa dia bidang tugas yang kita hendak bagi. Sepatutnya sudah selesai antara kementerian ini dengan pihak PBT, dengan Kementerian Perumahan. Sudah tahu apa benda ini tetapi sekarang tidak tahu apa benda lagi, nak bagi tugas apa ini? Hendak beri tugas pergi pasarkah, pergi manakah, buat apakah? Jadi tidak tahu.

Oleh sebab itu saya katakan tadi bahawa sepatutnya kalau dibuat perbincangan awal dengan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mungkin Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan kata tidak patut bagi pada PBT kerana PBT ini pun

tugas banyak sudah. Kerja mereka pun sudah berlonggok tidak selesai sudah. Mungkin itu akan diberitahu oleh Kementerian Perumahan. Jadi saya fikir bahawa sepatutnya lebih awal kita buat perbincangan, munasabah tidak munasabah hendak beri kepada PBT.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjang lagi?

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai dengan soalan dibangkitkan Yang Berhormat tadi mengenai harga siling. Untuk makluman Yang Berhormat, pemantauan dari segi hendak menentukan harga, kita telah membuat pemantauan lebih daripada 10,000 senarai harga barang yang terdapat di pasaran untuk kita tentukan harga selepas daripada GST ini dilaksanakan kerana kita hendak memastikan supaya apabila yang kita sebut harga yang tidak munasabah daripada harga-harga yang sebelum ini. Jadi kita akan tentukan harga tiga bulan sebelum daripada pelaksanaan ini ataupun enam bulan semua barang lebih daripada 10,000 barang keperluan yang terdapat di pasaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai dengan apakah kuasa yang akan diberi kepada pihak PBT, ia adalah untuk kita kuatkuaskan peraturan meletakkan tanda harga terutamanya di pasar-pasar awam bagi memastikan pengguna tidak ditipu di pasar-pasar awam. Itu untuk permulaan.

Jadi itulah jawapan-jawapan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dan akhirnya saya sudahi dengan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah banyak menyumbang pandangan dan saran terhadap Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sedikit lagi Yang Berhormat, sedikit lagi.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

### Fasal-fasal 1 hingga 8 -

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada perbahasan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ada.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, berminat juga ya?

*[Ketawa]* Sila Yang Berhormat Pokok Sena, selepas itu Yang Berhormat Sepang dan kemudian Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

#### 5.36 ptg.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sungguh setia menunggu di Dewan ini. Saya sekali lagi hendak sentuh berkaitan dengan bidang kuasa PBT. Tadi Yang Berhormat sebut bahawa kita hendak supaya mereka itu boleh pergi pasar tengok tanda harga, hendak kuatkuasakan undang-undang tanda harga. Kena pergi *checklah*, makna kena pergi *check* lah selepas ini. Jadi, tidak selesai juga masalah tadi itu.

Maknanya kalau letak harga walaupun harga itu keuntungan yang tinggi, dia tidak boleh ambil tindakan juga. Dia bukan tahu harga itu harga sepatutnya ataupun harga yang lebih. Jadi kita hanya bertumpu kepada label harga, maknanya tanda harga, dan kita hanya tumpu bahawa tindakan akan dibuat kepada pihak peniaga yang mengambil keuntungan yang melampau, makna yang tidak munasabah padahal kita pun tidak tahu harga itu munasabah ataupun tidak munasabah. Pegawai PBT pun tidak tahu harga itu munasabah, tidak munasabah dia pergi letak harga. Letak satu label harga sekian, sekian harga, dia pun tidak tahu.

Keduanya, kita pun kena ambil kira juga, kerajaan patut ambil kira juga keuntungan yang tidak munasabah yang dilakukan oleh peniagakah, siapakah dan sebagainya. Dalam keadaan sekarang ini, masalahnya isu kenaikan harga. Masalahnya harga barang naik. Masalahnya harga munasabah tidak munasabah, itu satu yang kedua. Kenaikan yang tidak munasabah itu yang kedua tetapi hakikatnya persoalannya ialah harga barang naik.

Walaupun tidak munasabah, walaupun harga naik itu munasabah, kenaikan harga itu munasabah, mungkin munasabah tetapi diukur dengan pendapatan yang tidak munasabah, bila diukur dengan pendapatan rakyat, harga getah yang tidak munasabah, teruklah lagi. Jadi ini menjadikan bahawa kenaikan harga itu sudah pun tidak munasabah.

Jadi sebab itu saya katakan bahawa isu sekarang ini ialah untuk hendak dilihat supaya kerajaan lebih melihat, pertama sekali ialah kenaikan harga barang. Sudah pun menjadi masalah kepada rakyat walaupun dikatakan kenaikan itu munasabah, tetapi dia sudah pun naik kerana pendapatan rakyat tidak naik. Maknanya harga getah RM1.80, satu *kupang*, satu kilo dan

sebagainya. Walaupun kenaikan harga itu dikatakan masih munasabah tetapi dibandingkan dengan pendapatan rakyat, tidak munasabah. Tidak munasabah. Pendapatan itu sendiri sudah tidak munasabah, harga getah tidak munasabah. Jadi ini bebanlah kepada rakyat.

Jadi sekali lagi saya hendak berbalik kepada persoalan saya tadi ialah seksyen yang berkaitan dengan hendak memberikan kuasa kepada pihak PBT ini, saya fikir biarlah PBT buat kerja PBT lah. PBT buat kerja PBT. *Pi dok bagi kuasa apa dekat dia, hok yang dia adapun dia tak larat nak pikul, tak larat nak galas dah. Tak larat nak galas dah, banyak kerja dia hendak kena buat macam Yang Berhormat Masjid Tanah kata tadi. Maknanya kerja yang cukup banyak.*

Jadi maknanya kerajaan lantik betul pegawai yang terlatih. Kalau pegawai tidak terlatih... Pegawai PBT, dia tidak terlatih. Dia hari-hari *dok tengok dengan peniaga makanan, peniaga pasar malam, nak pergi melihat persoalan-persoalan antipencatutan ini agaknya dengan dia terpancut sekali.* Terima kasih.

#### ■1740

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sepang. Lepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 5.41 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terpancut baru tahu.

**Tuan Pengerusi [Datuk' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jangan panjang-panjang ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak panjang, tidak panjang. Saya ingin berbahas tentang pindaan kepada seksyen iaitu memasukkan subseksyen 6 iaitu Menteri boleh memberi kuasa pada mana-mana pegawai awam pihak berkuasa tempatan. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Pokok Sena cuma saya juga ingin utarakan apabila kita memberikan kuasa kepada pihak berkuasa tempatan bermakna secara tidak langsung kita telah memberikan mereka satu tanggungjawab baru yang asalnya bukan tugas mereka.

Jadi saya percaya ini akan melibatkan implikasi kewangan sebab sebenarnya mereka terpaksa buat kerja sesuatu dengan gaji mereka yang asal itu mereka terpaksa buat kerja bertambah. Jadi saya tidak tahu adakah ini boleh dilakukan di bawah akta kerajaan tempatan ini? Sebab saya percaya kuasa-kuasa pegawai pihak berkuasa tempatan ini mereka mestilah membuat tugas-tugas yang dalam rangka ruang lingkup akta kerajaan tempatan itu.

Jadi kalau kita meletakkan satu tugas baru untuk mereka melaksanakan ataupun menguatkuasakan akta yang tidak kena-mengena dengan tugas mereka, saya percaya ini akan boleh dilihat sebagai '**astro virus'** akta kerajaan tempatan itu. Oleh sebab itu saya tidak tahu adakah kerajaan telah mengkaji dari segi kesahan *provision* ini? Adakah ia tidak berlawanan dengan akta kerajaan tempatan yang telah pun mengehadkan tugas-tugas pegawai yang telah

dikhususkan dalam akta tersebut. Jadi saya percaya subseksyen 6 ini seharusnya tidak dibuat tanpa kita meneliti dahulu adakah ia selaras dengan akta yang saya telah sebut tadi iaitu akta kerajaan tempatan. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

#### 5.43 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi mengenai dengan penambahan untuk diberikan pandangan. Mengenai dengan apa yang Yang Berhormat Pokok Sena sebut tadi mengenai dengan itu pandangan Yang Berhormat mengatakan bahawa kemungkinan *burden* ataupun tanggungjawab itu akan lebih dirasai oleh pihak berkuasa tempatan ataupun pegawai-pegawai yang berkenaan yang diberi kuasa untuk bersama-sama menjalankan tanggungjawab dengan KPDKKK. Itu pandangan Yang Berhormatlah.

Kita tidak boleh hendak mencegah daripada Yang Berhormat memberi pandangan tetapi apa yang kita rasa bahawa ini ialah program kita hendak wujudkan di bawah NBOS (National Blue Ocean Strategy) kita bersama-sama dengan kementerian. Untuk permulaan seperti yang saya sebut tadi cadangan penguatan kuasa yang kita bagi kepada pegawai-pegawai PBT ini ialah untuk kuatkuaskan peraturan dari segi meletakkan tanda-tanda harga terutama di pasar-pasar kerana semua pasar sama ada pasar kecil ataupun besar ini ada di bawah kelolaan pihak berkuasa tempatan itu untuk memastikan pengguna tidak ditipu untuk permulaan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Adakah mereka ini akan dibayar elauan Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Itu bergantung kepada perbincangan kementerian KPDKKK dengan KPKT. Kuasa kepada pihak PBT dan isu pemberi kuasa ini adalah untuk membantu macam saya sebut tadi kementerian seperti mana kuasa yang diberi kepada agensi-agensi lain contohnya kepada JAKIM untuk membantu penguatkuasaan halal. Itu pun kita bagi kuasa kepada JAKIM di bawah Akta Perihal Dagangan di bawah KPDKKK. Jadi ini kerjasama yang perlu kita hendak tingkatkan apabila menjelangnya pelaksanaan GST itu nanti.

Mengenai dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang tadi sebagai satu tanggungjawab baru dan kita rasa memang satu tanggungjawab baru kepada penambahan sedikit kepada pihak berkuasa PBT supaya dapat membantu dan mungkin tanggungjawab ini tidak begitu kerana sedia sentiasa menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai penguatkuasaan di seluruh PBT. Jadi kita...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mana boleh begitu Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta maaf. Yang Berhormat Timbalan Menteri, mana boleh cakap begitu. Mereka sedia. Mereka tidak suka buat kerja tambahan ini.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Itu yang kita sebut ada perbincangan di antara kementerian dengan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya betul tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi seolah-olah macam...

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Kita akan bincanglah. Yang Berhormat kita akan bincang dengan kementerian. Yang Berhormat tidak perlu risau dengan apa yang akan kita bincang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak, kita berhak untuk risau sebab kalau mereka buat kerja tambahan mereka tidak buat kerja tentang sampah semua nanti. Akhirnya kerja yang mereka patut buat tak buat, mereka buat kerja lain.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Dan kita yakin Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini kita perlu *concern* Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebab apa *you* bagi satu kerja baru yang tidak ada dalam tugas mereka.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** ...Dan kita yakin kerja hakiki mereka akan mereka laksanakan. Ini cuma penambahan untuk membantu kita. Terima kasih. Tuan Pengerusi terima kasih banyak.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Saya hairan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau kita suruh doktor buat kerja *nurse* mana boleh.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab soalan saya tadi. Kenapa orang patutnya hendak buat ini bincang dahululah. Sebelum bentang itu bincang dahulu dengan kementerian. Ini bila kita tanya tidak tahu. Kita pun tidak ada apa lagi. SOP hanya setakat hendak pergi letak harga barang, tengok harga barang. Hendak kena bincang dahulu dengan kementerian. Ini apa? Patutnya bincang dahulu, bincang dahulu. Selesai dahulu barulah mari itu kalau kita tanya kita tahu SOP apa dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ini yang kata...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Parit Sulong tidak apalah tidak ada majlis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ini bukan keuntungan tidak munasabah. Ini pentadbiran yang tidak munasabah. Pentadbiran yang tidak munasabah bagi saya.

*[Fasal-fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]  
 [Majlis Mesyuarat bersidang semula]  
 [Rang undang-undang dilaporkan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih.

### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### **Kekurangan Rumah Mampu Milik**

##### **5.49 ptg.**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan masalah kekurangan rumah mampu milik di bawah usaha kerajaan di kawasan Sibu. Sekarang usaha kerajaan untuk membina rumah mampu milik di Sibu hanya terdapat di Sibu Jaya yang berada lebih kurang 25 kilometer dari Bandar Sibu.

##### **■1750**

Tuan Yang di-Pertua, jenis rumah yang dibekalkan hanya rumah pangsa. Memandangkan di Sarawak mempunyai tanah yang luas, rumah pangsa adalah tidak digemari, ditambah lagi kualiti rumah yang dibekalkan amat rendah berbanding dengan rumah mampu milik yang dibekalkan oleh pihak swasta dan mempunyai pilihan yang banyak.

Sekarang banyak projek perumahan mampu milik daripada pengusaha swasta masih mengamalkan sistem *double contract*. Ini merupakan sesuatu yang amat membebankan rakyat. Kebanyakan skim atau program perumahan seperti rumah mesra rakyat, PPR dan sebagainya yang menyasarkan golongan yang miskin, berpendapatan kurang dari RM2,000 perlu disediakan di kawasan Sibu. Ada beberapa program memerlukan pemohon mesti mempunyai tapak atau

tanah sendiri. Saya rasa syarat itu amat susah dipenuhi oleh kebanyakan pemohon miskin. Saya hairan apabila kerajaan memperkenalkan MyHome Program tetapi syaratnya terlampau. MyHome hanya untuk golongan yang berpendapatan lebih daripada RM3,000 sebulan baru layak memohon.

Akan tetapi memandangkan kebanyakan golongan yang tidak berupaya untuk memiliki rumah sendiri merupakan golongan yang berpendapatan kurang dari RM3,000 sebulan, harga rumah yang ditawarkan oleh program ini merupakan harga rumah kos rendah yang ditawarkan oleh kebanyakan pengusaha swasta selepas proses *double contract*. Adakah ini bermakna golongan berpendapatan rendah ini akan bertanding dengan golongan yang berpendapatan sederhana tinggi untuk mendapatkan rumah kos rendah? Saya harap kerajaan boleh menurunkan syarat dalam Program MyHome supaya golongan berpendapatan kurang dari RM3,000 juga boleh layak memohon serta melibatkan semua pengusaha swasta dalam Program MyHome. Ini supaya lebih banyak rumah sedia ada boleh ditawarkan dan mengelakkan masalah *double contract* yang mengelirukan dan membebankan rakyat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri, sila.

#### **5.52 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Sibu. Yang Berhormat, sebenarnya perkara ini saya sudah jawab dalam sidang Parlimen yang lepas. Saya pun tak faham kenapa Yang Berhormat hendak bawa balik usul ini? *[Ketawa]* Saya sudah jawab, semua masalah Yang Berhormat bangkitkan ini saya sudah jawab sebenarnya dalam sidang yang lepas. Akan tetapi tak apalah. Oleh sebab ini sidang yang ada pada hari ini, saya jawab balik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman kepada Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat bangkitkan tentang persoalan berkaitan dengan pelaksanaan PPR di Sibu. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian laksanakan projek PPR ini bergantung pada permintaan daripada kerajaan negeri ya Yang Berhormat.

Oleh sebab saya sudah jelaskan dalam jawapan saya yang sebelum ini semua, manapun permohonan kepada mana-mana projek baru PPR, permohonannya itu mesti datang daripada permohonan kerajaan negeri. Maknanya, kerajaan negeri yang memohon. Kalau kerajaan negeri kata, kerajaan negeri hendak buat lebih di kawasan Yang Berhormat di Sibu maka kerajaan negeri akan mencadangkan kepada pihak kementerian untuk bina PPR di kawasan Sibu dan tanah akan disediakan oleh pihak kerajaan negeri.

Selain daripada itu, cadangan tanah yang akan disediakan oleh kerajaan negeri akan dinilai oleh pihak kementerian sebelum kementerian membuat perancangan untuk pembinaan hasil daripada cadangan tanah yang dikemukakan oleh pihak kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek PPR bergantung pada peruntukan yang akan diterima oleh pihak KPKT. Ini kerana pada setiap tahun kalau Yang Berhormat maklum, pada setiap tahun kerajaan akan bentangkan bajet, bajet untuk pelaksanaan pada tahun yang akan datang. Macam tahun ini kita dapat peruntukan sebanyak RM578 juta untuk kita bina rumah-rumah PPR yang telah pun siap sedia dimohon oleh pihak-pihak kerajaan negeri termasuklah Kerajaan Negeri Sarawak.

Selain daripada itu, bagi kawasan Sibu Yang Berhormat, kementerian telah pun menyiapkan satu projek PPR 500 unit di Seduan, Sibu. Yang Berhormat maklumkan di Seduan, Sibu dan telah pun diserahkan oleh KPKT kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada 15 Februari 2012 dan untuk pengisian dan penyelenggaraan. Yang itu kerajaan negeri akan uruskan.

Sehingga 31 Mac 2014, kita serah PPR 500 unit, sehingga 31 Mac 2014, sejumlah 489 unit telah pun diisi. Saya sebenarnya tidak setuju bila Yang Berhormat menyatakan bahawa kualiti pembinaan PPR yang ada adalah rendah. Saya tak tahu sama ada Yang Berhormat sudah tengok ke belum PPR baru ini. Kalau Yang Berhormat belum tengok, tak apa. Sekejap lagi saya bagi gambar ini kepada Yang Berhormat. Saya hendak Yang Berhormat tengok, semua ini gambar-gambar yang saya sudah ambil tentang 500 PPR Seduan yang kita bina di Sibu. Ini Yang Berhormat, ini ialah konsep baru dan moden. *[Sambil menunjukkan kertas]* Jadi kalau Yang Berhormat kata Yang Berhormat tidak puas hati dengan kualiti pembinaan PPR yang ada, Yang Berhormat kata rendah dan sebagainya, jadi ini satu pernyataan ayat yang saya hendak sangkal dan saya tidak setuju dengan kenyataan itu.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, bila kementerian melaksanakan projek PPR ini, kita bukan sahaja bina projek PPR, kita bina rumah. *We do not only build houses but we build homes*, dengan izin. *We do not build houses alone but we build homes*, dengan izin. Maknanya bila kita bukan bina rumah semata-mata tetapi kita bina tempat tinggal. Maka sudah tentulah kita tidak akan kompromi dengan kualiti yang perlu diberikan oleh mana-mana pemaju yang membangunkan projek PPR yang ada. Dia ditetapkan mengikut kepada standard pembinaan melalui *construction industry standard* (CIF) dengan izin, yang dikeluarkan oleh CIDB.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, yang berkaitan dengan Skim MyHome, yang ini pun saya sudah jawab dalam sidang Parlimen yang lepas Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat sedar, saya sudah jawab. Yang Berhormat bangkitkan mengenai Skim MyHome.

Skim MyHome ini Yang Berhormat, dia hendak menawarkan insentif. Dalam ucapan bajet yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memaklumkan untuk Skim MyHome 10,000 unit rumah dengan peruntukan sebanyak RM300 juta. Kita bagikan insentif RM30,000 seunit bukan sahaja memberi faedah kepada pembeli-pembeli yang berpendapatan isi

rumah antara RM3,000 sehingga RM6,000 sebulan tetapi juga sebagai insentif kepada pemaju swasta untuk menggalakkan pemaju supaya bina lebih banyak lagi rumah-rumah mampu milik bagi kadar pendapatan RM3,000 sehingga RM6,000 yang berkenaan.

Pembinaan rumah kos rendah yang dibangunkan atas konsep PPR yang sebutkan daripada mula tadi, itu adalah untuk rakyat yang berpendapatan kurang daripada RM2,500 dan yang mana kurang daripada RM2,500, bermakna bawah daripada RM3,000 boleh memohon rumah PPR. Yang mana berpendapatan RM3,000 hingga RM4,000, Skim MyHome yang pertama dengan jualan rumah antara RM80,000 sehingga RM120,000 bagi mereka yang berpendapatan RM3,000 sehingga RM4,000, kaki persegi 800 dan bagi mereka yang berpendapatan RM4,0001 sehingga RM6,000 Skim MyHome kedua iaitu RM120,001 sehingga RM250,000.

Ini adalah merupakan skim yang disediakan untuk menggalakkan bukan sahaja kepada mereka yang berpendapatan bawah RM3,000 tadi untuk PPR dan yang berpendapatan RM3,000 sehingga RM6,000 ini akan dapat juga menikmati, membeli rumah mampu milik di bawah Skim MyHome yang ada. Selain daripada itu, kepada mereka yang mana yang bawah daripada RM2,500 di peringkat kementerian KPKT, kita juga sediakan insentif yang lain. Bina rumah kepada golongan berpendapatan rendah, bawah daripada itu melalui skim pinjaman perumahan yang disediakan di peringkat kementerian.

Jadi apa yang hendak saya nyatakan Tuan Yang di-Pertua bahawa pembelaan kepada masyarakat, ia mencakupi semua golongan masyarakat yang ada. Selain daripada itu, isu terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang berkaitan dengan *double contract*, tak berlaku Yang Berhormat. Tak berlaku dalam penjualan rumah yang dilaksanakan oleh kementerian. Jadi Yang Berhormat tak payah hendak bimbang. Ini soal *double contracting* dan sebagainya, ia tidak berlaku kepada mana-mana projek PPR yang dibangunkan oleh kementerian...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Swasta, swasta. Ini berlaku di syarikat swasta.  
[Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlu Yang Berhormat...

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Yang Berhormat duduk, saya jawab. Yang Berhormat sudah tak boleh mencelah lagi. Nanti Yang Berhormat bangkitkan pada soalan yang akan datang. Apa yang saya dengar Yang Berhormat bangkitkan tentang isu *double contract*.

Saya hendak maklumkan dari segi tanggungjawab kementerian, tak berlaku termasuk di bawah Skim MyHome. Di bawah Skim MyHome, perumahan yang dibangunkan oleh syarikat-syarikat swasta di bawah Skim MyHome juga tidak akan berlaku kerana kerajaan akan tentukan segala prosedur berjalan seperti sepatutnya dan tidak akan berlaku *double contract* kerana harga jualan ini dikawal oleh kerajaan di bawah Skim MyHome dan juga di bawah program PPR.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta kepada Yang Berhormat, kalau ada *double contract* yang dilaksanakan oleh pemaju swasta dekat kawasan Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh kemukakan isu yang berkenaan kepada pihak kementerian supaya kita boleh mengambil tindakan. Terima kasih banyak-banyak Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah urusan Mesyuarat kita pada hari ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 18 Jun 2014.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.01 petang]**